

**Bil. 12**

**Rabu  
9 Disember 2009**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**



## K A N D U N G A N

<b>MENGANGKAT SUMPAH</b>	(Halaman 1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>	
Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman 1)
Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 1)
Ucapan Takziah	(Halaman 2)
Memperkenankan Akta-Akta	(Halaman 2)
Perutusan Dewan Rakyat	(Halaman 3)
Cuti Kepada Ahli – Kebenaran	(Halaman 3)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman 3)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 4)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009	(Halaman 28)
Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 2009	(Halaman 39)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Tan Sri Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
11. “ Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Kewangan II*
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. “ Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng (Pahang)
18. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
19. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah (Dilantik)
21. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
22. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
23. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Dato' Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
26. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
31. “ Tuan Datuk Maijol bin Mahap (Sabah)
32. “ Dr. M. Malasingam (Dilantik)

33. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato' Maznah Mazlan (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Sumber Manusia*
35. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [(Dilantik)]
36. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
37. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
38. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
39. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
40. “ Dato' T. Murugiah (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
41. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
42. “ Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
43. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
44. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
45. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
46. “ Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
47. “ Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
48. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
49. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
50. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
51. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
52. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
53. “ Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat(PS)*
54. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
55. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
56. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
57. “ Tuan Syed Husin Ali (Selangor)
58. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
59. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
60. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
61. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
62. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
64. “ Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
65. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. “ Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)
67. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariahah binti Mohd. Isa

Nordiyana binti Kamal Ariff

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Adelynn Cheah Ee Kim

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Noor Salini binti Mohamed Salim

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman





**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Rabu, 9 Disember 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- (i) Y.B. Datuk Majjol bin Mahap
- (ii) Y.B. Tuan Muhammad Olian bin Abdullah
- (iii) Y.B. Datuk Paul Kong Sing Chu
- (iv) Y.B. Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah

■1010

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****Mengalu-Alukan Ahli Baru**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap sebagai Ahli Dewan Negara. Saya juga mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian bin Abdullah, Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu, Yang Berhormat Ramakrishnan a/l Suppiah sebagai Ahli-ahli Dewan Negara yang baru. Seperti mana dilafazkan dalam sumpah sebentar tadi, sebaik sumbangan yang boleh Yang Berhormat berikan kepada negara bermula dari Yang Berhormat berazam untuk memahami, menghayati, mendokong dan mempertahankan Perlembagaan. Ini adalah sewajarnya kerana ia merupakan titik tolak *rules of law* bagi negara, masyarakat dan rakyat jelata.

Hanya melalui dokongan kita bersama terhadap kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan maka sistem demokrasi berparlimen negara akan dapat menjamin keutuhan, kejayaan dan kecemerlangan Malaysia. Saya berharap semoga Yang Berhormat berjaya mendokong tugas tersebut sebagai Ahli Dewan yang mulia ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selesailah Majlis mengangkat sumpah pada hari ini.

**MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 1 September 2009:

- (i) Y.B. Dato' Sri Idris Jala.
- (ii) Y.B. Tuan Lee Cheam Choon.

Pada 16 November 2009:

- (i) Y.B. Dato' Azian bin Osman.
- (ii) Y.B. Puan Heng Seai Kei.

### **UCAPAN TAKZIAH**

#### **Ucapan Takziah kepada keluarga Allahyarham Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita dan sedih, ingin saya memaklumkan bahawa seorang daripada Ahli Dewan Negara ini iaitu Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh telah meninggal dunia pada hari Khamis, 27 Ogos 2009 bersamaan 6 Ramadan, 1430 Hijrah, jam 4.33 pagi di Changi General Hospital, Singapura. Beliau telah dilantik menjadi Ahli Dewan negara pada 18 Disember, tahun 2007.

Saya bagi pihak ahli-ahli Dewan Negara dan pihak Parlimen seluruhnya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih di atas pemergian beliau dan ucapan takziah kepada Datin Hasnah binti Wahab, balu beliau serta keluarga. Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadihkan Al-Fatihah kepada roh beliau dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit. Terima kasih.

### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008;
2. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008;
3. Akta Makanan Haiwan 2008;
4. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008;
5. Akta Identifikasi Asid (Deoksiribonukleik) 2008;
6. Akta Suruhanjaya Integriti Penguatkuasaan 2009;
7. Akta Bank Negara Malaysia 2009;
8. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009; dan
9. Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Pindaan) 2009.

**PERUTUSAN DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

"1 Disember 2009

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009;
2. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 2009;
3. Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008;
4. Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa Elaun Kenangan (Pindaan) 2009; dan
5. Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani Elaun Kenangan (Pindaan) 2009.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.

**URUSAN MESYUARAT**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

▪ 1020

**CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, dari 9 Disember 2009 hingga 22 Disember 2009.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan akan meminda akta di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, bagi membolehkan sistem e-mahkamah di Malaysia dapat dimantapkan lagi apabila penyimpanan data dan rekod dalam bentuk digital disimpan dalam komputer atau disalin dalam bentuk cakera padat (CD) untuk kegunaan jangka masa panjang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 17, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kaedah-Kaedah, sedang mengkaji dan menyiapkan satu set kaedah-kaedah mahkamah baru yang menggabungkan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah dan Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi dikenali sebagai *Combine Civil Procedure Rules*, dengan izin. Kaedah-kaedah baru ini dijangka akan memperkenalkan suatu peruntukan berkaitan penyimpanan nota prosiding dalam bentuk pita rakaman, cakera padat ataupun mana-mana teknologi yang bersesuaian untuk kemudahan masa akan datang.

Walau bagaimanapun, pihak mahkamah telah pun memperkenalkan sistem CRT dengan izin, *Court Recording Transcription*, di beberapa mahkamah sebagai suatu permulaan kepada langkah-langkah penambahbaikan sistem mahkamah sedia ada. Melalui sistem CRT ini, keterangan saksi dirakam secara elektronik dan hakim-hakim tidak lagi perlu menulis. Ia sekali gus menjimatkan masa mahkamah dan perbicaraan dapat dipercepatkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, selepas itu Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap dan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pelaksanaan Sistem e-Mahkamah ini dapat meningkatkan pentadbiran di mahkamah. Pada masa yang sama ianya boleh mengurangkan kos ataupun tenaga kerja di mahkamah. Apakah pendekatan atau strategi kerajaan bagi menentukan kejayaan pelaksanaan e Mahkamah ini? Kedua, adakah pelaksanaan e-Mahkamah ini juga dapat menjamin keselamatan bahan-bahan di mahkamah? Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama tadi, adakah kerajaan boleh menjamin kejayaan? Memang! Kedua, itu adalah dari segi sekuritinya, dari segi perbicaraan, dan juga prosiding-prosiding.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu jawatankuasa di bawah Akta Mahkamah Kehakiman telah ditubuhkan dan diketuai oleh Ketua Hakim Negara di mana anggotanya adalah hakim-hakim, wakil Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam atau *Bar Council*. Dengan adanya jawatankuasa ini, prosedur *e-Court* ini, *e-Court* ini ada empat aspek iaitu, dengan izin:

- (i) *e-Filing system*;
- (ii) *case management system*;
- (iii) *queue management system*; dan
- (iv) CRT.

CRT ini yang menjadi isu. Maka jawatankuasa ini akan memantau dan merangka segala dasar dan keperincian yang perlu disahihkan. Maka mereka akan menjaga. Oleh kerana autoriti, kewibawaan itu terletak kepada golongan-golongan perwakilan yang tertinggi di institusi mahkamah, maka saya yakin bahawa segala yang telah dibicarakan itu akan dapat dijagalah dan kita sudah perkenalkan di Mahkamah Kuala Lumpur pada Oktober ini. Sudah mula, dan Shah Alam sudah dapat tempiasnya dan seluruh negara akan merangkumkan pada tahun-tahun akan datang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap.

**Datuk Majjol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. e-Sistem ini, atau CRT, dan juga *e-Filing* ini adalah sesuatu yang baru dalam sistem kita.

Bukan semua peguam atau pengamal undang-undang ini memahami dan tahu tentang sistem ini. Walhal adalah amat penting bagi peguam-peguam untuk mengetahuinya. Sebab kalau tidak, akan memudaratkan kesnya. Mungkin kesnya boleh dibuang dan sebagainya. Akan tetapi, apa yang saya perhatikan ialah kerajaan setakat ini belum lagi mengambil kira. Kalau tidak silap saya, tentang mata pelajaran e-Sistem, e-Filing, CRT dan sebagainya. Kini dalam tahun akhir pengajian undang-undang dan juga di peringkat *Bar* dan sebagainya. Adakah kerajaan mahu supaya ini diambil kira dalam mata pelajaran tersebut?

Kedua ialah bagaimanakah dengan pengamal undang-undang yang ada sekarang ini? Bukan penuntut tetapi pengamal undang-undang sekarang ini yang sudah pun mengamalkan undang-undang sekarang ini, termasuklah juga kakitangan pegawai-pegawai mahkamah. Adakah mereka didedahkan dengan pengetahuan yang baru ini? Ini kerana ia amat penting kalau tidak, *knowledge has to be up-dated all the times*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sesungguhnya sekiranya *e-Court* ini, ataupun mahkamah elektronik ini telah diperkenalkan, sudah tentunya bahawa segala kapasiti yang diperlukan telah pun dirancang bersama dan implikasi kewangannya pun akan diaturkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua *fertility*, dengan izin, perundangan akan didedahkan kepada konsep elektronik ini. Kini saya rasa, berkaitan dengan pengajiannya sekali akan mempunyai sukatan-sukatan yang berkaitan dengannya. Seterusnya pembinaan kapasiti ini akan menjadi satu yang berterusan. Seterusnya perubahan dinamik mahkamah itu akan dituntut dengan penyiapan sumber manusia yang diperlukan bersama. Ini adalah proses evolusi dan perlu dilaksanakan dalam proses masa dan tetap ia akan berlaku. Ini kerana golongan-golongan yang tidak kesesuaian tidak mungkin akan cemerlang dalam bidang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli yang telah dilantik dan baru dilantik. Soalan tambahan saya, apakah halangan-halangan yang telah dikenal pasti oleh kerajaan dalam pelaksanaan *e-Government* yang telah pun dilaksanakan sebelum ini dari mengelakkan benda yang sama menimpa e-Mahkamah?

Kedua, sejauh manakah komitmen kerajaan untuk e-Mahkamah ini memandangkan setakat ini kalau di Mahkamah Majistret hanya satu buah komputer sahaja yang dilengkapi dengan kemudahan *internet*. Bilakah e-Mahkamah ini akan dilaksanakan sepenuhnya? Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, halangan-halangan itu. Pertama adalah dari segi kapasiti yang dikatakan, sumber kewangan yang diperlukan yang begitu besar sekali. Ini kerana bila hendak tukar segala-galanya kepada elektronik, ia memerlukan belanjawan yang besar.

Kedua dari segi pembinaan keupayaan. Ia memerlukan bukan sahaja kepakaran dari segi perundangan tetapi memerlukan kepakaran dari segi elektronik, *computer serving*. Maka kedua-duanya diperlukan, maka kita kena cari sumber ataupun golongan-golongan yang pandai dalam dua-dua ini. Maka ini satu.

Kita ada golongan yang lama dalam perundangan yang mungkin tidak begitu terdedah kepada elektronik ini. Maka kita perlu membina kapasiti kepada golongan yang lama dalam perundangan kerana mereka memiliki kepakaran dalam ilmu mereka. Seterusnya kepada yang dikatakan isu yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Komitmen kerajaan, memang! Kalau tidak jawatankuasa tidak ditubuhkan. Untuk ke depan itu tidak akan berlaku. Maka jawatankuasa ini akan memastikan. Maka implikasi kewangan itu akan dibentangkan dalam Rancangan-rancangan Malaysia yang akan bakal datang untuk dimasukkan segala itu supaya komputer akan banyak dibekalkan, pakar-pakar akan banyak dibekalkan di peringkat akar umbi. Terima kasih.

**Professor Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya ingin mengambil kesempatan ini terlebih dahulu untuk bersama-sama kita sekali lagi merakamkan takziah saya kepada Allahyarham sahabat kita Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh. Semoga rohnya di tempatkan oleh Allah SWT di tempat yang penuh rahmat, dan semoga keluarganya diberi Allah kesabaran.

**2. Professor Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah kementerian berpuas hati bahawa sistem pelbagai aliran sekolah (di peringkat rendah) di negara ini tidak akan menggagalkan usaha-usaha mewujudkan perpaduan kaum dan pembentukan negara bangsa.

■1030

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** *Assalamualaikum* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menggubal sesuatu dasar atau program pendidikan adalah berdasarkan keperluan jangka pendek dan jangka panjang dengan tujuan untuk memantapkan sistem pendidikan negara agar seiring dengan perkembangan pesat dunia. Dasar Pendidikan Kebangsaan pula dilaksanakan melalui satu Sistem Pendidikan Kebangsaan yang memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama;
- (ii) kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama;
- (iii) pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya dan yang akan memenuhi keperluan negara; dan
- (iv) memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Berhubung dengan cadangan untuk memperkenalkan sistem pendidikan satu aliran, kementerian sentiasa bersikap terbuka dan sedia menerima pandangan atau cadangan daripada semua pihak demi kepentingan pendidikan negara. Ini kerana pandangan daripada pelbagai pihak amat perlu supaya sesuatu dasar yang akan diperkenalkan dan dilaksanakan boleh diterima serta tidak menyentuh sensitiviti mana-mana kaum di negara ini.

Justeru, kita hendaklah secara bersama mendukung satu sistem pendidikan yang dipersetujui oleh semua kaum di negara ini. Sistem pendidikan pelbagai aliran yang ada di negara kita pada hari ini adalah satu takdir sejarah yang hanya boleh diubah sekiranya semua kaum bersedia untuk menerima dan mengamalkan sistem satu aliran yang lebih bersepadu.

Namun, sistem yang ada sekarang mestilah dieksploitasi semaksimum boleh untuk mengekalkan perpaduan yang sedia ada sekarang seperti mana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sistem sekolah satu aliran hanya boleh dilaksanakan sekiranya kita telah bersedia dan hanya jika inilah yang dikehendaki oleh rakyat. Oleh itu yang penting ialah dasar dan falsafah pendidikan tidak berubah, yang berubah ialah pendekatan seperti PPSMI dan penetapan sepuluh mata pelajaran di peringkat SPM. Terima kasih.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Terima kasih jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejauh manakah jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengambil kira pandangan tokoh-tokoh akademik, tokoh-tokoh pendidikan yang sudah teruji kepakaran masing-masing seperti Profesor Khoo Kay Kim, Profesor Sivapandian Murugan dari USM dan Profesor Rozana Keling dari UPSI dan juga Dr. Ridhuan Tee dari Universiti Pertahanan.

Saya timbulkan perkara itu kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sistem satu aliran akan kita laksanakan jika setiap pihak sudah bersedia. Perkara implisit atau tersirat dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ialah, bahawa kementerian dalam hati kecilnya mahu supaya sistem satu aliran dilaksanakan.

Akan tetapi kerana perhitungan-perhitungan jangka pendek yang mengorbankan perhitungan-perhitungan jangka panjang menyebabkan sistem yang bercelaru sekarang diteruskan.

Saya katakan sistem yang bercelaru Tuan Yang di-Pertua, kerana tadi disebut tentang keperluan pembinaan negara bangsa. Pembinaan negara bangsa memerlukan persamaan nilai, persamaan adab sopan, persamaan keupayaan menggunakan bahasa kebangsaan yang sama. Akan tetapi pengalaman saya, saya berumur 66 tahun, ada pelajar-pelajar tamatan sekolah yang bukan aliran kebangsaan ini membahaskan saya "kamu, awak."

Jadi, ini adalah suatu yang saya melihat ini adalah sebagai kegagalan sistem satu aliran yang akan merintang pembangunan negara bangsa itu. Oleh kerana itu saya rasa dalam hal ini kementerian tidak seharusnya mengharapkan orang ramai akan setuju. Perlu ada langkah-langkah yang konkrit, langkah-langkah yang komprehensif, langkah-langkah yang sistematik di pihak kerajaan untuk secara beransur-ansur memastikan supaya sistem satu aliran itu dirancang, dilaksanakan dan lambat laun diterima.

Akan tetapi, sekarang yang agak menyedihkan dikatakan bahawa kita hanya akan melaksanakan sistem satu aliran apabila semua orang sudah bersetuju. Akan tetapi, apakah yang kita lakukan untuk memastikan semua orang bersetuju, yang kita lakukan sekarang ialah mengambil satu sikap yang liberal membiarkan setiap pihak yang beraliran, yang mempunyai fikiran yang berbeza-beza itu menyuarakan harapan dan keinginan masing-masing tanpa menyedari bahawa semua ini menghalang semangat pembentukan sebuah negara bangsa.

Sekali saya nyatakan bahawa pengalaman saya sebagai seorang guru, sebagai seorang aktivis masyarakat, saya dapati baru sebentar tadi seorang yang meminta saya supaya saya diajar sedikit tentang komputer ini. Dia panggil saya "kamu", saya kata, "Awak baru berumur 20 tahun. Kalau saya berumur 66 tahun memanggil kamu awak, tidak mengapa, tetapi saya, jangan!"

Ini suatu contoh bagaimana adab sopan itu tidak tersemat dalam sistem yang bercelaru sekarang. Saya harap sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengambil kira perkara-perkara ini demi masa depan negara, bukan kerana perhitungan-perhitungan pendek, perhitungan-perhitungan politik jangka pendek, kumpulan-kumpulan yang rasanya lebih mementingkan kepentingan politik daripada kepentingan jangka panjang negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebab itulah Kementerian Pelajaran menyatakan tadi bahawa kita adalah terbuka. Sikap kita terbuka sebenarnya dan untuk kita melaksanakan sesuatu keputusan, ia bukan sahaja memerlukan kepada *political will*, dengan izin iaitu kesungguhan politik tetapi ia juga bergantung kepada kejujuran politik, dan dalam suasana politik negara yang tidak berasaskan kepada politik hati nurani ini, maka sudah tentulah jika kita membuat sesuatu keputusan, maka ada orang yang akan mengeksploitasinya dan inilah antara halangan.

Sebab itulah apabila kita hendak menukar pendekatan PPSMI, ada yang mengambil kesempatan, iaitu bahawa dahulu dia tidak bersetuju tetapi setelah keputusan sudah dibuat ada pula yang mengatakan kenapa lambat sangat, itu satu. Kedua ada pula mengatakan kami hanya bersetuju hapuskan di sekolah rendah, di sekolah menengah kalau boleh teruskan.

Maka ini antara halangan-halangnya. Sebab itulah saya kata kalau Yang Berhormat bertanya, apa yang kita boleh buat sekarang ini, maka pada saya antara yang kita boleh buat sekarang ini ialah memperkasakan sekolah kebangsaan supaya sekolah kebangsaan akan menjadi pilihan utama kepada anak-anak kita. Sekarang ini Yang Berhormat Senator, apa yang berlaku di sekolah kebangsaan untuk kaum Cina hanya 6% yang masuk ke sekolah kebangsaan dan untuk kaum India hanya 30%. Maka itu kita harus mencari pendekatan bagaimana sekolah kebangsaan kita dapat perkasakan dan ia menjadi pilihan utama kepada anak kita yang tujuannya ialah untuk membina negara bangsa. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah kenapa apabila isu sekolah satu aliran itu ditimbulkan, ia lebih dilihat daripada sudut perkauman, kenapa?

Kedua, bukankah dahulu kerajaan pernah mengesyorkan supaya diwujudkan sekolah wawasan dengan matlamat untuk merapatkan hubungan antara kaum. Kenapa ini juga ditolak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Yang Berhormat, sebab itulah apabila berlakunya kes Kuala Dipang. Kuala Dipang adalah satu tragedi yang kita rasa simpati kepada ibu bapa yang kehilangan anak mereka, kerana ia juga merupakan kehilangan kepada kita, anak didik kita, tetapi ada pihak melihat isu Kuala Dipang itu sebagai kesempatan menuntut supaya Program 1Malaysia untuk anak-anak kita ini dihentikan hanya kerana peristiwa tersebut.

▪ 1040

Sedangkan dia tidak melihat kepentingan, betapa pentingnya program tersebut untuk tujuan perpaduan, untuk melahirkan semangat patriotisme Malaysia ini. Sebab itulah saya kata bahawa, apabila diwujudkan sekolah wawasan - untuk maklumat Yang Berhormat, setakat ini hanya ada tiga sekolah wawasan. Satu, sekolah wawasan yang memenuhi matlamatnya iaitu ada tiga sekolah aliran, iaitu SK, SJK(C) dan SJK(T). Yang dua lagi hanya SK dan SJK(T), tidak ada SJK(C). Sebab itulah saya mengatakan bahawa dasar kita tidak berubah, pendekatan berubah. Sebab itu kita terpaksa mencari pendekatan-pendekatan yang kreatif dan inovatif untuk melaksanakan, ataupun berusaha untuk mencapai dasar pelajaran kita itu. Oleh kerana itu pun, dalam usaha kita hendak melakukan dan mencari pendekatan baru ini, kita juga berhadapan dengan halangan-halangan iaitu mereka sentiasa melihatnya daripada sudut kaum dan ini menjadi halangan. Sebab itulah menjadi tugas besar kepada kita sebagai ahli politik ini, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat sama-sama memikirkan perkara yang murni ini untuk kebaikan negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebelakangan ini, banyak diperkatakan tentang perpaduan kaum. Apakah pihak Kementerian Pelajaran dapat mengkaji tentang silibus awal bagi murid-murid prasekolah dan juga silibus Tahun 1 hingga Tahun 6, sebab ada terdapat kegagalan dalam sistem yang sedia ada sekarang lebih-lebih lagi daripada segi perpaduan tidak seperti zaman tahun 60an, 70an dahulu, di mana kita dapat membuat perpaduan kaum ini. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk kita mengatakan bahawa apa yang kita ada sekarang ini gagal pun tidak tepat tetapi kita mesti mempunyai kejujuran politik untuk berusaha lebih gigih sebenarnya. Memang pendidikan adalah merupakan medium yang cukup penting untuk kita mendidik anak bangsa kita supaya matlamat perpaduan itu dapat dilaksanakan terutama untuk generasi kita. Kita tidak boleh mewariskan kepada generasi kita ini pada masa depan satu masyarakat yang berpecah belah. Sebab itulah pendidikan penting. Kita banyak usaha seperti RIMUP iaitu Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan, kita buat. Sekarang timbul 1Malaysia, kita buat dan kita tidak melambatkan program tersebut. Hanya bila berlaku kes Kuala Dipang, akhirnya orang tidak melihat kepentingan program perkhemahan 1Malaysia.

Mereka lebih melihat isu tersebut yang sekarang sudah pun menjadi isu mahkamah. Oleh itu sebenarnya, antara usaha kita mahu lakukan ialah bila kita melakukan transformasi kurikulum ini, maka elemen yang kita mahu masukkan ialah elemen sejarah. Elemen sejarah iaitu bahawa kita tidak boleh mengubah sejarah. Oleh sebab itu bila ada orang menuntut supaya masukkan perkara-perkara tertentu yang sebenarnya bukan sejarah, maka di sini kita melihat kejujuran politik itu tidak ada. Sebab itu pada saya, elemen sejarah ini penting supaya anak bangsa kita ini memahami sebenarnya, memahami asal usul negara ini dan kenapa kita perlukan kepada toleransi ini dan memahami iaitu bahawa apa yang sudah kita persetujui dalam Perlembagaan itu tidak boleh lagi dipersoalkan seperti mana ada yang mempersoalkan tentang ketuanan Melayu dan sebagainya.



Ketuanan Melayu berasaskan kepada Perlembagaan, bukan perkauman. Tidak ada Sekolah Tamil, SJK(C) yang dirobohkan di negara ini bahkan kita bantu dan pada tahun 2009, kita berbelanja RM1.6 bilion untuk SJK(T) dan SJK(C). Inilah kerajaan yang adil. Terima kasih.

**3. Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi** minta Perdana Menteri menyatakan, tahun 2010 dijangka menyaksikan pertumbuhan ekonomi dunia kembali pulih pada kadar 3.1 peratus dari kelembapan tahun 2009 iaitu -1.1 peratus. Dalam jarak sepuluh tahun, selepas dilanda krisis ekonomi Asia Timur 1997/1998, wawasan Malaysia untuk berganjak ke status ekonomi berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020 (Wawasan 2020) sekali lagi tergugat. Sejauh manakah Wawasan 2020 terjejas mengambil kira dua krisis ekonomi ini dan adakah wawasan ini masih relevan untuk Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk S. K. Devamany]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 yang telah dilancarkan pada tahun 1991 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 masih lagi menjadi dasar kerajaan. Ini kerana ia telah menetapkan matlamat agar negara kita menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Selain itu, ia juga telah menyatakan bahawa, negara kita perlu maju daripada segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Oleh yang demikian, kerajaan tetap berpegang kepada Wawasan 2020 sebagai hala tuju pembangunan negara dan ianya masih relevan untuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa sepanjang dua dekad yang lalu, beberapa krisis ekonomi yang melanda negara seperti krisis kewangan Asia 1997/1998, kelembapan ekonomi pada tahun 2001, dan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2009, telah menjejaskan keupayaan dan potensi pertumbuhan ekonomi untuk mencapai matlamat wawasan tersebut. Malah, dalam tempoh 1991 hingga 2009, Keluaran Dalam Negara Kasar, KDNK sebenar berkembang sebanyak 5.8% setahun berbanding dengan matlamat pertumbuhan sebanyak 7% setahun dalam tempoh 1991-2020.

Baik, berdasarkan unjuran pertumbuhan terkini untuk tahun 2010, adalah dijangkakan bahawa akan terdapat jurang sebanyak 24% dalam pencapaian KDNK berbanding dengan sasaran Wawasan 2020 bagi tahun tersebut. Menyedari hakikat ini, kerajaan kini sedang dalam proses merangka Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk perancangan yang penting untuk mengembalikan semula ekonomi ke landasan bagi mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadikan Malaysia sebagai negara maju. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Effendi. Selepas itu Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid dan Yang Berhormat Dr. Malasingam.

**Dato' Seri Mohd Effendi bin Norwawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya tadi. Tujuan saya bertanya soalan ini ialah, kita tahu yang pertumbuhan negara kita dalam situasi yang amat membimbangkan. Kita tahu yang sebelum krisis *Asia Economy 1997* dan 1998, sepuluh tahun sebelum itu, sebelum krisis ekonomi, pertumbuhan ekonomi kita ialah pada kadar 9.1%. Sepuluh tahun selepas krisis ini pertumbuhan kita telah turun kepada 5.5%, mungkin 5.8% seperti Yang Berhormat katakan tadi. Maknanya yang menjadi persoalan sekarang ialah, kita mempunyai satu jurang *trajectory* daripada yang asal dahulu untuk mencapai Wawasan 2020, sudah tentu dengan kadar pertumbuhan yang banyak kurangnya daripada yang dianjurkan yang asal, sudah tentu jurang ini akan mencabar perancangan negara kita untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Jadi mengikut Yang Berhormat tadi, negara masih membuat perancangan, yang saya mengetahui lebih lanjut ialah, kita tahu ada mungkin jurang 24%, 26% daripada sasaran awal. Adakah negara kita yakin boleh menampung kekurangan ini? Kalau kita yakin, saya mahu bertanya, apakah strategi-strategi baru? Apakah yang kita dengar model ekonomi baru yang akan membolehkan negara kita, masih boleh mencapai hasrat, ataupun sasaran Wawasan 2020 itu? Terima kasih.

**Datuk S. K. Devamany:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mendepankan soalan yang begitu *pertinent*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk sebuah negara mencapai status negara maju, maka GNP per kapita dalam USD perlu untuk sebuah negara *high income countries*, dengan izin, puratanya adalah sebanyak USD58,422. Untuk minimum *high-income nations*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Ringgit Malaysia Yang Berhormat?

**Datuk S. K. Devamany:** Bukan. Ini USD...

#### ■1050

**Tuan Yang di-Pertua:** USD ya.

**Tuan S. K. Devamany:** Adalah Tuan Yang di-Pertua USD14,818 untuk *GNP per capita*. Malaysia, untuk tahun 2020 menganggar *GNP* kita sebanyak USD15,3340. Baik, ini adalah ukuran *lowers end*, paling rendah dalam *high-income nations*. Untuk mencapai matlamat itu, dalam tempoh sepuluh tahun ini Tuan Yang di-Pertua kita perlu ada pertumbuhan sebanyak 5.4% anggarannya. Maka, kalau kita lihat adakah matlamat boleh tercapai?

Soalan yang pertama itu saya yakin kerana kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, Malaysia di peringkat ekonomi dunia sepanjang tahun 2008, kita mula dengan suku pertama tahun 2008 dengan pertumbuhan 7.4%. Akan tetapi pada suku terakhir bulan Oktober, November, dan Disember kita telah mencapai 0.1%.

Akan tetapi, puratanya kita letak pertumbuhan yang tidak begitu mengizinkan. Akan tetapi kalau kita lihat pada tahun 2009, tempas dan ribut krisis ekonomi telah menjadikan kita mengalami keadaan pertumbuhan yang rendah pada pertumbuhan suku pertama tahun ini iaitu bulan Januari sehingga bulan Mac iaitu -6.2%. Akan tetapi, kalau kita lihat suku kedua, -3.9%. Sekarang suku ketiga -1.2% tetapi adalah dianggarkan bahawa untuk tahun 2009, suku terakhir ini kita akan mencapai +1.5%, dengan izin.

Maka, kita nampak seluruh dunia menghadapi proses yang sama. Kalau kita lihat Amerika Syarikat sudah ada pemulihan ekonominya. Saya rasa, dengan adanya keadaan begini, dalam tempoh satu tahun sahaja kita nampak pemulihan itu secara perlahan-lahan. Kalau tahun hadapan, kita akan pastikan bahawa ia akan dapat bergerak dengan lebih pantas. Ini berbanding dengan negara-negara lain, seperti di Eropah katakan - Amerika Syarikat -2.3%, Eropah -4.1%, di Jepun -4.5%.

Maka, apakah strategi yang kita akan gunakan untuk model ekonomi baru yang diketuai oleh cadangan-cadangan daripada Tan Sri Amirsham Abdul Aziz, *The National Economic Council* dan perbincangan yang kita buat. Pertama, strategi barunya adalah menjadikan penjana ekonomi dipelopori oleh sektor swasta. Sektor swasta merupakan satu sektor yang begitu penting lagi dalam penjana ekonomi. Maka, peralihan itu daripada sektor awam kepada sektor swasta akan dijanakan dengan agresif sekali untuk tujuan ini.

Seterusnya, produktiviti dan inovasi kita akan berdasarkan kepada k-ekonomi. Kita tidak boleh bertanding dengan negara Cina, negara India dan negara seperti Indonesia kerana kos produktiviti mereka begitu rendah sekali. Maka, kita tidak boleh bersaing dalam peringkat itu. Oleh itu, kita perlu memodenkan dan mencanggihkan lagi sistem-sistem produktiviti kita supaya kita boleh bersaing dengan negara-negara maju. Itu *high-income countries*.

Seterusnya, kita ingin meningkatkan keupayaan sumber manusia kita. Sumber *innovative, human capital*, dengan izin, *creative human capital* yang boleh menyahut cabaran abad 21 dengan kemahiran-kemahiran. Bukan sekadar sederhana tetapi kemahiran yang boleh meningkatkan kita ke peringkat yang begitu tinggi sekali. Seterusnya, apabila kita katakan negara maju, kita perlu ada kualiti hidup yang lebih baik. Maka, *high-income nations* juga untuk mendekatkan jurang perbezaan gaji antara orang yang mendapat gaji tinggi dengan orang yang bawah.

Itu sebabnya kita tidak boleh ada di mana rakyat kita masih bergaji selama sepuluh tahun RM1,500. Mereka perlu ada RM3,000 atau RM4,000 supaya mencerminkan kualiti hidup mereka yang lebih baik. Dengan adanya strategi sebegini, baru dipelopori Rancangan Malaysia Kesepuluh sedang disuburkan, segala-galanya sedang dibincangkan. Saya harap dengan adanya strategi-strategi sebegini, kita berdoa moga tidak akan berlaku lagi krisis ekonomi yang ditempiasi dari luar supaya kita bertahan. Kalau ada iktibarnya dan iltizamnya kita akan turut mencapai. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat, jelaslah bahawa pencapaian Wawasan 2020 banyak bergantung kepada masalah ekonomi. Jadi, pertanyaan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa pencapaian Wawasan 2020 itu banyak bergantung pada pencapaian ekonomi semata-mata? Tidak bergantung kepada keutuhan perpaduan, tidak bergantung kepada kestabilan politik dan faktor-faktor lain yang memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita. Ini kerana saya rasa, kalau kita bataskan kegiatan kita untuk mencapai Wawasan 2020 hanya kepada ekonomi, maka kita akan gagal kerana sekarang kita belum lagi dapat menentukan apakah corak ekonomi yang boleh mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi kerana terjejas oleh krisis-krisis ekonomi selama dua, tiga kali Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat tadi. Memang perpaduan dan juga kestabilan politik merupakan tunjang dan akar umbi sesebuah negara. Maka, ini dapat dilihat di negara-negara di Afrika, di Amerika Selatan dan juga di Timur Tengah. Maka, saya akui bahawa itu merupakan tunjang. Itu sebab konsep Gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan' merupakan ideologi baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Maka dengan adanya gagasan itu, perpaduan akan menjadi tunjang dalam semua pembangunan. Itu sebab kita ada pengagihan saksama. Pengagihan kepada semua. Maka, negara memberi peluang kepada semua dan kestabilan politik, saya minta kerjasama pihak pembangkang supaya jangan kecoh-kecohkan negara dengan pelbagai tohmahan dan juga perkara-perkara yang tidak diingini kerana kestabilan itu yang penting. Maka, pembangkangan itu dalam konteks kewajipan dan pertanggungjawaban perlu diadakan. Terima kasih.

**Dr. M. Malasingam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita sedar bahawa pencapaian Wawasan 2020 bukan sahaja dilihat dari pencapaian oleh sesebuah kementerian sahaja. Ini bermakna segala aspek pembangunan harus dipantau dan dinilai. Pendidikan adalah salah satu asas pembangunan k-ekonomi bagi menjamin pembangunan yang mantap dan komprehensif.

Soalan tambahan saya, apakah kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran khususnya bagi memastikan tahap literasi penduduk sentiasa dipantau mahupun kumpulan etnik dan masyarakat pedalaman? Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju bahawa pendidikan merupakan faktor yang penting dalam melahirkan modal insan yang berwibawa, yang boleh bersaing. Kita akui dan bersetuju bahawa masih ada golongan-golongan yang tertinggal di kawasan-kawasan luar bandar khususnya Orang Asli dan juga golongan-golongan di Sabah, Sarawak, masyarakat golongan India dan juga golongan-golongan Melayu sendiri di beberapa kawasan pedalaman. Maka, ini merupakan satu yang begitu penting, yang perlu kita tangani kerana ia mencerminkan negaranya maju atau tidak dalam konteks Wawasan 2020.

Untuk itu, itu sebab pelan induk pembangunan yang dirangka sekarang adalah berbeza dengan dahulu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperkenalkan *Key Performance Index* atau KPI, di mana NKRA akan menjadi satu tunjang utama dalam *outcome based performance*, dengan izin, di mana setiap satu perancangan yang dibuat mesti mempunyai landasan yang jelas sebagai *indicator* kejayaan atau kegagalan. Ini akan dipantau secara terperinci.

Kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dirangka tidak lagi merupakan lima tahun. Ia *rolling plan*, ia dua tahun sekali. Maka, perancangan dua tahun dahulu akan dibuat dan akan dinilai sejauh manakah kita akan berjaya atau tidak berjaya.

Ini kerana sebuah negara tidak akan dapat dibina dengan hanya indah khabar dari rupa. Ia mesti betul-betul menunjangi akar umbi dan sanubari rakyat.

■ **1100**

Barulah kita boleh mencapai hasrat yang kita tentukan dan saya setuju bahawa Kementerian Pelajaran juga mempunyai *indicator* yang sama untuk memastikan bahawa kelulusan, keupayaan dan juga kemahiran pelajar-pelajar kita ke tahap seperti mana yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, ke arah 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma sebelum mengutarakan soalan, saya mengucapkan takziah kepada keluarga Profesor Datuk Dr. Ismail dan juga tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang baru mengangkat sumpah.

**4. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, prosedur sebenar pengeluaran-pengeluaran baucar SUBUR, siapakah yang layak memohon, siapa yang layak membuat sokongan, boleh memberikan pengesahan serta peranan Ahli Parlimen dalam memastikan pengurusan SUBUR telus dan adil kepada rakyat.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, pemohon yang layak memohon Baucar Program Subsidi Beras Untuk Rakyat atau SUBUR adalah ketua keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah seperti berikut:

- (i) miskin tegar - untuk Semenanjung Malaysia RM440, Sabah RM550, Sarawak RM350. Luar bandar di Semenanjung RM420, Sabah RM540, Sarawak RM500;
- (ii) miskin - bandar RM340 di Semenanjung, Sabah RM970, Sarawak RM860. Luar bandar di Semenanjung RM700, Sabah RM940, Sarawak RM810; dan
- (iii) mudah miskin - bandar di Semenanjung RM1,500, di Sabah RM1500, di Sarawak RM1500. Bagi Luar Bandar sama saja Sabah, Sarawak dan Semenanjung RM1000.

<b>Garis Panduan Kemiskinan (Pendapatan Bulanan Isi Rumah)</b>				
<b>Kategori</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Semenanjung (RM)</b>	<b>Sabah (RM)</b>	<b>Sarawak (RM)</b>
Miskin Tegar	Bandar	440	540	530
	L. Bandar	420	540	500
Miskin	Bandar	740	970	860
	L. Bandar	700	940	810
Mudah Miskin	Bandar	1,500	1,500	1,500
	L. Bandar	1,000	1,000	1,000

Pihak yang boleh memberi sokongan dan mengesahkan adalah pemimpin-pemimpin tempatan dan agensi kerajaan di peringkat daerah. Mereka yang memohon ini akan dibanci oleh pembanci-pembanci yang dilantik untuk menentukan bahawa mereka benar-benar layak. Permohonan baru akan melalui proses seperti berikut:

- (i) pemohon mengisi borang permohonan;
- (ii) borang yang telah lengkap diisi akan dihantar kepada jabatan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (iii) jabatan dan agensi di bawah ini yang menerima borang-borang ini perlu di kumpul dan dihantar kepada Urusetia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen;

- (iv) borang-borang yang diterima oleh MPPP kemudiannya akan di bentang dalam Mesyuarat MPPP bersama pengerusi majlis masing-masing untuk dibincangkan dan diperakukan; dan
- (v) permohonan yang telah diperakukan akan diuruskan oleh urus setia MPPP akan diteliti dan disahkan oleh jawatankuasa antara agensi yang ditubuhkan oleh MOA sebelum dipanjangkan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan selanjutnya.

Keputusan sama ada seseorang pemohon layak atau tidak menerima baucar beras akan ditentukan oleh ICU melalui borang atau senarai e-Kasih. Mesyuarat MPPP diberi peranan meneliti dan memperakukan setiap permohonan, bagi memastikan tiada golongan yang layak tercicir daripada menerima baucar.

Selain daripada itu, Ahli-ahli Parlimen yang dilantik menjadi Pengerusi MPPP berperanan memberi penerangan kepada agensi dan jabatan kerajaan yang lain di peringkat daerah, serta kepada penduduk tempatan berkenaan dengan pelaksanaan program SUBUR ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan penjelasan tadi. Jadi kita dapat lihat Tuan Yang di-Pertua, bagaimana proses yang begitu panjang perlu dilalui untuk penghantaran beras kepada golongan yang tertinggal dalam masyarakat ini. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian ialah kerana pada masa kini, kita mempunyai data yang saya rasa cukup lengkap, tentang sosioekonomi masyarakat. Malah juga data kemiskinan juga, kita sudah ada dan tersedia di pejabat-pejabat daerah. Sebagai contohnya jika di Kedah kita ada hampir 50,000 di bawah paras garis kemiskinan. Malah kita juga turut kenal pasti golongan sekitar 3,000 sebagai miskin tegar dan sebagainya, sama ada luar bandar ataupun dalam kawasan bandar.

Jadi, yang ingin saya dapatkan penjelasan ialah kenapakah ataupun apakah agenda sebenar yang hendak kita suburkan melalui program SUBUR ini sehingga mengehendaki masyarakat yang tertinggal dalam kelompok masyarakat kita yang perlukan pembelaan segera ini. Kini mereka perlu mendapatkan borang, mengisi borang ini, kemudian pergi menghadap dan memohon perkenan daripada ketua-ketua cawangan UMNO khususnya dan juga ketua bahagian, untuk mendapatkan sumbangan beras dua atau tiga kampil ini.

Keduanya ialah saya hendak pastikan daripada kementerian sama ada yang benar-benar yang kita telah buat kajian keperluan masyarakat ini sebenarnya adalah beras berbanding dengan yang lain, keperluan-keperluan yang lain dalam masyarakat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan Yang Berhormat itu. Sebenarnya, kita mengambil keputusan untuk menyediakan borang atau baucar ini adalah kerana, akibat daripada ketirisan pembahagian beras ST15 ini. Dahulunya beras ST15 ini diproses oleh kilang dan diberi kepada pemborong dan diedarkan kepada rakyat. Namun begitu, berlaku ketirisan iaitu di antara pengilang dan pemborong. Jadi apabila pengilang mengedarkan beras kepada pemborong, jadi pemborong telah - istilah industri beras ini dipanggil tukar beli.

Maknanya beras yang ST15 ini dicampurkan dengan beras yang agak baik dan di jual atau di *upgrade* kepada ST10 dan ST5. Mereka telah mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Selain daripada itu, dalam pasaran didapati bahawa beras yang kita edarkan itu tidak mencukupi dan kebanyakan beras ini disalahgunakan, dan ada juga yang diguna oleh pembekal-pembekal makanan, restoran dan sebagainya. Memanglah salah dari segi konsep kita untuk memperkenalkan beras ini. Oleh kerana itu, kita mengambil pendekatan, setelah kita melihat di Indonesia mereka berjaya dalam memberi baucar ini. Keputusan Kabinet atau kerajaan supaya setiap bantuan yang dibuat itu mestilah kita gunakan senarai e-Kasih. Namun setelah kita dapati bahawa borang daripada e-Kasih itu tidak *update*, banyak lagi mereka yang ketinggalan.

Maka itu, kementerian telah mengambil keputusan untuk kita mendaftar semula mereka-mereka yang ketinggalan di dalam senarai e-Kasih itu supaya semua pihak akan dapat.

Jadi sama ada mereka yang dari fahaman politik mana, kita tidak pernah kata hendak bagi borang kepada UMNO, kepada bahagian itu tidak betullah, Yang Berhormat. Jadi saya pun tidak sebut tadi. Dalam borang ini tidak ada. Kalau Yang Berhormat lihat dalam borang itu pun tidak ada tandatangan daripada JKPP kah, daripada UMNO. Itu tidak benarlah. Jadi yang pentingnya kita hendak supaya tiap-tiap mereka yang perlu atau mereka yang berhak mendapat bantuan beras ini akan dapat. Sebab itu kita terpaksa tangguh. Sebenarnya kita telah melancarkan baru-baru ini, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi ditangguhkan kerana senarai e-Kasih itu masih tidak lengkap. Jadi kita sekarang ini di peringkat mendaftar dan sesiapa sahaja boleh mendapat borang di agensi-agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sama ada LPP atau di FAMA dan sebagainya yang telah ditetapkan dan boleh diisi. Kita akan proses dan kita akan pastikan semua akan dapat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Puan GK Loga Chitra.

**Puan GK Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah penjimatan kerajaan dalam pemberian subsidi beras SUBUR dari subsidi beras yang sedia ada, yang tidak diteruskan selepas 30 November 2009? Apakah sektor lain atau golongan yang akan disalurkan jumlah peruntukan daripada penjimatan ini? Terima kasih.

■1110

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Daripada data yang saya ada pada saya iaitu sekarang ini dengan adanya sistem atau skim SUBUR ini, kita akan belanja lebih kurang RM8 juta sebulan mengikut senarai yang ada sekarang ini. Sepatutnya kalau hendak ikut daripada subsidi yang kita beri tiap-tiap bulan apabila ST15 diperkenalkan tiap-tiap bulan kita belanja RM60 juta. Jadi sekarang ini dengan *list* yang ada kita hanya membelanjakan RM8 juta sebulan iaitu kita telah jimat lebih kurang RM54 juta sebulan. Jadi duit daripada itu bolehlah kita gunakan untuk tujuan lain dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

**5. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, perkembangan berkaitan isu usaha ekstrak air bawah tanah di kawasan Batang Padang. Perak oleh Sime Darby yang disifatkan FOMCA, Persatuan Pengguna Islam dan lain-lain pihak akan menjejaskan ekosistem dan alam sekitar termasuk kepupusan habitat flora dan fauna setempat.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain pada 15 Disember 2009, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad pada 17 September 2009 kerana keempat-empat soalan ini adalah berkaitan isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dibenarkan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum air tanah atau *ground water* adalah sumber air yang boleh digunakan untuk pelbagai kegunaan termasuk untuk keperluan domestik, industri dan pertanian. Sumber air tanah boleh digunakan sebagai sumber alternatif jika berlaku keadaan tiada bekalan air permukaan dan bekalan air permukaan tidak mencukupi. Ia juga boleh digunakan sebagai bekalan air sementara, semasa kecemasan dan semasa kebakaran serta untuk keperluan di masa-masa tertentu seperti keselamatan.

Sumber air tanah digunakan di banyak negara lain semenjak beratus tahun sehingga sekarang seperti di Australia, Amerika Syarikat, negara Eropah, China, India, Korea, Jepun, Arab Saudi, Libya, Thailand dan Indonesia. Memang tidak dinafikan bahawa negara kita masih kaya dengan sumber air permukaan lain seperti sungai dan tasik yang masih cukup sebagai bekalan air bersih.

Namun demikian, pihak kementerian berpendirian bahawa sumber air tanah perlu dikaji dan dinilai keupayaannya dari segi kuantiti dan kualiti untuk dapat membantu bekalan air negara kita. Dengan fenomena pemanasan global dan perubahan iklim yang tidak menentu, Malaysia harus bersedia dengan sumber air alternatif termasuk air tanah bagi memastikan negara kita sentiasa mempunyai bekalan air yang mencukupi bagi menampung keperluan yang sentiasa meningkat dengan pesat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengusaha hasilan sumber air tanah adalah di bawah bidang kerajaan negeri. Dalam hal ini kajian penilaian kesan kepada alam sekeliling atau EIA iaitu *environment impact assessment*.

Bagi cadangan projek di Batang Padang merupakan sebahagian daripada syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Perak terhadap pihak Sime Darby sebelum apa-apa kerja eksplorasi atau penggerudian dijalankan. Laporan EIA tersebut telah diluluskan pada 22 Februari 2008. Syarikat Sime Darby perlu mematuhi semua EIA yang antara lain merangkumi aspek kawalan dan pengawasan paras air tanah serta kawalan dan pengawasan pemendapan tanah. Buat masa ini syarikat Sime Darby sedang menjalankan kerja-kerja eksplorasi di kawasan yang berpotensi mengeluarkan air di Batang Padang.

Seterusnya, pihak Sime Darby perlu mengemukakan maklumat terperinci serta hasil kajian teknikal termasuk impak alam sekitar mengenai kawasan yang akan di ekstrak air tanah dan mengemukakan langkah-langkah kawalan untuk menjaga alam sekitar. Hasil kajian impak alam sekitar ini adalah perlu untuk menentukan pihak Sime Darby mematuhi sepenuhnya semua syarat-syarat EIA agar projek itu tidak menjejaskan alam sekitar termasuk kepupusan habitat flora dan fauna setempat.

Sehubungan itu, kementerian mengambil perhatian terhadap pandangan beberapa badan bukan kerajaan, NGO mengenai usaha syarikat Sime Darby untuk membangunkan sumber air tanah di Batang Padang, Perak. Adalah menjadi tanggungjawab kementerian untuk memastikan sumber asli termasuk air tanah negara diurus secara bijaksana dan mampan demi kesejahteraan rakyat dan dalam masa yang sama alam sekitar sentiasa terpelihara. Memang tidak dinafikan bahawa pembangunan air tanah yang tidak terkawal boleh menjejaskan alam sekitar termasuk ekosistem dan biodiversiti yang sedia kala ada.

Walau bagaimanapun, pembangunan air tanah yang teratur dan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan adalah selamat dan tidak menjejaskan ekosistem di samping dapat memenuhi keperluan hidup masyarakat dan pembangunan negara. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi sedikit pandangan dan soalan. Apakah Sime Darby syarikat yang besar ini tidak bolehkah daripada menumpukan kepada sumber air bawah tanah yang saya rasa tidak ada rekod yang baik walaupun di Australia dan sebagainya belum ada lagi rekod yang baik kerana kita ekstrak air bahkan menjejaskan bermacam-macam alam flora dan fauna, jalan kereta api samalah jalan raya kita cukup teruk. Kalau kita ekstrak, lagilah kesan kepada alam sekitar. Saya syorkan Sime Darby untuk tolong bersihkan sungai dan elokkan air. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sime Darby ini telah dipilih untuk menjalankan kerja-kerja ini. Walaupun mungkin tidak ada rekod untuk menjalankan kerja-kerja ini, tetapi konsultan-konsultan atau juru perunding-juru perunding mereka ambil untuk menjalankan kerja itu memang orang-orang yang mempunyai kepakaran. *They have got the skills; they have got the expertise to carry out the study*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakapkan tadi bahawa sekiranya kajian semua dibuat, pengambilan air, kajian eksplorasi sudah dibuat, pengekstrakan air itu dikawal dengan rapi mengikut apa yang dikehendaki oleh *environment* dan sebagainya, ia tidak menjejaskan alam sekitar kita.

#### ■1120

Untuk makluman kita semua, saya ingin terangkan di sini bahawa negara kita sememangnya telah mempunyai beberapa tempat untuk mengambil air dari bawah tanah dan tidak ada pun ekosistem yang terjejas. Negeri-negeri yang menggunakan air bawah tanah adalah Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Selangor dan juga di Sabah dan Sarawak. Negeri Kelantan telah menggunakan air tanah semenjak tahun 1935.

Penggunaan air tanah di Kelantan terus meningkat dari masa ke semasa sehingga tahun 2008 berjumlah 134 *million litre per day* dan sehingga ini tidak ada rekod menunjukkan berlakunya tanah mendap mahupun gempa bumi. Inilah yang meyakinkan kita untuk menjalankan kajian eksplorasi untuk mendapatkan air di bawah tanah.

**6. Dato' Wong Siong Hwee** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan bercadang membina projek perumahan kos rendah ke atas 450 buah kampung baru di Semenanjung Malaysia.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Kong Cho Ha]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi sejarah kampung baru diwujudkan pada tahun 40-an dan tahun 50-an di bawah Ordinan Kecemasan Semasa Darurat untuk menangani serangan komunis. Oleh kerana itu kampung baru mempunyai ciri-ciri tersendiri dan kebanyakannya diduduki oleh penduduk selama 60 tahun kebelakangan ini.

Kebanyakan tanah siap bina di kampung baru dimiliki oleh penduduk masing-masing. Rumah awam atau projek perumahan rakyat yang dipanggil PPR yang dibina oleh kerajaan dengan tujuan utama untuk memindah setinggan dan menampung golongan pendapatan rendah di mana yang diperlukan. Oleh itu, buat masa ini KPKT tidak mempunyai perancangan khusus untuk membina rumah PPR dalam kampung baru memandangkan keperluan perumahan PPR tidak begitu mendesak di kawasan jauh dari bandar. Bagi kampung baru yang dekat dengan bandar tanahnya adalah terhad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Difahamkan terdapat ramai golongan miskin di dalam kampung baru dan juga kampung rangkaian serta kampung bagan di bawah jagaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Soalan tambahan saya adalah, adakah kementerian ada menyediakan dana atau peruntukan untuk membina rumah PPRT iaitu Projek Perumahan Rakyat Termiskin dan rumah mesra rakyat di kampung-kampung tersebut sebanyak 607 buah di seluruh negara? Sekian, terima kasih.

**Dato' Kong Cho Ha:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak agensi kerajaan terlibat dalam penyediaan pelbagai jenis rumah untuk rakyat termasuklah rumah PPRT yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di bawah Kementerian Perumahan, kalau tanah itu dimiliki oleh pemilik sendiri ada juga rancangan di mana kita boleh membina rumah di atas tanah yang dimiliki atas skim khas di mana pinjaman boleh diberi melalui ansuran. Jadi, pemilik rumah itu boleh membayar pinjaman itu kembali kepada kementerian kita. Kita juga ada skim tetapi bukan untuk projek Program Perumahan Rakyat.

**7. Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Menteri Kesihatan menyatakan, kekurangan doktor dan pakar yang berlaku di hospital-hospital kerajaan dan apakah tindakan kementerian untuk mengatasi kekurangan doktor ini yang sering menjadi masalah.

**Menteri Kesihatan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September 2009, pengisian pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebanyak 15,446 orang iaitu 63.7% daripada jumlah 24,241 jawatan. Daripada jumlah tersebut, 3,800 jawatan merupakan pegawai perubatan pakar dan sebanyak 2,223 iaitu 58.5% jawatan telah diisi.

Kerajaan sedar akan masalah kekurangan pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar di Malaysia. Sebagaimana kita sedia maklum, pengeluaran graduan dalam bidang-bidang perubatan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta serta dari luar negara yang terhad merupakan antara faktor yang menyebabkan kekurangan ni. Justeru itu, kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menangani masalah tersebut. Antaranya:

- (i) bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk meningkatkan bilangan pengeluaran graduan perubatan;



- (ii) menambah peruntukan dan memperbanyakkan peluang untuk mengikuti kursus latihan di peringkat yang lebih tinggi iaitu sarjana, kepakaran dan sub-kepakaran kepada pegawai-pegawai perubatan. Bermula tahun 2008, 600 tempat disediakan bagi pegawai perubatan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana ataupun kepakaran dan sub-kepakaran berbanding dengan 400 tempat pada tahun sebelumnya;
- (iii) menawarkan pelantikan secara kontrak kepada pegawai-pegawai yang telah bersara wajib dengan syarat mereka mempunyai prestasi yang cemerlang dan sihat tubuh badan;
- (iv) menggunakan khidmat pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar swasta untuk bertugas di hospital-hospital kerajaan secara *sessional*;
- (v) melaksanakan pengambilan pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar bukan warganegara secara kontrak;
- (vi) menambah baik terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai perubatan yang mewujudkan peluang kerjaya yang baik;
- (vii) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi program menggalakkan warganegara Malaysia berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia; dan
- (viii) memperkenalkan *locum* untuk *full paying patient* serta elaun-elaun dan insentif-insentif yang lebih menarik kepada pegawai perubatan.

Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Musa, kemudian Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad Yusof dan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani. Silakan Yang Berhormat Dato Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, ramai doktor-doktor pakar di luar negara yang mana dari warganegara Malaysia yang tidak mahu pulang ke negara ini kerana tawaran-tawaran yang diberi kurang memuaskan. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan mereka ini pulang ke Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Musa. Kerajaan telah pun mengadakan berbagai insentif untuk menarik balik pakar-pakar Malaysia di luar negara. Kita telah mempunyai satu kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi program menggalakkan warganegara Malaysia balik. Antara langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah membenarkan pakar-pakar yang telah berumur lebih daripada 45 tahun apabila mereka pulang ke negara kita tidak perlu bekerja wajib dengan kerajaan.

#### ■1130

Mereka boleh balik terus berkhidmat di hospital swasta. Bagi insentif lain termasuk PR status bagi isteri-isteri yang warganegara lain, juga boleh kita menawarkan untuk mereka bersama-sama balik ke negara kita. Kita mempunyai insentif yang lain termasuk kita membolehkan mereka bekerja sebagai kontrak dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sebagai seorang pesakit jantung ada pengalaman di mana untuk berjumpa dengan doktor pakar, saya pernah mengambil masa sehingga empat jam daripada tarikh mula mendaftar. Apabila dapat berjumpa dengan doktor, tiga bulan sekali jumpa, kebetulan doktor itu kenal saya. Jadi dia kata tolonglah bercakap dalam Dewan Negara, masalah, bila saya jumpa doktor itu hampir jam dua petang, dia belum makan pagi. Jam sudah hampir dua petang, dia belum makan pagi.

Ini selalu berlaku dalam Unit Kardiologi, doktor bahagian jantung. Contohnya di Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar, unit-unit lain ramai doktor. Pada hari itu yang hendak kena periksa pesakit lebih kurang 100 orang lebih tetapi doktor yang ada lima orang. Jadi tidakkah kerajaan boleh dalam mengatasi masalah ini dalam jangka masa pendek untuk pengarah-pengarah hospital ini memastikan operasi ataupun pemeriksaan pesakit-pesakit yang ada temu janji ini diambil doktor-doktor daripada unit-unit lain dalam hospital yang sama untuk membantu bahagian jantung, bahagian kardiologi kerana orang sakit jantung yang tunggu lama pun, lagi sakit. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya bagi Kementerian Kesihatan, kita cuba sedaya upaya untuk meningkatkan bilangan doktor pakar dalam perkhidmatan kita. Seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa sekarang hanya lebih kurang 58.5% jawatan yang diisi. Seluruh Malaysia hanya ada lebih kurang 2,223 doktor pakar. Memang kita amat kekurangan, lebih-lebih lagi dalam bidang kardiologi dan kardiotoraksi.

Kita sekarang telahpun menggunakan pelbagai cara termasuk kita meningkatkan bilangan sarjana *scholarship*, biasiswa untuk membolehkan doktor biasa beri latihan, membenarkan mereka ikut kursus kepakaran dalam bidang-bidang tertentu untuk melahirkan lebih ramai lagi doktor pakar. Oleh itu pada tahun lalu, tahun sebelum ini hanya 400 *scholarship*, kita tingkatkan kepada 600 *scholarship* dan tahun depan kita hendak tambah lagi sampai 800 untuk membolehkan doktor biasa menjadi doktor pakar.

Ini usaha telah pun diambil. Dari segi pengurusan hospital, memang kita mempunyai jadual yang tertentu untuk membolehkan kita meringankan beban sesuatu sektor ataupun kesesakan yang berlaku dalam hospital. Pengarah-pengarah hospital telah pun diberi arahan untuk membantu mana-mana unit yang memerlukan bantuan. Semua ini, usaha yang diambil ini, kita hendak ucap terima kasih kepada doktor kita.

Memang benar yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi, ramai doktor kita berkorban, makan pagi tidak ada, makan tengah hari tidak ada. Kita takut pula kesihatan mereka terjejas kerana menjaga kesihatan orang lain. Kita akan memastikan kebajikan mereka juga dijaga agar memastikan perkhidmatan kesihatan dapat ditingkatkan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah, berapa orang doktor pakar yang ditempatkan di setiap hospital daerah dan klinik kerajaan? Adakah kerajaan mengambil tindakan ke atas doktor pakar kerajaan yang bekerja sambilan dengan pihak hospital swasta dan klinik swasta? Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, kita ada lebih kurang 135 buah hospital dan hanya lebih kurang 53 buah hospital yang ada *specialist*. Banyak hospital daerah yang tidak ada spesialis kerana kita memang menghadapi kekurangan doktor pakar di seluruh negara.

Bagi spesialis swasta, kita galakkan mereka balik berkhidmat kepada hospital kerajaan. Kita sekarang telah menawarkan, membolehkan doktor-doktor pakar ataupun doktor di hospital swasta boleh balik berkhidmat dengan kerajaan dengan mudah iaitu kita bayar bayaran *hourly rate* setiap satu jam RM100 ataupun RM80 bergantung pada kepakaran dan kita membolehkan doktor-doktor di pihak swasta untuk berkhidmat di hospital kerajaan. Terima kasih.

**8. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan akan membeli balik syarikat-syarikat konsesi tol dan seterusnya menurun dan mengekalkan kadar tol sebanyak 20 peratus yang mana cara sedemikian lebih mendatangkan manfaat kepada rakyat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ketika ini telah hampir memuktamadkan kajian bagi meneliti kaedah penyelesaian terbaik kepada isu-isu lebuhraya bertol termasuk mengkaji kadar dan kekerapan kenaikan tol serta langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi memastikan kadar tol tidak membebankan pengguna lebuhraya bertol dalam situasi ekonomi semasa. Kajian yang dilaksanakan ini adalah merupakan satu kajian terperinci yang mencakupi pelbagai aspek dan sudut seperti impak ke atas ekonomi, pembangunan negara, sosial dan iklim pelaburan.

Kajian ini meneliti langkah-langkah yang boleh diambil dengan melihat impaknya kepada pembangunan nasional di sepanjang koridor lebuhraya, pertumbuhan ekonomi dan penyelesaian kepada kekangan infrastruktur yang dihadapi. Selain daripada itu, kajian ini juga perlu menilai tahap pendedahan kewangan kepada kerajaan dengan izin *exposure* sama ada melalui pengambilalihan atau penstrukturan semula yang akan melibatkan implikasi undang-undang berkaitan dengan perjanjian konsesi.

Berdasarkan penemuan kajian yang boleh dirumuskan setakat ini, pengambilalihan konsesi lebuhraya bukanlah penyelesaian terbaik yang boleh diambil oleh kerajaan bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan terutamanya mengenai tol. Dari sudut kos Yang Berhormat, pengambilan konsesi lebuhraya akan melibatkan kos ke hadapan, *upfront* sebanyak RM45.5 bilion, tidak termasuk tanggungan kos yang lain seperti kos operasi, kos kewangan, kos modal masa depan yang dijangka menelan belanja tambahan sekurang-kurangnya RM186.6 bilion pada nilai nominal.

Kos pengambilan yang tinggi ini akan menggunakan wang rakyat selaku pembayar cukai sedangkan manfaatnya akan hanya dinikmati oleh sebahagian kecil rakyat Malaysia iaitu 34% daripada jumlah pemandu berlesen mewakili hanya 13.8% daripada jumlah penduduk negara. Secara perbandingan kos ke hadapan sebanyak RM45.2 bilion bagi pengambilalihan lebuhraya adalah bersamaan dengan jumlah peruntukan bagi Bajet 2009 bagi menyediakan - ini perbandingan untuk tunjuk kalau kos itu yang kita bagi untuk mengambil alih tol ini. Bersamaan dengan 300,000 unit kos rendah tiga bilik di kawasan luar bandar, RM10 bilion. Pembinaan Jalan Persekutuan sebanyak 266km dan jalan luar bandar sepanjang 230km di Sabah dan Sarawak, RM6.3 bilion.

#### ■1140

Peningkatan kemudahan perkhidmatan kesihatan termasuk pembinaan hospital, klinik dan kuarters kesihatan, Yang Berhormat Menteri kesihatan pun ada di sini, RM13.7 bilion. Penambahan laluan sepanjang 15 kilometer bagi laluan LRT, laluan Ampang dan Kelana Jaya dan laluan baru LRT sepanjang 42 kilometer bagi laluan Kota Damansara-Cheras-Kajang sebanyak RM13.6 bilion dan pembinaan 26 buah sekolah rendah dan 41 buah sekolah menengah sebanyak RM1.6 bilion. Itu adalah kosnya dan kalau kita bagi duit itu kepada tol, kita tarik balik, inilah belanja yang terpaksa kita hentikan untuk tujuan itu.

Namun demikian, perkiraan yang lebih utama adalah kesan pengambilalihan lebuhraya yang dibimbangi akan menjejaskan kestabilan dan kepercayaan iklim pelaburan negara dan memberi isyarat yang tidak memberangsangkan kepada pihak pelabur yang selama ini menjadi jentera penggerak ekonomi negara. Berdasarkan pertimbangan tersebut, kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengambil alih konsesi tol seperti yang dicadangkan, sebaliknya cadangan penyelesaian yang lebih praktikal dan pragmatik akan diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri dalam masa terdekat ini. Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sudah penggal kedua dalam Dewan Negara ini Tuan Yang di-Pertua. Setiap jawapan sedang dikaji, sedang dibincang. Bilakah keputusan hendak dibuat Tuan Yang di-Pertua? Semuanya bila capak 'Rakyat Didahulukan', kalau kata tidak boleh buat, tolak sahajalah. Jangan tiap-tiap kali jawapan sedang bincang, sedang dibuat kajian, bila hendak selesai. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab bahawa kerajaan tidak bercadang untuk mengambil alih tol dan kita akan mencari alternatif yang lebih pragmatik untuk selesaikan masalah ini, sudah pun saya menjawab soalan tadi.

**Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setuju dan saya faham penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai tindakan alternatif. Walaupun demikian, saya ingin bertanya sama ada satu tindakan alternatif ini ialah berunding semula dengan syarikat-syarikat ini. Ini kerana kita tahu banyak pengalaman yang sama di negara-negara lain, di mana mereka mendapati ada cara-cara, sebab-sebab yang rasional di mana kedua-dua belah pihak kerajaan dan swasta boleh merundingkan semula.

Memang ada kejayaan, contoh-contoh di negara lain di mana dengan perundingan ini, kedua-dua belah pihak kerajaan dan juga swasta dapat mencapai satu penyelesaian yang sesuai. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada ini adalah satu daripada alternatif itu. Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberi cadangan itu. Baru-baru ini, ada pula akibat daripada rundingan itu. Baru-baru ini ada *concessioaire* yang telah memberi sedikit kelonggaran di mana mereka akan dapat diskaun dan sebagainya, tapi impaknya masih tidak begitu ketara. Saya terima cadangan itu kerana dua alternatif penimbangan pengambilalihan PLUS itu melibatkan satu, kos pengambilan secara *expropriation*, di mana kerajaan menggunakan sedikit kuasa untuk berunding dan mengambil dengan bayaran pampasan tertentu, dan satu lagi melalui *market accusation*.

Akan tetapi, saya rasa dalam cadangan kepada Kertas Kabinet yang disediakan akibat daripada kajian penyelesaian isu lebuh raya tol yang dimuktamadkan pada 22 Oktober 2009, oleh 'Eng Seng Yang' akan dipanjangkan kepada Kabinet dan kita berharap supaya kabinet akan membuat keputusan untuk melihat alternatif seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk berunding dengan LDP ataupun PLUS untuk mencari jalan untuk meringankan beban rakyat, lebih-lebih lagi dalam keadaan iklim ekonomi yang sebegini. Terima kasih saya ucapkan.

**9. Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah warga tua dan orang kurang upaya menikmati bayaran istimewa dalam penggunaan pengangkutan awam yang dimiliki oleh pihak swasta.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baru dilantik, kepada keluarga Allahyarham Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Dr. Ismail Salleh, kami merekodkan ucapan takziah. Allahyarham sebagai individu pertama di kalangan warga orang kurang upaya yang diberi penghormatan oleh kerajaan sebagai Ahli Dewan Negara.

Beliau seorang yang menjadi model kepada semua rakyat Malaysia, bahawa walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran dalam hidup beliau, tetapi dengan keazaman dan semangat yang cekal, beliau mampu untuk mengatasi segala-galanya dan mencapai kejayaan yang amat mengagumkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam memberikan bayaran istimewa kepada pengangkutan awam untuk golongan warga emas dan orang kurang upaya. Kerajaan melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah menyediakan potongan sebanyak 50% bagi warga emas dan orang kurang upaya yang menggunakan perkhidmatan bas henti-henti dan potongan 25% bagi semua bas ekspres, manakala Kereta Api Tanah Melayu pula menyediakan potongan sebanyak 50% kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan kereta api antara bandar dan perkhidmatan komuter.

Bagi kemudahan pengangkutan udara pula, penerbangan MAS menyediakan potongan sebanyak 50% bagi warga emas dan orang kurang upaya. Selain daripada itu, sistem transit aliran ringan LRT-Putra dan STAR juga menyediakan potongan tambang sebanyak 50% bagi orang kurang upaya sahaja. Terima kasih.

**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya adalah Pengerusi Pusat Hemodialisis 'Mawar', satu pusat hemodialisis amal di mana kita ada 13 cawangan dengan 580 pesakit yang dapat rawatan percuma daripada pusat ini. Antaranya ada 10 pesakit, pesakit warga emas dari rumah orang tua NGO dan mereka dapat rawatan dialisis percuma di 'Mawar'. Bolehkah saya tanya berapa pesakit warga emas yang duduk di rumah orang tua yang dijaga oleh kerajaan di seluruh negara dan apakah cara kerajaan atau kementerian untuk memastikan mereka dapat rawatan dialisis yang sempurna dan dapat jagaan, perubatan yang sempurna di rumah orang tua yang diselenggarakan oleh kerajaan.

**Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan Yang Berhormat itu keluar daripada soalan asal, sebab ini soalan asal tentang pengangkutan. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan bahawa angka yang tepat jika Yang Berhormat perlu akan saya beri secara bertulis. Akan tetapi, saya hendak maklumkan bahawa sebenarnya kerajaan kita mengambil berat tentang pesakit-pesakit sama ada yang memerlukan dialisis ataupun yang terlantar dan di kesemua institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita mengambil isu sakit mereka dengan begitu serius.

*Insya-Allah* Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada apa-apa cadangan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan kepada mereka, saya dan kementerian terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat amat mengalu-alukannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal.

■1150

**Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian yang begitu mengambil berat soal warga emas dan OKU ini. Soalan tambahan saya, tidakkah kementerian merasai perlu dipertimbangkan agar bayaran istimewa ini bukan sahaja kepada warga emas atau OKU, tetapi perlu juga dipanjangkan kepada pengiring. Contohnya ibu tunggal, warga emas tentulah memerlukan pengiring sekiranya beliau memerlukan pertolongan. Apakah perkara ini boleh ditimbang oleh pihak kementerian? Terima kasih.

**Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau pihak kementerian sahaja yang perlu buat keputusan, saya rasa kita tidak keberatan. Akan tetapi oleh kerana kebanyakan daripada mereka yang memberi perkhidmatan pengangkutan adalah syarikat swasta dan mereka bertanggungjawab kepada pemegang amanah saham dan lain-lain, dengan izin, *it is a business*, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya nampak bahawa mungkin sukar untuk mereka memberi percuma untuk semua termasuklah pengiring. Namun begitu jika ini satu syor, saya akan setidak-tidaknya mengesyorkannya kepada semua yang terbabit dan mungkin pengiring akan dapat diberi keistimewaan. Kalau tidak sama pun dengan warga emas ataupun orang kurang upaya, setidak-tidaknya kalau dapat rebat sedikit pun, saya rasa itu akan menambat hati rakyat, *insya-Allah* Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas kehadiran pihak Yang Berhormat Menteri bagi menjawab soalan-soalan tadi. Saya juga rasa terharu oleh kerana pihak Yang Berhormat Menteri telah memberi ucapan takziah kepada Professor yang telah kembali ke rahmatullah. Ini mungkin lari daripada soalan asal, tetapi oleh kerana pihak Yang Berhormat Menteri hadir pada hari ini, pihak saya ingin menanya, adakah pihak kementerian akan mengesyorkan seorang lagi nama daripada kalangan OKU untuk menduduki kerusi Dewan Negara? Terima kasih.

**Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil:** Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin tentang nasib dan pembelaan untuk warga orang kurang upaya. Saya ingin maklumkan sebenarnya saya telah pun dapat beberapa syor calon-calon untuk saya kemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan *insya-Allah* dalam masa terdekat, setelah pihak kementerian terutama melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita, dengan izin, *shortlist* nama-nama yang telah dikemukakan akan saya hantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk pertimbangan beliau yang sewajarnya, *insya-Allah*. Saya amat berharap bahawa kerusi yang ditinggalkan oleh Allahyarham itu kekosongannya dapat dipenuhi oleh seorang wakil daripada warga orang kurang upaya, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap. Sebelum itu, sebagai panduan, oleh kerana sebahagian daripada masa untuk soal jawab lisan ini telah pun kita gunakan untuk Majlis Angkat Sumpah pagi tadi dan saya bercadang bagi sesi ini, saya akan lanjutkan sehingga soalan ke-12, sebagai panduan kepada ahli-ahli pentadbiran yang ada ini. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

**10. Datuk Maijol Mahap** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, sama ada benar atau tidak bahawa satu sebab kenapa kemiskinan di kalangan Orang Asli di Semenanjung masih berleluasa ialah dasar dan strategi Jabatan Orang Asli tidak digemari oleh mereka dan oleh itu mereka kerap kali tidak cenderung untuk respons kepada usaha-usaha jabatan tersebut.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya diucapkan tahniahlah di atas pelantikan semula Yang Berhormat sebagai Senator.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa kemiskinan di kalangan Orang Asli masih berleluasa disebabkan oleh dasar dan strategi Jabatan Orang Asli tidak digemari oleh mereka adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana pihak kementerian sentiasa sepanjang masa mengkaji dan mengenal pasti strategi yang bersesuaian bagi memastikan usaha pembasmian kemiskinan terutamanya di kalangan masyarakat Orang Asli dapat direalisasikan. Sehingga kini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan dalam bentuk fizikal, sosial dan pembangunan insan yang memberi penumpuan terhadap peningkatan kualiti hidup kepada 27,841 ketua isi keluarga Orang Asli.

Menerusi Program Penempatan Tersusun, sebanyak 17 buah Rancangan Pengumpulan Semula iaitu RPS telah berjaya dibangunkan dan memberi manfaat kepada 4,466 ketua isu keluarga. Manakala sebanyak 217 buah kampung telah terlibat dalam Program Penyusunan Semula Kampung atau PSK yang memberi manfaat kepada 12,264 ketua isi keluarga. Pada masa yang sama, sehingga kini kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah berjaya melaksanakan Program Pembangunan Ekonomi, di mana sebanyak 166 buah projek tanaman getah dan sawit yang melibatkan kawasan seluas 23,945.48 hektar telah memberi manfaat kepada 10,193 ketua isi keluarga menerusi pembayaran dividen dan upah sebagai pekerja ladang.

Di samping itu juga Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah berjaya melahirkan seramai 197 orang usahawan Orang Asli yang telah diberi peluang untuk menjalankan perniagaan di premis-premis perniagaan atau gerai-gerai yang disediakan oleh JHEOA. Manakala seramai 250 orang peserta Program Usahawan Orang Asli telah menerima pelbagai bantuan perniagaan. JHEOA juga turut melaksanakan Program Bantuan Rumah ataupun PBR menerusi Program Pembangunan Sosial.

Berdasarkan rekod jabatan dari tahun 2006 hingga tahun 2008, sebanyak 2,759 unit rumah telah dibina untuk kesejahteraan 2,759 ketua isi keluarga. Program Bantuan Rumah ini turut diperhebatkan lagi pada tahun 2009 menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi I, di mana sebanyak 2,260 unit rumah dibina dengan peruntukan sebanyak RM66.56 juta dan memberi manfaat kepada 2,260 ketua isi keluarga.

Penumpuan juga turut diberikan dalam aspek pendidikan dan latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar Orang Asli sebagai program jangka panjang untuk memastikan generasi muda Orang Asli bebas dari belenggu kemiskinan. Pada tahun 2009, seramai 26,990 orang pelajar Orang Asli bersekolah di peringkat sekolah rendah, manakala seramai 10,725 orang pelajar meneruskan pengajian di peringkat sekolah menengah. Pada tahun 2009 ini juga seramai 295 orang pelajar Orang Asli sedang menuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di dalam pelbagai jurusan dan bidang. Pelajar-pelajar ini turut dibantu melalui pelbagai insentif dan bantuan seperti bantuan pengangkutan, wang saku, bantuan peralatan persekolahan serta bantuan biasiswa kepada penuntut IPTA.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada itu, usaha-usaha juga turut dilakukan ke arah perubahan minda dan sikap di kalangan masyarakat Orang Asli menerusi pelbagai Program Pembangunan Modal Insan seperti Pembangunan Minda dan Pembangunan Keluarga kepada masyarakat Orang Asli.

Namun begitu, usaha pembasmian kemiskinan masyarakat Orang Asli turut mempunyai cabaran disebabkan faktor geografi dan kedudukan perkampungan yang jauh di pedalaman menyukarkan usaha pembangunan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kementerian menerusi JHEOA senantiasa berusaha untuk memastikan kualiti hidup masyarakat Orang Asli dapat dipertingkatkan seterusnya dan dapat mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1200

**Datuk Majiol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang komprehensif tadi. Namun ada sedikit yang saya ingin tanya iaitu, saya mendapat tahu bahawa kerajaan-kerajaan negeri akan memberi tanah keluasan di antara 0.8 dan 2.4 hektar kepada kuota isi rumah Orang Asli untuk tujuan pembangunan. Ini akan dapat membantu sampai 1,090 isi rumah Orang Asli melibatkan 50,000 hektar tanah keseluruhannya. Ini adalah berita baik untuk masyarakat Orang Asli. Namun demikian, saya difahamkan bahawa masa dan masalah mengenai program pembangunan tanah terutamanya melibatkan penempatan masyarakat Orang Asli yang tidak digazetkan sebagai rizab Orang Asli.

Setakat ini daripada 133,195 hektar kawasan Orang Asli hanya 14% sahaja yang telah digazetkan atau diwartakan sebagai kawasan rizab Orang Asli, yang lain itu belum digazetkan ataupun belum diuruskan. Oleh kerana kawasan Orang Asli ini sering terancam dengan pencerobohan daripada pihak-pihak swasta dan agensi kerajaan dan selain daripada itu status tanah yang tidak jelas ini, yang belum digazetkan melibatkan projek-projek pertanian komersial dan projek-projek pembangunan kerajaan yang disalurkan kepada Orang Asli.

Soalan saya ialah, apakah perancangan kementerian untuk mengatasi masalah penggazetkan kawasan tanah rizab Orang Asli ini? Kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan tahap keciciran pelajar di kalangan Orang Asli adalah terlalu tinggi iaitu lebih kurang 36% dari Tahun 6, ke Tingkatan 1. Kenapakah strategi kerajaan untuk memastikan bahawa tahap keciciran itu akan menurun untuk kebaikan masyarakat Orang Asli? Terima kasih.

**Dato' Haji Hasan bin Malek:** Soalan yang begitu panjang daripada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, daripada apa yang saya dapat terima memang benarlah bahawa pihak kita sepanjang masa memang menekankan kepada soal untuk membangunkan masyarakat Orang Asli itu terutamanya dalam bidang perladangan. Dalam perkara ini, pihak jabatan telah memberikan bantuan-bantuan kepada penanaman sawit. Setiap seorang kita beri bantuan RM8,000 satu hektar. Begitu juga dengan perladangan getah RM9,000 sehektar bagi seorang individu. Program perladangan ini juga kita lanjutkan kepada satu projek yang kita sebut agropolitan. Dikumpulkan masyarakat Orang Asli, ditempatkan di satu tempat dan diberi mereka tempat tinggal dan diusahakan satu projek perladangan sama ada tanam sawit, tanam getah ataupun lain-lain yang sesuai mengikut keperluan masyarakat setempat itu. Jadi dalam lain perkataan, memang ada usaha-usaha kita yang kita buat. Insya-Allah kalau ada cadangan daripada Ahli Yang Berhormat untuk hendak memberikan tiang kepada mereka ini untuk masuk dalam projek agropolitan ini, bolehlah maklumkan kepada kita.

Satu juga berkenaan dengan penggazetkan tanah-tanah ini. Ini melibatkan soal Kanun Tanah Negara dan sebagainya. Sukacita saya maklumkan, bahawa pihak Kabinet telahpun bersetuju kepada soal untuk menggazetkan beberapa kawasan-kawasan pihak kerajaan negeri ini digazetkan sebagai tanah Orang Asli. Hendak memberikan peluang memberi hak milik kepada mereka dan ini melibatkan proses dan perkara ini telah pun dipersetujui oleh Kabinet dan telah pun dibincangkan di Majlis Tanah Negara. Apabila ini sudah diperbuat begitu sempurna, ia akan diangkat semula dan maklumat berkenaan dengan penggazetkan ataupun pemberi hak milik tanah-tanah untuk Orang Asli ini akan dilakukan. Jadi berkenaan pula dengan keciciran pun kita akui terutamanya dalam bidang pendidikan.

Kalau hendak kita kaitkan bahawa ada keciciran di situ dan kita memang di pihak kementerian di atas inisiatif daripada Yang Berhormat Menteri sendiri telah menubuhkan satu *focus group* untuk kita mengkaji balik masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli ini dalam hal pendidikan dalam bidang perekonomian, kesihatan, infrastruktur dan juga keintelektualisme masyarakat Orang Asli.

*Focus group* inilah yang diberi tanggungjawab untuk mengkaji dan memberikan pandangan sebagai mana soal keciciran ini sebagai contoh dapat kita atasi. Mesyuarat telah diadakan, keputusan telah dibuat dan sebahagiannya pun berdasarkan kepada respons, pandangan kementerian orang-orang tertentu sebahagian daripada persetujuan *focus group* ini telah pun kita laksanakan. *Insyah-Allah*, soal keciciran macam saya sebut tadi, kita sudah melihat masalahnya dan kita sedang bincang supaya kadar keciciran ini sama ada dalam hal pendidikan, dalam hal perekonomian ini akan dapat kita kurangkan. Cuma yang kita perlukan sokongan daripada semua pihak supaya usaha-usaha kita ini senantiasa mendapat sokongan daripada ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tidakkah kerajaan bercadang untuk menawarkan Rancangan Tanah FELDA kepada Orang-orang Asli? Terima kasih.

**Dato' Haji Hasan bin Malek:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator, jawapannya, tidak ada rancangan untuk tujuan itu kerana FELDA ini mempunyai konsep dasar yang berbeza dengan rancangan tanah untuk masyarakat Orang Asli. Pertamanya dia akan melibatkan soal tanah, Kanun Tanah Negara dan sebagainya. FELDA ini adalah bersifat penempatan semula, tetapi Jabatan Orang Asli, kawasan-kawasan ladang yang kita buat sebagaimana yang kita laksanakan tadi melalui program agropolitan ini berbeza konsepnya. Cuma mungkin, *insya-Allah* pada masa yang akan datang akan kita berbicara dengan Yang Berhormat Senator konsep agropolitan yang sebenarnya yang pada saya kita lihat memang ini dapat memberikan peluang yang sebaik-baiknya dalam urusan kita hendak meningkatkan soal membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**11. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah implikasi kewujudan pasar raya besar di bandar-bandar kecil yang boleh mengancam perniagaan kedai-kedai runcit dan apakah kementerian tidak menyediakan kertas dasar terlebih dahulu sebelum melaksanakannya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kewujudan *hypermarket* di Malaysia membawa faedah dari segi kewujudan peluang pekerjaan dan latihan kepada penduduk tempatan di samping dapat memberi pelbagai pilihan produk dan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti dengan harga yang berpatutan. Walau bagaimanapun, kewujudan *hypermarket* asing adalah tidak dibenarkan wujud di bandar kecil dan pihak kementerian akan sentiasa memantau perkara ini. Kementerian sebenarnya telah menyediakan satu garis panduan penyertaan asing dalam sektor perdagangan pengedaran yang telah berkuat kuasa pada 1 Disember 2004. Pengusaha asing yang ingin membangunkan perniagaan *hypermarket* sebenarnya perlu mematuhi syarat-syarat yang berikut:

■1210

- (i) *hypermarket* tidak boleh beroperasi dalam lingkungan jarak 3.5 kilometer dari kawasan perumahan dan kawasan pekan;
- (ii) hanya satu *hypermarket* yang dibenarkan untuk beroperasi bagi setiap 350,000 penduduk;
- (iii) kajian impak ke atas peruncit dan pekedai tempatan perlu dilakukan sebelum pembukaan *hypermarket* dipertimbangkan;
- (iv) pengusaha *hypermarket* perlu memastikan keselamatan dan kebersihan persekitaran dan menggunakan sumber tenaga secara efisien; dan



- (v) bagi pembukaan cawangan *hypermarket* perlu melalui pertimbangan jawatankuasa perdagangan dan peredaran terlebih dahulu.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan tadi. Soalan saya pernah atau tidak Yang Berhormat mendengar nama pasar raya "*PRIMARK*", bukan "*Primax*". "*Primax*" itu minyak Petronas, yang beroperasi di London, United Kingdom dan Dublin, Ireland yang cukup popular dengan harga pakaian berkualiti dengan nilai GBP1, GBP2 dan GBP5 bersamaan dengan RM5, RM10, RM25. Dibuka pukul 8 pagi, tetapi pada pukul 7 pagi sehingga beratus-ratus orang, beratus menunggunya. Dipercayai boleh menyaingi Pasar Raya *Mydin*. Kenapakah ia tidak diperkenalkan di bandar-bandar besar di Malaysia seperti di Kuala Lumpur?

Soalan kedua, kenapakah pasar raya besar asyik tukar nama, tukar jenama dan tukar syarikat dari *Makro* kepada *Tesco*. Mungkin satu hari nanti daripada *Giant* kepada pasar raya '*Incredible Hulk*'. Apakah tukar nama itu bertujuan, tukar cara berniaga, pemilik atau kerana perniagaan itu merugikan? Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pasar raya *PRIMARK* ini setakat ini belum ada lagi permohonan daripada mereka untuk ke negara kita. Untuk menjawab soalan yang kedua Yang Berhormat, iaitu adanya pertukaran nama *Makro* kepada *Tesco* sebenarnya tidak berlaku. Akan tetapi disebabkan kerana *Tesco* telah pun mengambil alih dan membeli *Makro* kerana itu *Makro* ini telah ditukar nama *Tesco Express* (*Tesco*). Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada soalan tambahan saya telah terjawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya ada satu perkara yang hendak dicadangkan atau ditanyakan. Isu *hypermarket* di bandar-bandar kecil, malah di bandar-bandar besar juga yang telah menjejaskan peniaga-peniaga runcit yang kecil ini berlaku di bandar saya Johor Bahru khususnya, pertumbuhan banyak sekali *hypermarket*. Dari satu segi seperti mana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri memang benar ia mewujudkan peluang pekerjaan, pengguna-pengguna dapat pilihan yang banyak.

Kalau di Johor Bahru itu pelanggannya banyak daripada Singapura yang datang membeli di Johor Bahru dengan harga yang jauh lebih murah daripada di Singapura. Ini satu pertumbuhan ekonomi yang baik. Cadangan saya ataupun soalan saya seperti mana Yang Berhormat Datuk Rizuan katakan tadi, di luar negara ia ada *hypermarket* ataupun *factory outlet* yang dibina lebih jauh daripada bandar. Kalau tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata 3.5 kilometer, apakah kita boleh membuat satu dasar ataupun mekanisme *hypermarket* ataupun *factory outlet* ditempatkan di satu kawasan yang lebih jauh daripada bandar kerana yang datang ke situ semua orang ada kereta. Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat untuk memastikan bahawa *hypermarket* ini diwujudkan lebih jauh daripada di kawasan perumahan ini seperti yang telah saya katakan tadi bahawa kita ada garis panduan untuk memastikan *hypermarket* ini diluluskan ialah jaraknya ialah 3.5 kilometer. Bagi kita 3.5 kilometer ini adalah boleh dikatakan agak jauhlah daripada kawasan perumahan. Sebab kita mesti maklum bahawa kadang-kadang *hypermarket* ini memang hendak bangunan mereka kalau boleh biarlah dekat dengan kawasan perumahan supaya pelanggan-pelanggannya dapat datang lebih kerap kali ke sana supaya mereka dapat meningkatkan jualan mereka. Walau bagaimanapun, untuk memastikan *hypermarket* ini diletakkan lebih jauh daripada 3.5 kilometer ini, itu akan kita tetapkan. Saya ingat kita masih menggunakan garis panduan ini buat sementara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan sebentar tadi. Saya cuma melihat kepada jawapan tadi, kita merasakan pihak kementerian perlu mengambil tindakan yang lebih drastik dalam menguatkuasakan garis panduan tadi. Ini kerana kesan dan implikasi kewujudan pasar raya besar ini kepada kedai-kedai runcit ini sedang berlaku, dan telah pun dirasakan oleh peruncit-peruncit kita. Jadi kita minta satu komitmen daripada kementerian, satu tindakan yang lebih drastik untuk meminimumkan impak ini ke atas pengusaha. Oleh kerana garis panduan tadi saya rasa setakat sekarang ini masih sukar untuk dikuatkuasakan seperti 3.5 kilometer daripada kawasan penduduk dan juga kawasan bandar dan hanya satu pasar raya bagi setiap 350,000 penduduk. Pada pandangan umum kita boleh lihat ini tidak dilaksanakan dan tidak dikuatkuasakan.

Oleh itu kita minta satu komitmen yang lebih drastik daripada kementerian dalam masa yang sama kita ingin mengingatkan supaya dalam tindakan ini janganlah mengorbankan satu tawaran harga yang istimewa yang disediakan oleh pasar raya dan juga peluang pekerjaan yang ada sekarang kerana pasar raya-pasar raya yang ada sekarang ini kita lihat lebih menarik kerana mereka menyediakan kemudahan kawasan letak kereta yang luas, kawasan ada mesin ATM sendiri, malah tempat permainan kanak-kanak yang menjadi lebih menarik untuk setiap keluarga yang berkunjung. Jadi kita minta satu tindakan penguat kuasa yang lebih jelas dan drastik tetapi tidak mengorbankan kelebihan yang diterima oleh pengguna pada masa ini.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita tidak dapat menafikan bahawa dengan kewujudan *hypermarket* hari ini peruncit-peruncit, kedai-kedai tempatan di negara kita ini dari segi perniagaannya agak terjejas. Kita perlu ambil maklum bahawa negara kita sebenarnya perlu mengamalkan iaitu pasaran terbuka. Kita juga amat berharap bahawa pekedai-pekedai peruncit ini perlulah lebih kompetitif mungkin dari segi harga mereka tidak dapat menandingi dari segi tawaran harga barangan.

■ 1220

Akan tetapi, saya hendak mencadangkan bahawa peruncit-peruncit ini perlulah membeli secara pukal *in bulk*, dengan izin, melalui persatuan-persatuan mereka ataupun menubuhkan konsortium-konsortium. Ini supaya kita perlu ingatkan bahawa *consumer* kita iaitu pengguna kita hari ini, perlu juga menikmati harga-harga yang lebih rendah. Sebab kita tahu bahawa dengan adanya harga rendah ini ia adalah memberi banyak faedah kepada pengguna. Di mana dari segi harga rakyat pada hari ini dapat menikmati harga yang lebih rendah kalau kita bandingkan dengan harga yang ditawarkan oleh peruncit-peruncit di tempat masing-masing. Sekian, terima kasih.

**12. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengangkat Malaysia sebagai negara Islam yang *moderate*, progresif dan maju di pandangan dunia. Bagaimanakah peranan dan hubungan Malaysia dalam jaringan kesatuan-kesatuan Islam seperti OIC dan *World Islamic League*.

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membawa Malaysia ke hadapan adalah sejajar dengan pucuk pimpinan kerajaan sebelum ini iaitu di atas usaha-usaha kerajaan Malaysia, dunia sekarang mengenali Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh, yang mampu mengimbangi pencapaian ekonomi dan pembangunan bersama-sama perpaduan masyarakat yang berbilang kaum, melalui pendekatan yang berteraskan Islam.

Selain itu, usaha-usaha seperti ini juga dapat membuka ruang bagi sektor swasta Malaysia meneroka dan membuka pelaburan bijak di negara-negara yang memerlukan bantuan dalam pelbagai sektor, terutamanya dalam kewangan Islam dan industri halal.

Usaha-usaha seperti ini juga merupakan pendekatan yang berbentuk progresif yang bukan sahaja membantu negara-negara Islam malah menaikkan imej Malaysia. Kedudukan Malaysia di kedudukan mata masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara Islam yang dinamik bukan sahaja diakui oleh negara Islam yang lain, malah negara-negara berpengaruh seperti Amerika Syarikat dan Eropah.

Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, usaha ini akan dikekalkan dan diteruskan agar Malaysia sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara Islam contoh.

Malaysia juga sentiasa mementingkan hubungan di antara kesatuan dan pertubuhan-pertubuhan yang berteraskan Islam termasuk Pertubuhan Persidangan Islam atau OIC. Badan-badan di bawah naungannya serta badan-badan bukan kerajaan seperti *Muslim World League*, dengan izin. Peranan Malaysia dalam pertubuhan-pertubuhan ini bukan sahaja setakat penglibatan yang biasa tetapi Malaysia merupakan negara yang sering dirujuk oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa Islam. Berdasarkan rekod Malaysia yang sering memartabatkan kepentingan ummah di seluruh dunia.

Sebagai contoh, Malaysia merupakan salah satu negara pengasas OIC di mana Tuanku Abdul Rahman telah dilantik sebagai Setiausaha Agung yang pertama. Malaysia juga aktif di dalam badan-badan di bawah badan-badan naungan OIC, di mana terdapat pelbagai badan-badan khusus yang dipertanggungjawabkan untuk menangani permasalahan umat Islam dari aspek ekonomi, sains, teknologi, penerangan, budaya, sosial, pendidikan dan lain-lain. Lanjutan daripada itu, usaha Malaysia yang turut menekankan pembangunan ekonomi ummah, negara anggota OIC serta badan-badan di bawah OIC juga turut menerima perubahan arus tersebut dengan mewujudkan pelbagai usaha bagi membangunkan keupayaan ekonomi umat Islam.

Selain itu, inisiatif-inisiatif Malaysia dalam mewujudkan badan-badan berlandaskan prinsip Islam seperti Forum Ekonomi Islam Sedunia, Pusat Kewangan Islam Malaysia dan sebagainya, diperakui oleh negara-negara Islam yang lain sebagai usaha yang dapat membantu umat Islam mempertingkatkan keupayaan ekonomi yang berteraskan Islam. Justeru, penglibatan aktif Malaysia dalam pertubuhan-pertubuhan berteraskan Islam telah berjaya mengangkat nama negara sehingga dipandang tinggi oleh dunia Islam.

Malaysia pada masa ini dianggap sebagai negara Islam yang dinamik dan menjadi contoh kepada negara-negara Islam yang lain terutamanya daripada segi aspek pembangunan. Banyak negara baik negara Islam mahupun bukan Islam ingin menjadikan Malaysia sebagai model dalam melaksanakan program pembangunan masing-masing. Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan dan menaikkan imej Malaysia. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab waktu sudah suntuk, saya benarkan satu soalan tambahan sahaja. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berikutan insiden - tenaga nuklear ke atas Iran, di mana Malaysia dikategorikan selari dengan pendirian - ini akan memberikan kesan dan risiko hubungan kita dengan negara OIC, seperti Arab Saudi yang berkemungkinan kurang senang dengan pendirian yang telah dibuat. Soalan saya ialah, apakah langkah drastik yang telah diambil oleh pihak yang sepatutnya dalam isu ini? Bagaimanakah kementerian memastikan supaya kesilapan ini supaya tidak lagi berulang di masa hadapan? Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat reformasi sistem OIC ataupun dengan negara-negara Islam yang kita lakukan ini selaras. Kalau kita lihat dengan pendirian dengan negara-negara lain, dari segi *voting* yang telah dilakukan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, itu adalah setelah perbincangan dilakukan dengan begitu rapi sekali, maka *voting* telah dilakukan. Namun, Malaysia mempunyai peranan yang tersendiri untuk mengeratkan lagi hubungan dengan negara-negara Islam, khususnya negara-negara anggota OIC, iaitu ke seluruh 57 buah negara. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, untuk maklum Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan mempunyai tiga hari untuk membahaskan rang undang-undang sebagaimana yang tertera di dalam buku atur cara urusan Mesyuarat hari ini sebelum kita membahaskan rang undang-undang bajet yang akan dijadualkan akan bermula pada hari Selasa 15 Disember 2009. Oleh yang demikian, saya memohon kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat mengambil bahagian dalam membahaskan kelima-lima rang undang-undang tersebut di dalam tempoh tiga hari.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PINDAAN) 2009**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.28 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009 untuk meminda Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sejak berlakunya krisis kewangan global, badan-badan pengawalseliaan di seluruh dunia telah pun mengkaji semula sistem perundangan masing-masing untuk memastikan mereka mempunyai kuasa yang mencukupi dan dapat bertindak dengan segera untuk menangani krisis kewangan serta memantapkan lagi kestabilan sistem kewangan negara masing-masing.

United Kingdom telah pun meluluskan undang-undang yang memberikan pihak berkuasa atau badan kuasa resolusi atau *resolution power*, dengan izin, untuk menangani bank yang bermasalah termasuk kuasa penstabilan kewangan *or financial stabilization tools*, dengan izin. Di Amerika syarikat penginsurans deposit *financial* nya iaitu *Federal Deposit Insurance Corporation* telah pun menaikkan had perlindungan insurans deposit daripada USD100,000 kepada USD250,000 untuk tempoh sementara hingga tahun 2013.

■1230

*Canada Deposit Insurance Corporation* pula telah meminda undang-undangnya agar dapat mengambil tindakan tertentu bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan Kanada atau yakinkan orang ramai, orang-orang awam terhadap kestabilan tersebut termasuklah kuasa mengenakan premium khas.

Kerajaan Australia pula memberi jaminan deposit sementara serta membuat pindaan undang-undang agar dapat melaksanakan jaminan tersebut. Negara-negara lain di Rantau Asia seperti Singapura, Brunei, New Zealand, Taiwan dan Hong Kong juga bertindak dengan memberi jaminan deposit untuk satu tempoh yang sementara.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kerajaan telah pun menubuhkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau pun PIDM pada tahun 2005 sebagai penginsurans deposit nasional untuk mentadbir sistem insurans deposit negara. Insurans deposit biasa ini tertakluk kepada had perlindungan maksimum sebanyak RM60,000 untuk setiap pendeposit bagi setiap institusi anggota.

Pada 16 Oktober 2008, Kerajaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia telah pun mengisytiharkan Jaminan Deposit Kerajaan yang turut ditadbir oleh PIDM. Jaminan Deposit Kerajaan sementara ini ialah suatu langkah persediaan dan berjaga-jaga atau pun *preemptive and precautionary measures*, dengan izin untuk terus mengekalkan keyakinan orang awam *or public confidences* serta kestabilan sistem kewangan Malaysia dan ianya sejajar dengan tindakan negara-negara serantau.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri utama Jaminan Deposit Kerajaan ialah seperti berikut:

- (i) untuk tempoh sementara itu dari 16 Oktober 2008 hingga 31 Disember 2010; dan
- (ii) melindungi amaun penuh deposit tanpa had maksimum sama ada deposit Ringgit Malaysia atau pun mata wang asing yang dipegang oleh:
  - (a) Bank Komersial dan Bank Islam iaitu institusi anggota di bawah Sistem Insurans Deposit Tetap; dan

- (b) Bank Islam Antarabangsa, Bank Perdagangan dan beberapa institusi kewangan pembangunan atau pun *development financial institutions* tertentu yang dikawal selia oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan membuat pindaan ke atas Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2009 atau pun dikenali sebagai Akta PIDM. Pindaan tersebut amatlah penting dan diperlukan agar PIDM dapat melaksanakan Jaminan Deposit Kerajaan secara berkesan dan efisien. Ia juga dapat membolehkan suatu insurans penstabilan atau pun jaminan seperti Jaminan Deposit Kerajaan diisytiharkan di bawah Akta PIDM sekiranya keadaan mewajarkan langkah tersebut diambil pada masa hadapan.

Bahagian 4, Akta PIDM yang sedia ada hanya menyentuh tentang insurans deposit biasa termasuk penetapan had perlindungan maksimum sebanyak RM60,000. Justeru, rang undang-undang ini akan meminda akta tersebut dengan memasukkan perundangan mengenai insurans penstabilan sebagai satu bahagian baru iaitu Bahagian 4(a). Jaminan Deposit Kerajaan ialah satu jenis insurans penstabilan yang boleh dibuat di bawah Bahagian 4(a) tersebut. Melalui rang undang-undang ini, Perundangan Insurans Penstabilan atau pun Bahagian 4(a) dalam akta tersebut akan berkuat kuasa secara retrospektif mulai dari 16 Oktober 2008.

Perintah retrospektif mengenai Jaminan Deposit Kerajaan akan dimasukkan sebagai jalur kelima dalam akta tersebut. PIDM juga boleh mengenakan *fee* ke atas bank atau pun institusi yang dilindungi oleh Jaminan Deposit Kerajaan berdasarkan tempoh kiraan mulai dari Oktober 2008. Bagi menggalakkan atau mengekalkan kestabilan sistem kewangan dan keyakinan orang ramai, Menteri Kewangan boleh membuat suatu perintah dan PIDM akan memperuntukkan insurans penstabilan sementara. Menteri Kewangan boleh mengubah tempoh insurans penstabilan tersebut atau memperuntukkan insurans penstabilan sementara yang lain juga melalui suatu perintah selepas berunding dengan PIDM dan Bank Negara Malaysia. PIDM akan mentadbir insurans penstabilan tersebut dalam cara yang sama dengan insurans deposit biasa di bawah Bahagian 4, Akta PIDM.

Tuan Yang di-Pertua, melalui insurans penstabilan ini:

- (a) PIDM boleh menaikkan had perlindungan deposit untuk melebihi RM60,000 atau pun tanpa had maksimum;
- (b) PIDM boleh melindungi liabiliti atau pun surat cara kewangan institusi anggota yang tidak boleh diinsuranskan di bawah insurans deposit biasa contohnya deposit mata wang asing; dan
- (c) PIDM juga boleh melindungi liabiliti ataupun Surat Cara Kewangan perbadanan atau pun mana-mana badan korporat atau institusi kewangan selain institusi anggota yang ditetapkan dalam perintah yang dibuat oleh Menteri Kewangan contohnya Bank Perdagangan atau pun Bank Pembangunan.

Pindaan Akta PIDM ini juga akan memperuntukkan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) perbadanan yang dilindungi oleh insurans, penstabilan akan dianggap sebagai institusi yang 'buta' bagi maksud Akta PIDM. Oleh itu PIDM boleh mentaksir dan memungut *fee* daripada perbadanan tersebut, mendapatkan maklumat serta memantau kekukuhannya dan mengambil tindakan campur tangan dan resolusi awal atau pun *early intervention and resolution*, dengan izin, sekiranya perbadanan tersebut mengalami masalah;
- (b) PIDM hendaklah membayar suatu amaun yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan dan PIDM ke dalam dana 'Disatukan';
- (c) Menteri Kewangan hendaklah memperuntukkan kepada PIDM apa-apa dana yang dikehendaki oleh PIDM akibat insurans penstabilan termasuklah membayar balik kepada PIDM apa-apa kerugian termasuk kos perbelanjaan yang ditanggungnya;

- (d) jika PIDM melaksanakan mana-mana kuasa atau membuat bayaran insurans sebelum tamatnya tempoh insurans penstabilan tersebut, Akta PIDM akan terus terpakai terhadap institusi anggota atau perbadanan berkenaan seolah-olah tempoh tersebut belum tamat; dan
- (e) jika institusi anggota atau pun perbadanan berkenaan berhutang dengan PIDM atau mengingkari mana-mana peruntukan di bawah Akta PIDM dan ini berlaku sebelum tamatnya tempoh insurans penstabilan tersebut, Akta PIDM akan terus terpakai terhadap mereka seolah-olah tempoh tersebut belum tamat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas Akta PIDM yang melibatkan insurans penstabilan termasuklah Jaminan Deposit Kerajaan akan meningkatkan lagi kontinjen liabiliti kerajaan sekiranya berlaku kegagalan mana-mana institusi di bawah Sistem Insurans Penstabilan. Ini termasuklah membayar balik deposit yang dilindungi dan apa-apa kerugian termasuk kos perbelanjaan yang ditanggung oleh PIDM akibat pelaksanaan insurans penstabilan tersebut.

Walau bagaimanapun, sebahagian *fees* yang dikenakan ke atas institusi yang dilindungi oleh insurans penstabilan tersebut iaitu amaun yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan dan PIDM seperti saya sebutkan tadi adalah merupakan hasil kepada kerajaan.

Pindaan Akta PIDM adalah perlu dan penting bagi membolehkan PIDM memainkan peranannya dengan lebih cekap dan berkesan dalam menyediakan insurans penstabilan sementara termasuk Jaminan Deposit Kerajaan bagi memelihara keyakinan orang ramai, orang awam terhadap sistem perbankan, melindungi kepentingan orang awam, mengekalkan kestabilan sistem kewangan dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih dan saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (2005) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi.

■1240

12.40 tgh.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. Perkara pertama yang saya ingin tanyakan kepada pihak kerajaan dalam membahaskan rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan, adakah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 yang dipinda ini akan meliputi dana-dana yang melibatkan dana-dana institusi kewangan Islam? Jika ada, berapakah jumlah yang akan dilibatkan dalam sesi ini dan berapakah pula dan apakah dana konvensional? Adakah ia juga dilindungi di bawah akta ini? Itu yang pertama.

Yang kedua, PIDM merupakan badan tertinggi yang menjalankan urus niaga insurans deposit yang telah diketahui umum. Jadi saya ingin bertanya, apakah ataupun siapakah badan yang memantau PIDM ini sendiri? Apakah liabiliti pula yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan sekiranya kita memilih untuk meluluskan rang undang-undang ini dan apakah pula liabiliti yang terpaksa di tanggung oleh pihak kerajaan ke atas ke institusi kewangan asing yang menjalankan urus niaga di Malaysia? Adakah kita juga akan turut, kerajaan juga akan turut menanggung liabiliti ke atas syarikat-syarikat insurans asing yang membuat deposit-deposit ini di negara kita?

Sekiranya ada, berapakah jumlah yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan untuk tahun hadapan dan tahun-tahun yang seterusnya?

Tadi ada disebut tentang wang deposit sementara ini akan ditempatkan. Saya ingin bertanya di manakah wang deposit penstabilan ini akan ditempatkan, di Bank Negara atau di badan-badan lain, atau ditempatkan di negara asing? Berhubung dengan isu ini juga, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dalam dua, tiga tahun lepas saya ada membahaskan dan memohon agar pihak kerajaan memperkenalkan untuk profesional indemniti insurans kepada peguam-peguam yang sekarang ini hanya ditawarkan oleh syarikat insurans konvensional. Pihak kerajaan ada membuat balasan dalam jawapan yang dikemukakan akan mempertimbangkan dan mengkaji cadangan agar profesional indemniti insurans yang perlu dibuat oleh syarikat yang besar ini untuk dibuat secara Islamik, memberi pilihan ataupun opsyen kepada-kepada peguam Islam yang hendak menggunakan PII ini secara Islamik.

Sekarang ini yang dibenarkan di bawah *Bar Council* adalah melibatkan PII yang tidak Islamik iaitu konvensional. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk bertanya kepada pihak kerajaan, bila mana di sebut Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sejauh manakah komitmen kerajaan yang telah pun dikenali di luar negara sebagai sebuah negara Islam yang progresif, menguatkuasakan fatwa bahawa penggunaan ataupun pemakaian insurans yang tidak Islamik adalah haram kepada orang Islam di Malaysia. Jadi kalau fatwa ini telah pun sebenarnya dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, sejauh manakah fatwa ini diperkenalkan dan difahamkan kepada penduduk Malaysia memandangkan hari ini saya rasa tidak ada lagi orang Islam yang sedar yang masuk ke tempat-tempat perjudian kerana mereka dapat tengok label dekat pusat perjudian itu haram untuk orang Islam ataupun makanan haram, tidak boleh dimakan oleh orang Islam.

Akan tetapi untuk insurans, bukan insurans secara Islam atau takaful. Kita lihat banyak lagi syarikat-syarikat yang menawarkan kemudahan kewangan secara Islam ini kepada orang Islam tetapi pada masa yang sama menawarkan sistem insurans yang tidak Islamik kepada orang yang mengambil pembiayaan secara Islamik. Jadi ini satu kaedah *dual system* yang diguna pakai, sepatutnya untuk orang Islam tidak opsyen lain, mereka mesti guna takaful sama ada takaful yang dibuat oleh Bank Islam atau bank-bank lain. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah komitmen kerajaan untuk menguatkuasakan fatwa ini kepada orang Islam?

Saya juga melihat perkembangan positif di dalam TV di mana kerajaan ada membuat beberapa agensi untuk mengajar rakyat bagaimana cara menguruskan kewangan yang baik. Ini merupakan langkah yang positif, yang saya ingin tanyakan kepada pihak kementerian ialah, berapa ramaiakah setakat ini jumlah orang yang telah mendapatkan khidmat bantuan kewangan dan nasihat daripada Bank Negara sendiri untuk mendapatkan khidmat kewangan khususnya bila mana menghadapi saat-saat masalah ekonomi gawat sebagaimana pada hari ini? Adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan dan memberikan lesen-lesen radio yang menjalankan sasaran ataupun orientasi bisnes? Saya lihat dalam akhbar ada rancangan radio khusus untuk membincangkan bisnes di buat dalam bahasa Inggeris. Adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu saluran radio khas bagi membincangkan isu-isu kewangan ini dalam Bahasa Kebangsaan? Sekiranya ada, saya mohon ia diuar-uarkan.

Begitu juga dengan - bila disebut agen insurans ini, kita melihat perkara-perkara insurans ini dipegang oleh orang-orang yang bukan bumiputera. Saya ingin tahu jumlah bumiputera yang terlibat sebagai orang yang mengendalikan urusan-urusan niaga tentang insurans dan Takaful, sama ada ia melibatkan insurans yang diuruskan secara Islam ataupun insurans konvensional? Ini adalah sebagai menyahut usaha kerajaan bagi melihat rakyat kita menjadi rakyat yang lebih berhemat kerana kita melihat secara purata, jumlah orang Melayu yang mendapatkan perlindungan insurans secara sukarela adalah jauh lebih kecil berbanding dengan jumlah yang dilaburkan orang-orang khususnya orang Cina dan India dalam mendapatkan insurans untuk melindungi kehidupan mereka. Sekarang ini setelah pihak kerajaan memberikan pengecualian dan menaikkan pelepasan dalam cukai untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri, adakah terdapat peningkatan untuk orang bumiputera yang melibatkan diri dalam institusi insurans ini?

Saya juga melihat ya, bila kita melihat kepada INCEIF yang telah dibuka oleh pihak Bank Negara yang menjadi pusat pendidikan kewangan Islam, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan INCEIF ini sebuah institusi pengajian teknologi awam yang akan menjadi pusat bagi seluruh dunia untuk mendapatkan pakar-pakar dalam bidang kewangan Islam. Kita melihat ini merupakan satu trend yang cukup membanggakan dan dalam kes ini saya difahamkan kerajaan Singapura telah pun membuka langkah yang proaktif dengan menawarkan lebih banyak produk-produk islamik di Singapura walaupun negara kita adalah negara yang pertama yang memperkenalkan sistem kewangan Islam. Jadi, adakah INCEIF akan dibenarkan untuk dibuka atau kita memberikan opsyen kepada universiti-universiti tempatan lain untuk menjadi pusat kewangan Islam, pusat-pusat pendidikan kewangan Islam?

Berhubung dengan akta ini juga, adakah pihak kerajaan akan membuat satu Akta Fi bagi memantau premuim ataupun memantau deposit atau juga memantau pendapatan yang akan diperolehi oleh mana-mana agen dalam mereka menjalankan urus niaga insurans mahupun takaful supaya ianya akan memberikan keadilan bukan hanya kepada agen itu sendiri tetapi juga kepada pelabur-pelabur yang kebanyakannya tidak mengetahui hak mereka bila mana mereka tandatangan mana-mana borang untuk menjadi ahli atau melabur dalam mana-mana takaful atau pun insurans.

Saya rasa perkara ini bukan hanya melibatkan jabatan ataupun orang-orang perseorangan tetapi banyak juga syarikat-syarikat besar yang telah mengambil insurans dengan hanya menandatangani dan tidak memahami langsung dari sudut liabiliti yang perlu mereka buat atau ditanggung setelah mereka membayar premium insurans. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk memudahkan bila kita luluskan melalui akta ini, memberikan satu pendidikan insurans dalam cara yang mudah supaya perkara ini, bila mereka ambil insurans, mereka akan tahu, mereka akan ada lima hak ataupun piagam yang perlu mereka patuhi dan lima hak yang boleh mereka tuntutan dari syarikat insurans. Ini kerana kalau kita tidak bantu secara begini, banyak juga syarikat-syarikat yang menawarkan kemudahan-kemudahan insurans atau takaful tetapi pada masa yang sama mereka cuba melanggar ataupun mengurangkan liabiliti mereka bila mana orang tersebut ditimpa sebarang bala ataupun bencana setelah mereka mengambil insurans ini.

Jadi perkara ini saya minta pihak kerajaan kalau boleh laksanakan satu pendidikan yang lebih ringkas, lebih menyeluruh agar rakyat kita yang melabur dalam mana-mana insurans ataupun melabur mana-mana deposit ataupun dalam mana-mana takaful akan mendapatkan semua kemudahan-kemudahan sebagaimana yang kita lihat telah dapat dinikmati oleh orang-orang di negara maju.

Saya juga tertarik dalam berita dalam dua tiga minggu lepas di mana pihak kerajaan mengisytiharkan bahawa orang-orang yang ditipu dalam satu skim, skim Swiss Bank telah mendapat sebahagian besar daripada wang-wang yang telah mereka laburkan melalui perintah mahkamah. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan sekiranya orang-orang yang melabur di dalam Swiss Bank ini dapat balik apa yang telah pun mereka rugi, bagaimana pula dengan skim-skim lain? Tidakkah mahkamah ataupun kerajaan mempunyai cara yang sama ataupun yang lebih baik untuk membantu orang-orang lain yang telah pun teraniaya melalui penipuan-penipuan sebegini kerana kita melihat setakat ini memanglah semua urusan-urusan memasukkan kewangan ini biasanya dibuat secara komputer atau secara internet. Jadi ini menyebabkan susah untuk pihak yang mungkin kurang arif tentang urus niaga melalui *internet* ini mendapat pampasan sekiranya mereka tidak menyimpan mana-mana resit.

#### ■1250

Saya juga ingin bertanya pihak kerajaan, apakah rasional di sebalik pelepasan daripada had sebelum ini sehingga boleh memberikan had perlindungan melebihi RM60 ribu kepada dana untuk surat cara deposit mata wang asing yang telah pun disebut tadi. Jadi kenapa had RM60 ribu itu dibuka atas dana berapakah kita jangka kalau kita buat pembukaan seperti ini dan memberikan jaminan kerajaan ke atas pelaburan perkara seperti ini dan memberikan keuntungan kepada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Ng Fook Heng.



**Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang bagi turut serta dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009. Baik. Sistem insurans deposit digubal untuk mengukuhkan sistem kewangan negara dengan memberi perlindungan kepada pelanggan bank. Akan tetapi, hak maksimum yang boleh dibayar kepada pelanggan adalah RM60 ribu apabila berlaku kebangkrapan bank atau institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa dasar ini telah menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara kita dan ia perlu diatasi dengan penilaian semula. PIDM telah memutuskan had maksimum RM60 ribu adalah memadai kerana ia akan memberi perlindungan kepada 95% pendeposit bank dan institusi kewangan. Akan tetapi, dari segi jumlah nilai deposit dalam sistem kewangan negara ia membabitkan 35% sahaja. Ini bermaksud 65% daripada jumlah nilai deposit negara tidak mendapat perlindungan dan di bawah sistem insurans deposit.

Tindak balas rakyat terhadap dasar ini, rata-rata menganggap ini tidak patut dan membimbangkan sehingga menjejaskan keyakinan awam terhadap sistem kewangan negara. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia telah menyatakan bahawa hak maksimum RM60 ribu ini adalah lebih baik berbanding dengan negara-negara membangun seperti Indonesia dan Filipina.

Sikap sedemikian adalah ketinggalan kerana di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, had maksimum ditetapkan sehingga USD100 ribu. Perbandingan ini adalah baik di mata rakyat, yang menaruh harapan yang jitu dalam sistem perbankan kita di negara ini berbanding dengan warga asing yang menetap di negara kita, yang tidak menghiraukan akan *coverage* tersebut. Walau bagaimanapun, jumlah ini harus dipertingkatkan kepada satu jumlah yang lebih selesa yang membolehkan rakyat kita bersatu dalam usaha kita meningkatkan ekonomi melalui sistem perbankan.

Seharusnya PIDM menumpukan perhatian yang lebih mendalam bagi pelanggan-pelanggan tempatan mahupun asing dalam sistem yang diguna pakai di negara ini sekarang. Ini kerana secara tidak langsung ia akan mencerminkan komitmen perkhidmatan kewangan Malaysia dalam menjamin keselamatan simpanan mereka ini. Rakyat juga khuatir kerana Bank Negara tidak akan memainkan peranan seperti *lender of last resort* demi menjaga keutuhan sistem kewangan negara.

Rakyat juga bimbang bahawa kerahsiaan maklumat pelanggan bank akan terbocor sekarang kerana pindaan akta ini telah membenarkan mana-mana pendedahan akaun dan maklumat pelanggan oleh bank dan institusi kewangan kepada PIDM, pengarah, pengerusi, pekerja atau ejen PIDM. Jika maklumat-maklumat simpanan ini tersebar, saya percaya ia juga akan mengundang malapetaka yang berkaitan dengan rompakan dan penculikan. Apakah jaminan dapat diberikan akan keselamatan maklumat pelanggan yang boleh membawa masalah-masalah yang amat tidak menyenangkan bagi seisi keluarga.

Saya memohon agar sistem kawalan maklumat pelanggan ini dapat diberikan keutamaan atas akses agar ia tidak disalah guna, jika sesiapa yang didapati menyalahi atau salah guna maklumat ini harus diheret ke mahkamah dan disarankan agar hukumannya lebih berat dikenakan. Jika ia tidak dilakukan, suatu hari nanti maklumat-maklumat ini dapat dicairkan dalam data bank dan disalurkan kepada agen-agen yang tidak bertanggungjawab sehingga boleh menyebabkan kerugian yang amat perit.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang sedemikian telah menjejaskan keyakinan rakyat kepada sistem kewangan negara dan saya menyeru agar Kementerian Kewangan dan Bank Negara akan menangani masalah ini dengan segera sambil mengambil langkah-langkah proaktif dalam menjamin sistem perbankan kita dalam beberapa keadaan pihak bank telah mengecewakan rakyat sehingga masalah-masalah sedemikian perlu diselesaikan menerusi campur tangan kerajaan. Manakala dalam situasi lain bank menghadapi masalah mudah tunai yang memerlukan bank pusat untuk menyediakan sokongan mudah tunai.

Adalah wajar agar Bank Negara meningkatkan jumlah perlindungan ini selaras dengan pembangunan negara, memandangkan kuasa ekonomi negara kian meningkat dan kita mendapati sikap menyimpan ini digalakkan sejak dari kecil lagi. Ini juga selaras dengan hasrat kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang berbelanja dengan berhemah.

Perbandingan juga harus diambil kira peratus penyimpan yang menumpukan dalam isu keselamatan dan kadar bunga bagi aspek pelaburan dalam simpanan. Jika penyimpan-penyimpan ini beralih pandangan ke negara-negara jiran ia secara tidak langsung akan menyebabkan kuasa mata wang kita tergugat. Dengan ini saya menyeru agar di mana sistem perbankan Malaysia yang merupakan antara sistem perbankan yang mempunyai modal terbaik di dunia dapat memberikan jaminan agar jumlah deposit tanpa had dapat dijamin agar ia tidak mencemarkan nama baik kita di persada antarabangsa dalam melindungi dana pendeposit. Bank yang mempunyai modal yang baik, yang kukuh menjadi penampung di barisan pertama. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya pohon menyokong. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut berbahas? Diminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada dua orang Yang Berhormat Senator iaitu Senator Hajah Mumtaz dan juga Senator Ng Fook Heng yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang PIDM yang baru dibentangkan oleh saya sendiri. Bagi saya menjawab soalan-soalan yang telah pun ditanya oleh kedua-dua Yang Berhormat.

Pertama iaitu Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz telah bertanya mengenai jumlah dana Islam yang akan dilindungi, jumlah dana konvensional juga yang berada di negara kita. Untuk menjawab soalan ini, secara menyeluruhnya dana Islam ialah RM154 bilion dan bagi dana konvensional adalah RM633 bilion di negara ini. Mengenai siapa akan memantau aktiviti PIDM, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kewangan dengan bantuan Bank Negara Malaysia akan memantau aktiviti yang dijalankan oleh PIDM.

Mengenai fi yang dilabur di luar negara, saya ingin memberitahu Yang Berhormat iaitu fi akan diberikan kepada kerajaan, satu bahagian balik diberikan kepada kerajaan masuk dalam kumpulan akaun disatukan dan tidak dilaburkan di luar negara. Untuk menjawab juga mengenai syarikat insurans, saya ingin memberitahu Yang Berhormat Senator bahawa syarikat insurans tidak termasuk dalam perlindungan yang diberikan oleh PIDM sebab syarikat insurans tidak mengambil deposit daripada pelanggan-pelanggan. Mengenai *professional indemnity insurance*, ini tidak bersangkutan dengan PIDM.

Dahulu semasa saya menjalankan tugas sebagai peguam swasta pun saya sentiasa beli insurans dari syarikat insurans konvensional dan memang tidak ada satu *uniformity*, dengan izin, dan saya juga harap supaya kerajaan dapat meneliti keadaan ini sama ada ia mencapai satu jalan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri

**Dato' Chor Chee Heung:** ...Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab waktu sudah tepat jam 1.00 petang, Dewan ditangguhkan sekarang dan akan disambung pada pukul 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1430

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyambung jawapan.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tadi saya dalam pertengahan menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz mengenai *professional indemnity insurance* ini tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang yang kita sedang bincangkan di Dewan yang mulia ini.

Bagi *professional indemnity insurance*, semua peguam swasta haruslah mencari syarikat-syarikat yang memberi tawaran dari segi *professional indemnity insurance*. Tadi saya sudah beritahu sedikit bahawa semasa saya menjadi peguam swasta, sebelum saya menyertai keanggotaan kerajaan, saya juga kena membeli dan membayar tiap-tiap tahun dekat hampir RM10,000 setahun untuk mendapat perlindungan dari segi *professional indemnity insurance*. Pada setiap tahun, jika tidak ada masalah, maka duit RM10,000 premium yang saya bayar itu kira hanguslah, bayar sahajalah.

Selain daripada itu juga, mengenai fatwa insurans nyawa, kita membincangkan masalah PIDM tidak kena-mengena dengan insurans biasa juga. Jika Yang Berhormat Hajah Mumtaz berminat, beliau bolehlah bertanya secara lisan ataupun cara yang lain. *Renew* lesen pun tidak kena mengena dengan rang undang-undang ini. Dari segi jumlah agen bumiputera, insurans takaful dan juga konvensional, saya juga harap Yang Berhormat Hajah Mumtaz bolehlah bertanya melalui cara pertanyaan soalan lisan.

Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Ng, bukan sahaja RM60,000, memang sebelum ini, sampai hari ini RM60,000. Akan tetapi, jika pindaan rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, maka tanpa had perlindungan yang diberikan oleh kerajaan dan juga pihak PIDM.

Selain daripada itu juga, kerajaan memang harus melihat supaya negara kita mempunyai satu sistem kewangan yang cukup kukuh. Segala bank dan institusi kewangan di negara ini begitu kuat dan kukuh, kestabilan kewangan negara tidak mendatangkan apa jua masalah. Oleh sebab kita mempunyai Bank Negara Malaysia yang senantiasa begitu berwaspada dan ketat dengan segala pemantauan, maka kita dapat melihat ekonomi kita dapat bertumbuh dengan lancar. Selama ini memang kita mempunyai prestasi yang cukup baik. Bukan sahaja institusi kewangan negara ini, bahkan semua pasaran modal sekuriti yang lain.

Selepas hujung tahun depan, maksudnya hari ini kalau kita luluskan segala deposit, segala wang yang disimpan di bank, semua institusi perbankan di negara ini akan diberikan perlindungan sampai maksimumlah. Kalau kita simpan RM10,000, kita dapat perlindungan sebanyak RM10,000, kalau RM500,000 pun RM500,000 kita dapat perlindungan. Ia akan jalan sampai hujung tahun depan, *that is December 2010*. Selepas itu, kerajaan akan meneliti semula sama ada ia perlu atau tidak dalam keadaan pada masa itu juga. Jika perlu...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Boleh saya mencelah, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Chor Chee Heung:** Biar saya habis dahulu Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Okey, okey.

**Dato' Chor Chee Heung:** Jika perlu, maka ini akan dikekalkan hingga suatu masa yang akan ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri. Baiklah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya ingin tanya, tadi kita cerita pasal wang kita yang ada di bank yang mana kerajaan akan mulakan insurans itu sepenuhnya. Jadi, saya hendak tahu macam mana pula insurans, adakah kerajaan memikirkan insurans yang harus diberikan kepada penyimpan-penyimpan barang kemas ataupun barang-barang sulit ini? Barang-barang sulit... *[Ketawa]* Maksud saya peti rahsia ini. Benda ini tidak ada *declare*. Kita tidak ada *declare* apa yang kita masukkan dalam itu. Jadi, kita hendak tahu ada tidak kerajaan itu.

Saya hendak cakap sedikit tentang insurans ini, saya tidak tahulah kefahaman bangsa atau kaum lain, tetapi kaum Melayu ini kita selalu nampak insurans ini macam insurans betul dengan tidak betul. Kalau kita masuk insurans hari ini, kalau kita dipotong insurans kita satu bulan RM1,000 katakan, apabila kita terlewat sedikit dua bulan tidak potong, tiba-tiba kita meninggal, tidak dapat pula duit yang pernah kita masukkan itu. Jadi, saya tidak hendak insurans ini dikatakan macam itu. Akan tetapi apabila tiba masanya, rupanya, bunyinya, akhirnya insurans memang tipu orang. Saya tidak mahu perkara ini berlaku.

Kadang-kadang kita tengok insurans yang ada hari ini, kita masuk insurans khasnya insurans kesihatan. Dia kata masuk insurans kesihatan, masuk sahaja hospital yang berbayar maka insurans *cover* mengikut had yang kita tetapkan dari segi pembayaran kita. Akan tetapi kadang-kadang benda itu apabila masuk, rupanya bayar dahulu pula. Jadi, kita takut apa yang terjadi kepada insurans kewangan kita, kita pun beranganlah ini, konon-konon simpan duit, biar betul-betul simpan semua dalam bank. Daripada simpan bawah bantal, baik simpan dalam bank supaya apabila kita meninggal ataupun apa-apa berlaku pada bank, maka duit kita akan dikembalikan dengan sepenuhnya.

Jadi, saya harap kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri agar dapat memberikan sedikit penjelasan tentang yang pertama saya cakap tadi itu tentang barang-barang kemas disimpan di bank-bank dan adakah skim insurans yang dibuat oleh kerajaan ini kepada bank-bank...

**Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng:** [Bangun]

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** ...Benar, benar! Sekejap, duduk dahulu. Yang Berhormat duduk dahulu. Duduk dahulu Yang Berhormat. [Ketawa] Adalah benar-benar betul ataupun seperti, indah khabar dari rupa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1440

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bantangkan sedikit tentang insurans dan bank ini. Saya rasa duit yang kita simpan dalam bank itu tidak selamat. Tidak selamat sebab apa, sebab pekerja bank ini sama ada pegawainya ataupun keraninya, mereka ada maklumat kita.

Jadi ada seorang kawan saya, dia ada *fixed deposit* dalam bank. Tiba-tiba terima panggilan telefon daripada pegawai bank mengatakan, "You punya deposit dalam bank ini hanya 2% sahaja. *Why not* datang berbincang untuk laburkan dalam Unit Trust dan sebagainya".

Jadi, dia dapat *convince* dan kawan saya pergi ke bank dan dia memperkenalkan pelbagai Unit Trust begitu hebatnya, dengan anjurannya dan sebagainya dan keluarkan katakana FD100,000 laburkan semua dalam Unit Trust ini dan tiba-tiba gawat, habis semua duit itu. Jadi, bermaknanya pegawai bank ini ada hak atau tidak mengeksploitasikan maklumat yang ada. Akhirnya, pelanggan menjadi mangsanya sendiri, kalau tidak dicari, tidak dipanggil untuk tukarkan FD kepada Unit Trust, maka duit dia selamat. Saya rasa perkara ini berlaku secara berleluasa.

Kemudian yang kedua, isu yang saya katakan insurans. Insurans kereta contohnya, kalau kita hendak membeli kereta baru ataupun memperbaharui insurans, selagi tidak bayar kereta kita tidak boleh jalan langsung. Apabila kereta itu rosak atau hilang, tunggu berbulan-bulan untuk *claim* insurans. Nilainya amat rendah pula. Apabila hendak *claim*, semua tidak betul. Apabila mahu membeli, semua betul. Sekian.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Eg Fook Heng. Ada tiga atau empat soalan yang ditanya. Akan tetapi hampir semuanya tidak begitu relevan, tidak begitu tepat. Sebab kita sedang membincangkan mengenai Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009 atau PLDM, bukan insurans biasa itu.

Jika Yang Berhormat minat bolehlah tanya dalam ucapan dasar lain atau rang undang-undang lain, kita dapatlah membangkitkan masalah seumpama ini. Akan tetapi, walau bagaimanapun saya ingat tidak mengapalah...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya mohon mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi tentang emas itu, bukankah ia disimpan di bank juga, bukan di tempat lain? Satu perkara. Kita hendak tahu adakah dasar insurans yang hendak dibuat ini sama dengan dasar insurans yang telah pun dibuat selama ini.

**Dato' Chor Chee Heung:** Baiklah Yang Berhormat. Pertama, mengenai soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah dahulu. Mengenai *safe deposit box*, atau kotak kerahsiaan yang disimpan di bank, memang tidak mendapat perlindungan dalam rang undang-undang ini, sebab ia bukan deposit. Itu deposit secara rahsia. Kita pun tidak tahu juga dalam kotak kerahsiaan itu apa yang disimpan di dalam itu. Walau bagaimanapun, bank telah memberi perlindungan yang asing. Saya percaya tidak melebihi RM10,000 satu kotaklah atau setiap kotak. Hanya deposit yang disimpan di bank secara wang tunai ini diberikan perlindungan di bawah rang undang-undang ini.

Mengenai dakwaan bahawa insurans ini sentiasa tipu orang, makan orang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, saya percaya ini adalah bersangkutan-paut dengan pendidikan seseorang pelanggan. Jangan kita dengan sewenang-wenangnya hendak membeli insurans tanpa..

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat, minta izin mencelah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Mengetahui apakah syarat-syarat yang...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak patah balik sedikit berkenaan *fixed deposit box* itu. Yang Berhormat kata cuma RM10,000 yang akan dipulangkan balik oleh sebab tidak ada pengetahuan berkenaan apa yang kita simpan dalam *fixed deposit*. Bagaimanakah pendapat Yang Berhormat, kita ada simpan satu kunci, pihak bank simpan satu kunci? *So*, sekarang ini di atas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Eg Fook Heng tadi berkenaan dengan banyak penipuan yang berlaku.

Oleh sebab sekarang ini pelbagai IT ini, yang ramai kata canggih-canggih ini, dengan satu kunci yang disimpan oleh pihak bank itu, berkemungkinan tidakkah benda ini akan dibuka oleh pihak bank dan pihak bank akan tahu apa yang ada dalam *fixed deposit box* kita itu, yang akan mengakibatkan kecurian.

Oleh sebab kalau tidak salah saya dahulu ada sama ada di Malaysia ataupun di luar negara ditebuk dan diambil semua simpanan dalam *fixed deposit box* ini. *So*, oleh sebab insurans tidak *cover* sepenuhnya, tidakkah ia menjadi satu masalah kepada pendeposit dalam *fixed deposit box* ini? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya selama ini *safe deposit box* yang disimpan, diberikan kemudahan oleh bank-bank itu amatlah selamat. Ada juga orang yang masuk, yang duduk berjiran bersama dengan bank, pecahkan dinding masuk dan curi pun ada. Akan tetapi, daripada segi kecurian oleh *staffs* bank memang saya percaya belum terjadilah. Semua pegawai bank atau institusi perbankan itu, mereka ini sebelum menjadi *employee*, diambil kerja, mereka ini harus juga mengikut undang-undang. Mereka ini tidak boleh membocorkan rahsia kepada pihak ketiga, melainkan pelanggan sendiri.

Memanglah semua *staffs* ataupun kakitangan bank yang mengendalikan wang ringgit simpanan pelanggan, memang mereka mengetahui sesetengah pelanggan mempunyai berapa jumlah wang simpanan dalam bank. Ini tidak dapat dielakkan sebab merekalah yang bertanggungjawab. Mereka ini memang mempunyai tanggungjawab untuk tidak membocorkan rahsia ini, hanya kepada pelanggan itu sendiri.

Pihak PLDM, apabila mereka ini hendak tahu jumlah deposit yang disimpan di setiap institusi kewangan atau perbankan ini pun, tidak mendapat nama-nama terperinci siapa pendepositnya dari bank. PLDM cuma tanya berapa jumlah sahaja yang ada simpan di institusi kewangan supaya PLDM dapat mengira berapa fi, berapa ia punya premium yang akan dibayar oleh institusi perbankan berkenaan.

Mereka ini tidak boleh bertanya Yang Berhormat Senator Tuan Eg mempunyai berapa, di bank mana, tidak. Ia cuma hanya satu jumlah sahaja. Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator bertanya tentang soalan-soalan walaupun tidak bersangkutan-paut dengan rang undang-undang ini. Saya berharap mereka ini dapat menyalurkan soalan ini kepada kita pada masa yang akan datanglah, di mana masa kita bincangkan mungkin pada peringkat dasar ucapan bajet atau belanjawan. Dalam ucapan kita boleh bertanya. Itu tidak ada masalah.

Cuma hari ini kita bincangkan dengan pihak PLDM, maka kita terpaksa menumpukan segala perhatian mengenai hal-hal di bawah kawalan PLDM. Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya saya telah pun menjawab segala pertanyaan dan jika tidak, pegawai saya ada bersama dengan kita. Mereka ini akan membuat catatan dan akan membawa balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah bangun.

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah dalam pemindaan ini premium insurans ditanggung oleh siapa? Adakah kerajaan menanggung apa-apa kos dalam implementasi ini? Pihak siapa yang memantau implementasi polisi? Adakah polisi ini relevan dan apa perubahan dalam perjalanan implementasi ini? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya katakan dalam huraian, semasa saya bantangan rang undang-undang ini, kemudahan ini memang mengenakan *charge* atau fi. Fi ini dibayar oleh institusi perbankan berkenaan sebab untuk mendapatkan perlindungan, maka mereka ini perlulah membayar sedikit fi. Akan tetapi, fi ini tidak begitu banyak sangat dan tidak begitu kecil. Maksudnya, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berhak untuk membuat satu ketetapan mengenai fi yang di caj oleh PIDM

#### ■1450

Kedua, semua perlindungan ini merupakan satu *contingent liability* dengan izin, atas Kerajaan Pusat. Jika ada banyak yang mempunyai masalah tidak dapat bayar balik kepada pelanggan-pelanggan ataupun pendeposit-pendeposit, Kerajaan Pusat akan masuk untuk menunaikan tanggungjawab ini untuk membayar balik segala deposit-deposit yang telah pun disimpan oleh institusi berkenaan, yang mempunyai masalah. Ini adalah jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara itu, jabatan mana yang memantau implementasi?

**Dato' Chor Chee Heung:** Kementerian Kewangan juga dengan kerjasama BNM iaitu Bank Negara Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat ini adalah beberapa perkara yang saya sudah menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (PINDAAN) 2009**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 2009, dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila huraikan.

**Dato' Haji Hasan bin Malek:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, *Rubber Industry Small Holder Development Authority* atau RISDA, dengan izin, selepas ini akan disebut sebagai Akta 85, telah digubal pada 31 Disember 1972 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1973. Sejak penguatkuasaannya, RISDA telah ditubuhkan dan turut menerima pakai Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah Tanam Semula 1952, selepas ini akan disebut sebagai Ordinan KWPGPS 1952 dan dibaca bersama Akta 85. Akta ini diletakkan di bawah tanggungjawab Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Malaysia telah melaksanakan usaha-usaha untuk memajukan pekebun kecil perusahaan getah dalam pelbagai aspek bagi meningkatkan pendapatan mereka sejak penguatkuasaannya pada tahun 1973. Bagaimanapun, senario dasar utama negara, perundangan, struktur ekonomi serta sosial pekebun kecil dan negara yang berubah menuntut Akta 85 dipinda supaya ia selaras dengan dasar kerajaan serta perundangan semasa. Di samping itu, ia juga membolehkan RISDA memainkan peranan yang lebih menyeluruh bagi memenuhi keperluan pekebun kecil RISDA dan negara di masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk:

- (i) menyelaraskan undang-undang sedia ada supaya bersesuaian dengan perubahan senario pembangunan semasa;
- (ii) memperjelas undang-undang sedia ada dalam aspek pelaksanaan fungsi dan skop aktiviti RISDA, memandangkan Akta 85 mempunyai skop yang terbatas, iaitu berkisar kepada keperluan tahun 1970-an sahaja;
- (iii) keperluan memansuhkan dan mengemaskan beberapa peruntukan dalam Akta 85 yang usang, seperti peruntukan pelaburan di bawah *Trustee Act*, pewartaan skim tanam semula dan tanam baru dan peruntukan tatatertib;
- (iv) memansuhkan Ordinan KWPGPS 1952 yang sudah lapuk dan memasukkan beberapa peruntukan yang masih relevan di dalamnya ke dalam cadangan pindaan Akta RISDA; dan
- (v) menyelaraskan Akta 85 dengan beberapa undang-undang, dasar dan peraturan urusan tadbir semasa kerajaan, berkaitan dengan Badan-badan Berkanun Persekutuan atau BBBP, dan Surat Pekeliling Am Bil. 3, Tahun 1998, SPA3 98, bagi meningkatkan tadbir urusan dan kecekapan sistem penyampaian.

Secara keseluruhannya, cadangan pindaan ini melibatkan pindaan terhadap enam seksyen, termasuk Jadual 1 dan Jadual 2. Kemasukan 57 seksyen baru dan pemansuhan 16 seksyen. Kesemuanya 80.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta 85, RISDA adalah bertanggungjawab ke atas fungsi-fungsi berikut:

- (i) pentadbiran Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) yang ditubuhkan di bawah seksyen 3, Ordinan KWPGPS 1952;
- (ii) pengurusan dan pengendalian rancangan-rancangan yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Bahagian III, Ordinan KWPGPS 1952; dan
- (iii) perancangan dan pelaksanaan segala pembaharuan penyelidikan dalam sektor pekebun kecil.

Cadangan pindaan Akta 85 ini telah dibincangkan dan dipersetujui oleh mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai cara-cara bagi meningkatkan pendapatan Pekebun Kecil Komuniti Industri (JKMPPK) pada 1 Julai 2004. Walau bagaimanapun, cadangan meminda Akta 85 ini tidak dapat dibentangkan pada ketika itu bagi membolehkan pengubahsuaian dan penambah baikkan lebih teliti dan menyeluruh dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan semasa mengenai sektor pekebun kecil dan industri getah serta pembangunan luar bandar mewujudkan cabaran dan peluang kepada RISDA dalam membangunkan sektor pekebun kecil. Getah telah dikenal pasti sebagai tanaman strategik sejak dahulu lagi. Selain hasil *latex*, masa depan industri berasaskan kayu getah telah menjadikan tanaman ini sebagai salah satu pendapatan eksport negara.

Maka RISDA perlu merangka strategi yang lebih menyeluruh untuk merealisasikan matlamat tersebut tanpa menjejaskan kesejahteraan pekebun kecil getah dan memastikan bahawa sektor pekebun kecil menjadi penyumbang utama kepada industri getah. Bancian pekebun kecil RISDA pada tahun 2002 mendapati bahawa struktur pekebun kecil adalah lemah di mana purata saiz tanah ialah 2.3 hektar dan 95.4% kebun mempunyai keluasan kurang daripada empat hektar. Hanya 518,215 hektar iaitu 43.3% kebun diurus secara berkumpulan manakala sejumlah 56.8% pekebun kecil berumur lebih daripada 56 tahun. Selain itu, hasil kajian turut mendapati bahawa majoriti pekebun kecil adalah miskin dan bergantung pendapatan daripada getah dengan purata pendapatan kurang daripada RM7,680 setahun atau RM640 sebulan. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekebun kecil, aktiviti-aktiviti ekonomi tambahan perlu dilaksanakan oleh RISDA bagi mewujudkan masyarakat pekebun kecil yang progresif dan sejahtera melalui aktiviti perladangan dan komersial menjelang tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tiada peruntukan bagi RISDA membangunkan tanah kosong dan terbiar khususnya di kawasan berhampiran tanah pekebun kecil sedangkan pekebun kecil mengharapkan RISDA membantu mereka membangunkan tanah-tanah tersebut. Oleh itu, perlunya suatu peruntukan bagi RISDA mentadbir dan menguruskan tanah-tanah tersebut agar dapat diusahakan sepenuhnya dan secara ekonomi bidangan.

Selain itu, RISDA juga merupakan satu daripada agensi utama pembangunan luar bandar untuk membangunkan pekebun kecil luar bandar. RISDA yang mempunyai pejabat di seluruh Semenanjung Malaysia berhubung rapat dengan masyarakat luar bandar amnya dan pekebun kecil khususnya. Malah melalui bulan Ogos 2008, RISDA telah mula meluaskan operasinya ke Sarawak dengan penubuhan pejabat di Kuching, Betong, Samarahan, dan Sibu. Bagi negeri Sabah pula, kelulusan Kerajaan Negeri Sabah telah diumumkan pada 11 November 2009 dan RISDA *insya-Allah* dijangka akan beroperasi di Sabah melalui tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, tugas dan tanggungjawab RISDA dalam membangunkan pekebun kecil di bawah Akta 85 yang sedia ada adalah terlalu umum yang seterusnya membawa kepada pelbagai tafsiran.



Oleh yang demikian, wujud keperluan untuk mengadakan undang-undang yang lebih jelas bagi memastikan RISDA dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya secara menyeluruh dalam pembangunan pekebun kecil.

Seksyen 2, Akta 85 mempunyai tafsiran yang terbatas ke atas definisi pemilik dan estet yang tidak mencakupi kumpulan-kumpulan sasaran pada masa kini. Oleh yang demikian, cadangan pindaan ini dilakukan bagi meminda takrifan berkenaan bagi membolehkan ia meliputi kumpulan sasaran yang lebih luas seperti masyarakat Orang Asli. Peruntukan fungsi di bawah seksyen 3, Akta 85 pula dipinda dengan menggantikan sub seksyen 2, 3, dan 4 dengan sub seksyen baru iaitu:

- (i) untuk membangunkan dan menggalakkan industri getah sektor pekebun kecil;
- (ii) untuk mengawal selia industri getah sektor perkebunan kecil kecuali penyelidikan atas getah; dan
- (iii) untuk membangunkan matlamat, dasar, dan keutamaan negara bagi pembangunan dan pentadbiran sektor pekebun kecil yang teratur.

Di antara peruntukan-peruntukan lain yang dipinda di dalam Akta 85 adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 4 digantikan dengan seksyen baru mengenai keanggotaan pihak berkuasa;
- (ii) Seksyen 9 digantikan dengan seksyen baru mengenai kuasa kepada Menteri untuk memberikan arahan am kepada pihak berkuasa;
- (iii) Seksyen 11 digantikan dengan seksyen baru mengenai pelantikan Ketua Pengarah; dan
- (iv) Seksyen 11(a) digantikan dengan seksyen baru mengenai kuasa dan kewajipan Ketua Pengarah.

Jadual-jadual telah dipinda dengan memasukkan jadual-jadual baru seperti berikut:

- (i) jadual pertama berkenaan dengan peraturan-peraturan mesyuarat pihak berkuasa; dan
- (ii) jadual kedua berkenaan dengan peraturan-peraturan berhubung penubuhan perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam Akta 85 pula ia adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 3(a) dan seksyen 3(b) berkenaan 16 fungsi dan 15 kuasa pihak berkuasa;
- (ii) Seksyen 4(a) hingga seksyen 4(g) berhubung keanggotaan pihak berkuasa; dan
- (iii) Seksyen 11A(a) hingga seksyen 11A(d) berkenaan urusan perkhidmatan pegawai dan kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga bahagian-bahagian baru dimasukkan ke dalam cadangan pindaan Akta 85 ini seperti berikut:

- (i) Bahagian IV mengenai peruntukan-peruntukan kewangan seperti penubuhan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah;
- (ii) perbelanjaan dan pemeliharaannya;
- (iii) pengenaan dan pengutipan saiz atas getah yang dikeluarkan atau dieksport dari Malaysia;

- (iv) pelaporan kepada Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam yang lain sepertimana yang diarahkan Menteri; dan
- (v) pemakaian Akta Badan Berkanun, akaun, dan Laporan Tahunan 1980 kepada RISDA dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta 85.

#### ■1510

Kedua, Bahagian V, mengenai kuasa dan fungsi lain pihak berkuasa, seperti membuat dan memberi pinjaman, urusan pelaburan, penubuhan perbadanan dan kuasa kepada pihak berkuasa untuk mengambil khidmat dan membayar agen dan penasihat teknikal termasuk peguam bela, peguam cara, jurubank dan broker saham.

Ketiga, Bahagian VI, berhubung penyediaan skim untuk pekebun kecil atau estet seperti:

- (i) pengisytiharan mana-mana orang sebagai pekebun kecil atau pemilik estet tertakluk kepada syarat pihak berkuasa dengan kelulusan Menteri;
- (ii) penetapan skim untuk faedah pekebun kecil atau estet;
- (iii) arahan pemberhentian bantuan; dan
- (iv) arahan untuk mendapatkan balik bayaran atau amaun bantuan yang telah diberi kepada peserta sesuatu skim oleh Menteri.

Keempat, Bahagian VII, berkenaan penguatkuasaan bagi membolehkan penguatkuasaan dan siasatan ke atas getah, buku, dokumen dan segala harta yang disita dilaksanakan.

Kelima, Bahagian VIII, yang mengandungi peruntukan-peruntukan am RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan dalam Akta 85 yang tidak lagi relevan adalah dimansuhkan seperti berikut:

- (i) seksyen 5, 6, 7 dan 8, berkaitan prosiding mesyuarat pihak berkuasa, perluasan dan pindaan Ordinan KWPGPS serta peletakan hak harta dan pemindahan hak dan tanggungan-tanggungan pihak berkuasa;
- (ii) seksyen 10, berkaitan kuasa meminjam pihak berkuasa;
- (iii) seksyen 11B hingga 11K, kerana semua perkara dalam seksyen tersebut telah diperuntukkan dalam Akta Badan-badan Berkanun, Tatatertib dan Surcaj 2000; dan
- (iv) seksyen 12, berkaitan pengecualian terhadap peruntukan dalam Ordinan KWPGPS 1952.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ditekankan bahawa keperluan pindaan ini adalah kesan daripada perubahan senario dasar utama negara, perundangan, struktur ekonomi serta sosial pekebun kecil dan negara. Pindaan dan peruntukan baru yang dicadangkan ini adalah menjurus ke arah tadbir urus yang lebih efisien dalam melancarkan urusan pembangunan pekebun kecil perusahaan getah yang dilaksanakan oleh RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membuat satu pindaan terhadap peruntukan dalam Rang Undang-undang Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) (Pindaan) 2009 di Dewan Rakyat pada 20 Oktober 2009. Pindaan tersebut adalah dalam fasal 3, bagi tafsiran pekebun kecil. Bertujuan untuk membetulkan kesalahan tipografi kerana didapati terdapat ketidakselarasan di antara teks versi bahasa kebangsaan dengan teks bahasa Inggeris pada fasal berkenaan. Pindaan tersebut juga adalah supaya perkataan "tidak" pada tafsiran pekebun kecil berkenaan dipotong.

Takrif yang betul adalah sebagaimana diperuntukkan dalam teks bahasa Inggeris iaitu, "*Seseorang yang mempunyai tanah yang luasannya kurang daripada 40 hektar*". Teks Bahasa Kebangsaan memperuntukkan luasannya tidak kurang daripada 40 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mencadangkan Rang Undang-undang Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) (Pindaan) 2009 dibahaskan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Sebelum daripada itu mungkin saya hendak memperingatkan sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang dalam mengendalikan Mesyuarat Dewan ini ada kalanya kita dapati bahawa masa yang diperuntukkan untuk membahaskan rang undang-undang adalah terlampau pendek dan didapati ramai yang hendak berbahas. Maka kita dapati masa itu tidak cukup dan kita perlu mengehendkan masa bagi setiap Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap. Ada juga kadangkala masa yang diperuntukkan itu panjang dan ada rang undang-undang yang telah pun dikemukakan oleh Dewan Rakyat untuk dibahaskan di Dewan Negara, tetapi yang akan mengambil bahagian dalam erbahasan itu tidak ramai ataupun tidak ada banyak perkara yang hendak dibahaskan.

Maka kita juga menghadapi kesulitan bagaimana hendak mengaturkan masa itu supaya kita dapat menghabiskan perbahasan rang undang-undang itu dalam masa yang telah pun ditetapkan. Oleh itu saya minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi Mesyuarat Dewan Negara yang bermula pada hari ini. Saya telah pun dimaklumkan bahawa pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2010 yang sepatutnya dibentangkan pada hari Isnin 14 Disember, telah pun ditunda sehari kemudian kepada 15 Disember.

Ini bermakna kita mempunyai satu hari lagi tambahan untuk kita berbahas empat rang undang-undang termasuk rang undang-undang yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebentar tadi. berkaitan dengan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah. Selepas ini kita ada Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008, Rang Undang-Undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2009 dan Rang Undang-Undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2009.

Jadi, kalau dari segi kita mengaturkan masa untuk dibahaskan rang undang-undang ini, kalau tidak mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin rang undang-undang ini dapat kita bahas dan luluskan sekali gus dalam masa yang singkat sahaja. Inilah dilema yang mungkin kita hadapi dalam keadaan-keadaan tertentu, dalam kita mengaturkan masa untuk membahaskan rang undang-undang ataupun kita membahaskan rang undang-undang yang berkaitan dengan perbekalan kemudian nanti. Jadi, saya minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

#### ■1520

Rang Undang-undang yang kita dapati yang saya bacakan tadi juga mempunyai kepentingan-kepentingan dan banyak yang digubal, dipinda untuk kepentingan rakyat, negara dan juga pihak-pihak yang berkenaan. Jadi saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi kerjasama untuk kita mengambil bahagian dengan secara aktifnya dalam rang undang-undang yang telah pun saya bacakan tadi supaya kita dapat melaksanakan tugas kita dengan baik, dengan lacin dalam masa yang telah pun ditetapkan kepada kita. Itu sahaja yang saya hendak memperingatkan dan saya minta ada sesiapa yang bercadang untuk membahaskan rang undang-undang tadi?

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat. Selepas itu Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff dan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah selepasnya. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**3.21 ptg.**

**Puan Hajah Fatimah Hamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk membahaskan Rang Undang-Undang Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 2009.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah ini yang membuktikan keprihatinan kerajaan kepada masalah luar bandar khususnya pekebun-pekebun kecil getah yang rata-rata berpendapatan rendah malah kebanyakannya berada di bawah garisan kemiskinan.

Akta ini memberikan harapan kepada pekebun kecil getah supaya aktiviti RISDA akan lebih menyeluruh dalam meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah malahan masalahnya harga getah terdedah kepada pasaran dan ekonomi global. Apakah langkah kerajaan dalam menstabilkan harga getah supaya harga getah lebih mantap dalam menghadapi situasi dan keadaan ekonomi yang tidak menentu?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mencadangkan untuk menggabungkan FELDA, RISDA dan FELCRA sebagai satu usaha strategik bagi meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Ramai pekebun kecil yang mengalu-alukan cadangan ini dan menunggu kemajuannya. Saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri agar memberi penjelasan tentang cadangan ini dan apakah kemajuannya?

Dalam membangunkan pekebun kecil getah ini, selain daripada RISDA, satu lagi agensi yang terlibat ialah Lembaga Getah Malaysia ataupun LGM yang menjalankan kajian dan penyelidikan tentang tanaman getah dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan agar peranan LGM ini dapat diperkukuhkan bagi menghasilkan klon terbaik getah yang dapat menghadapi penyakit pokok getah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini juga diharapkan akan dapat membangunkan dan menggalakkan industri getah supaya dapat meningkatkan permintaan terhadap getah. Dalam hubungan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian apakah langkah yang diambil dalam bidang R&D dalam membangunkan produk-produk yang berasaskan getah?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pindaan ini akan dapat mempertingkatkan kecekapan RISDA dalam membangun dan membantu pekebun-pekebun kecil dan akhirnya akan dapat membasmi kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff.

**3.25 ptg.**

**Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pekebun Kecil dan Perusahaan Getah. Pada keseluruhannya, saya melihat bahawa pindaan ini banyak menyentuh tentang skop kerja dan fungsi pihak berkuasa yang membolehkannya mempunyai lebih kuasa dan peranan dari merancang bagi kebaikan sektor ini dari segi membuat kontrak, memungut dan menerima apa-apa wang sehinggalah mengendalikan Kumpulan Wang yang akan ditubuhkan. Selain daripada itu, kita melihat bahawa pindaan ini ialah bagi memansuhkan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Getah (Penanaman Semula) 1952.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk kepada beberapa seksyen yang dicadangkan dalam pindaan yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Pertama sekali kita melihat seksyen baru yang diwujudkan iaitu 3A dan 3B dan saya ingin merujuk kepada subseksyen 3A(l) yang menyatakan, "...3A. Fungsi Pihak Berkuasa adalah, (l) untuk *berhubung dan membuat penjelasan dengan Kerajaan Negeri yang berkaitan dan badan-badan lain termasuk menjadi anggota persatuan di dalam dan di luar Malaysia demi kepentingan sektor pekebun kecil perusahaan getah;*"

Jadi saya rasa mungkin pindaan ini merujuk kepada kerajaan negeri tertentu dan kita mohon sekiranya dapat penjelasan. Bagi subseksyen 3B(1)(b) menyatakan bahawa, "...  
3B. (1) *Pihak Berkuasa boleh, bagi melaksanakan fungsinya,*

(b) *memperoleh membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap jenis harta alih atau harta tak alih."*

Jadi kita mohon penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan 'harta alih' dan 'tak alih'? Dalam bahagian baru iaitu Bahagian IV, kalau saya boleh sebut pindaan ini memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang RISDA yang antara lain terdiri daripada peruntukan Kerajaan Pusat dan mana-mana kerajaan negeri dan wang yang diperoleh daripada pengendalian apa-apa projek skim atau perusahaan yang diberi oleh Kumpulan Wang ini. Kita ingin juga mencadangkan di sini supaya Kumpulan Wang ini antara lain boleh dibelanjakan untuk memberi pinjaman atau menyediakan pemberian kepada pekebun kecil bagi maksud memajukan kebun mereka.

Dalam Bahagian V yang baru, di sini juga masih dinyatakan berkenaan kuasa dan fungsi Pihak Berkuasa. Dalam seksyen 20 dinyatakan bahawa, "*Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan meminjam pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa untuk memenuhi mana-mana obligasinya atau untuk menunaikan mana-mana kewajipannya."*

Jadi pindaan ini juga kita lihat agak longgar dari segi terma meminjamnya dan apakah tiada had bagi meminjam kerana akhirnya RISDA lah yang bakal menanggung hutang yang besar jika tidak dikawal dan dihadkan?

Bagi subseksyen 23 pula, dinyatakan bahawa "*Pihak Berkuasa boleh dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan memberi pinjaman pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang sudah diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan."* Saya rasa dalam seksyen ini juga sekali lagi kita melihat bahawa pindaan ini agak longgar dan satu penjelasan hendaklah diberi agar kementerian tidak sewenang-wenangnya memberi pinjaman kepada sesiapa serta menanggung hutang. Jadi kita berpendapat elemen kebertanggungjawaban dan keputusan tidak dimasukkan kira dan diutamakan. Bagi Bahagian baru, Bahagian VI pula, subseksyen 34, menyatakan bahawa "*Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan siasatan di bawah Akta ini."*

#### ■1530

Saya berpendapat dengan memberi segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan ianya boleh membuka kepada penyalahgunaan kuasa, rasuah dan penindasan.

Jadi kita perlu tahu siapakah pula yang akan memantau pegawai yang dilantik ini bagi memastikan segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan yang telah dan akan dilakukan adalah tidak disalahgunakan. Bagaimanapun jika terdapat unsur-unsur salah guna kuasa dalam hal ini, apakah tindakan yang akan dikenakan ke atasnya mengikut akta ini? Mengapakah denda kesalahan bagi maksud ini tidak dinyatakan dalam akta ini?

Bagi bahagian tujuh pula iaitu sub seksyen 48(1) menyatakan tiada seorang pun yang mempunyai *access* kepada apa-apa rekod, buku, daftar surat maklumat dokumen atau bahan-bahan lain yang diperoleh di bawah akta ini. Boleh menzahirkan rekod buku daftar surat maklumat dokumen atau bahan lain itu kepada mana-mana orang lain. Di bawah seksyen 48(2) pula disebut, denda bagi melanggar subseksyen 1 ialah denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara selama tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Jadi denda bagi kesalahan ini dilihat kurang lengkap. Satu lagi *clause* untuk membenarkan segala laporan dan dokumen diumumkan kepada orang haruslah ditambah agar menjamin ketelusan dalam operasi agensi tersebut.

Di bawah subseksyen 55(1) pula dinyatakan, Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dikenakan. Mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa getah atau kelas getah atau apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan sektor pekebun kecil daripada semua atau mana-mana peruntukan akta ini.

Jadi kita melihat mengapakah Menteri perlu mempunyai kuasa yang begitu besar untuk membolehkan seseorang terlepas daripada mana-mana peruntukan akta ini. Apakah apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan sudah cukup kukuh untuk membolehkan klausa ini diluluskan? Dalam perkara pindaan Jadual 1, subseksyen 3(4), Perkara 5 iaitu tentang penzahiran kepentingan menyatakan seseorang pihak berkuasa yang mempunyai beberapa kepentingan dalam mana-mana syarikat ataupun perusahaan yang pihak berkuasa bercadang membuat apa-apa kontrak atau mempunyai kepentingan dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh pihak berkuasa hendaklah menzahirkan hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu kepada pihak berkuasa dan diminitkan. Kita mohon penjelasan bagi tujuan kepentingan ini perlu didedahkan dan pihak berkuasa yang dinyatakan perlu dizahirkan itu merujuk kepada siapa.

Dalam isu sampingan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan permasalahan dalam sektor getah. Antara halangan yang dihadapi oleh kerajaan pada pelaksanaan program-program meningkatkan hasil getah termasuklah kesukaran mengenal pasti dan menghubungi tuan kebun dalam usaha penyatuan pengurusan tanah. Ini adalah kerana sering kali sesuatu bidang tanah dimiliki oleh lebih daripada seorang pemilik. Persetujuan harus diperoleh daripada sebahagian besar pekebun-pekebun setempat. Selain itu, masalah hari menoreh masih tidak mencapai tahap maksimum disebabkan oleh keengganan pekebun kecil menoreh lebih kerap kerana faktor usia yang lanjut serta mempunyai sumber pendapatan yang lain.

Kurangnya penjagaan pokok getah dan tidak menggunakan teknologi yang mampu melipatgandakan hasil kerana sebahagian besar daripada pekebun kecil masih dan terus bergantung kepada pihak kerajaan untuk memberi bantuan mendapatkan peralatan bagi meningkatkan hasil. Sebagai contoh pengurusan teknologi *low intensity tapping system*, dengan izin, berhenti sebaik sahaja kerajaan memansuhkan skim bantuan. Masalah kawalan harga getah kerana harga bukan sahaja dipengaruhi oleh keadaan cuaca dan bekalan seperti mana yang boleh dilakukan melalui kerjasama tiga hala antara Malaysia, Thailand dan Indonesia tetapi juga oleh permintaan daripada China dengan harga produk saingan khususnya getah tiruan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Institut Penyelidikan Getah Malaysia. Institut ini merupakan pusat penyelidikan bagi meningkatkan mutu getah Malaysia dan penubuhannya merupakan salah satu langkah kerajaan untuk meningkatkan hasil getah. Langkah lain yang turut diambil adalah dengan memperluaskan saiz operasi kebun pada keluasan yang lebih ekonomik melalui penyatuan pengurusan kebun-kebun kecil dan diuruskan secara estet. Namun, apakah perkembangan penyelidikan terkini yang dijalankan oleh RRI bagi memastikan permasalahan yang dihadapi dapat diatasi, dapat melahirkan penemuan-penemuan baru bagi menjayakan sektor getah ini. Apakah kadar pengkomersilan produk R&D dinilai dan diberikan KPI?

RRI pada pendapat saya seharusnya menjadi tunggak kepada kemajuan sektor getah di negara ini. Ini kerana segala keunikan dan kekayaan sumber seperti getah di negara kita membolehkan kita menerajui industri dalam sektor ini dengan lebih ke hadapan dan menjuarainya. Akan tetapi, tiada sebarang kemajuan dicatatkan sejak kebelakangan ini. Saya berpendapat kerajaan harus prihatin dan meninjau dengan lebih dekat usaha-usaha bagi mengembalikan kegemilangan industri ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

**3.37 ptg.**

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** *Bismillaahir rahmaanir rahim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang Pekebun Kecil pada hari ini.

Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 2009 ini. Pindaan akta ini adalah tepat pada waktunya kerana akta asal iaitu Ordinan Lembaga Perusahaan Getah Penanaman Semula 1952 kemudiannya Akta RISDA yang diluluskan tahun 1972. Manakala pindaan ini adalah setelah lebih 37 tahun, maka wajarlah akta ini dipinda untuk menyesuaikan kepentingan semasa pekebun kecil dan industri getah.

Saya ingin menyentuh dua pindaan penting iaitu pertama, seksyen 2 berhubung dengan definisi pekebun kecil yang tidak hanya bermaksud pemilikan tanah seperti definisi asal, tetapi juga mencakupi kumpulan sasar yang lebih luas. Kedua, pindaan seksyen 3 yang perluaskan matlamat RISDA yang tidak terhad kepada pembangunan pekebun kecil tetapi juga meliputi industri getah yang lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini saya percaya akan memberi impak kepada industri kecil, industri getah amnya dan pekebun kecil yang mempunyai pemilikan saiz tanah yang kecil iaitu purata 2.3 hektar yang diuruskan secara persendirian. Pekebun kecil ini juga kebanyakannya berpendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu sebanyak RM650 serta kebanyakannya berumur lebih 55 tahun. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah langkah tambahan yang akan diambil oleh kementerian bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil ini khususnya menjadikan aktiviti pekebun kecil ini lebih komersial?

Selain membangun dan menyusun semula pekebun kecil supaya dapat meningkatkan pendapatan, terdapat juga tanah terbiar yang diharapkan dapat dimanfaatkan khususnya melalui RISDA. Saya ingin mencadangkan agar RISDA memainkan peranan yang lebih aktif dalam membangunkan tanah-tanah terbiar khususnya yang berhampiran kawasan kelompok dan estet RISDA supaya pekebun kecil akan mendapat manfaat sewajarnya.

#### ■1540

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai tanaman semula getah oleh pekebun kecil. Saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri apakah bantuan yang diberi kepada pekebun-pekebun kecil yang dalam proses tanaman semula getah supaya pendapatan pekebun kecil ini tidak terjejas, supaya pekebun kecil tidak berada dalam keadaan dan kehidupan di bawah garis kemiskinan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

#### 3.41 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, ikut sama berbahas dalam rang undang-undang yang dikemukakan ini sukalah saya menyebut beberapa perkara secara umum.

Pertama, kepada saya ada sedikit kesamaran berhubung dengan pengertian pekebun kecil dan estet muka surat dua di bawah seksyen 2. Estet ertinya mana-mana tanah yang jumlah keluasannya tidak kurang daripada 40 hektar yang dimasukkan ke dalam satu skim yang diletakkan di bawah bahagian enam dan yang berhubung dengannya pemunya tanah itu berterusan menyertai skim itu sepanjang tempoh.

Di bawah pekebun kecil, pemunya atau penduduk sah mana-mana tanah yang jumlah keluasannya tidak kurang daripada 40 hektar erti sama-sama. Itu yang menyebabkan bagi saya kekeliruan sebab jumlahnya tidak berbeza. Jadi ertinya kalau jumlah luasnya tidak berbeza, tidak kurang daripada 40 hektar bagi estet dan tidak kurang 40 ekar daripada pekebun kecil, ertinya kedua-duanya adalah sama. Kecuali barangkali mungkin itu saya memerlukan penjelasan adakah ini terbatas hanya kepada mana-mana estet yang dimasukkan atau yang ditetapkan di bawah bahagian enam skim ini. Satu perkara.

Perkara yang kedua, di antara kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri untuk membuat arahan dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, ada disebut beberapa tempat dalam undang-undang ini yang mengatakan bahawa arahan-arahan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tidak boleh dibuat apa yang disebut sebagai rayuan atau pun pemeriksaan semula yang disebut di situ.

Jadi, ini ertinya tidak memberi peluang kepada pihak-pihak yang kedudukannya dalam hal ini terkena arahan-arahan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, ini menunjukkan bahawa kuasa Menteri itu terlalu kuat dan tidak boleh dibuat apa yang disebut *legal review* untuk memberi manfaat kepada pihak-pihak yang tertentu mendapat keadilan daripada perkara-perkara yang dikenakan peraturan-peraturan di situ.

Jadi saya rasa haruslah di sini diberi diperiksa semula kedudukan yang sebenarnya supaya pihak-pihak yang tertentu tidak mendapat apa yang kita sebut barangkali mungkin penganiayaan atau kezaliman daripada arahan-arahan yang diberikan itu. Rata-rata kita sedia maklum bahawa pekebun-pekebun kecil adalah terdiri daripada mereka yang ekonominya tidak begitu kuat dan kita sedia maklum seperti yang disebut oleh dua, tiga orang daripada pembicara sebelum saya tadi bahawa getah adalah produk Malaysia yang sangat sensitif kepada kedudukan ekonomi dunia harganya.

Kita sering kali mendengar sungutan malah jeritan pekebun-pekebun kecil apabila harga getah turun terlalu rendah dan pada masa itu kita rasa perlu ada sesuatu mekanisme yang boleh dijalankan di bawah peraturan-peraturan ini untuk membolehkan kerajaan memberi satu-satu pertolongan tertentu, pertolongan sementara walaupun kita tahu dan kita akui sudah banyak bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada pekebun kecil misalnya bantuan-bantuan yang diperlukan dan diberikan untuk penanaman semula. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab akan memberi penerangan yang jelas apakah bentuk-bentuk bantuan yang selama ini telah dinikmati di bawah skim penanaman semula atau bantuan-bantuan baru yang boleh dinikmati oleh pemohon-pemohon yang hendak menanam semula.

Kalau kita bandingkan Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan yang seumpama ini ertinya bantuan penanaman semula yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil getah dengan yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil jugalah walaupun duduk dalam FELDA untuk menanam semula kelapa sawit tidaklah begitu menggalakkan. Adakah ini maknanya pandangan kita memberikan harapan yang begitu banyak dan menentukan kepentingan ekonomi kita begitu banyak kepada sektor tanaman kelapa sawit daripada sektor tanaman getah.

Kita memang sedia maklum dalam suasana negara kita ini, kita rasa lebih terjamin kalau tanah ditanam dengan kelapa sawit daripada ditanam dengan getah, dikaji dari segi apa sekalipun walaupun kedua-duanya adalah produk Malaysia yang tertakluk kepada pasaran dunia. Jadi kita rasa sekarang galakan-galakan untuk menanam semula getah tidaklah begitu banyak dan begitu sungguh-sungguh diberikan oleh kerajaan berbanding dengan sektor kelapa sawit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati, saya baca surat khabar ada satu klon getah baru yang telah dihasilkan oleh Universiti Sains Malaysia. Akan tetapi, kita rasa sepatutnya pihak-pihak seperti *Rubber Research Institute* atau RRI lah yang lebih dahulu dapat menemui klon-klon yang seumpama ini berdasarkan kepada pengkhususan yang dijalankan oleh institusi seumpama ini. Kita memang tidak mengharapkan banyak sangat Universiti Sains Malaysia misalnya dalam bidang ini sebab kita nampak bukanlah bidang pengkhususan dia. Lebih mungkin barangkali bidang ini dapat kita harapkan daripada universiti-universiti lain yang memberikan perhatian yang lebih banyak kepada pertanian dan sebagainya.

#### ■1550

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perhatian yang saya rasa harus kita berikan atau harapkan daripada begini banyak dan begini kuat kuasa-kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah ini yang hari ini kita timbangkan pindaan-pindaan yang diberikan ini terlalu banyak.



Kita mengharapkan pihak berkuasa ini akan dapat bersama-sama mengembalikan kepentingan getah dalam ekonomi kita walaupun mungkin setengah orang memikirkan bahawa penanaman getah sebagai satu bidang pertanian sudah tidak boleh diharapkan begitu banyak lagi dalam suasana perkembangan ekonomi sekarang. Akan tetapi walau bagaimanapun, berdasarkan kepada keadaan-keadaan tertentu, kita merasakan bahawa pihak berkuasa RISDA perlu memberi perhatian yang cukup kuat setidak-tidaknya untuk memulihara, untuk mempertahankan kedudukan ekonomi pekebun-pekebun kecil yang sedia ada selain daripada menambah bilangan baru pekebun-pekebun kecil ini.

Kita sedar kita sudah mula memasukkan semangat ke dalam minda pekebun-pekebun kita, petani-petani kita bahawa pertanian adalah satu perusahaan sebab kita memikirkan dalam keadaan-keadaan tertentu sekarang, ekonomi yang berasaskan pertanian masih boleh menolong sesebuah negara dalam waktu-waktu tertentu. Jadi berdasarkan kepada pertanian satu perusahaan, maka sangatlah bertepatan sekiranya pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil ini memberikan perhatian yang cukup kuat, cukup besar kepada pekebun-pekebun kecil, kepada perusahaan getah dengan menggunakan kuasa-kuasa baru yang diberikan melalui rang undang-undang ini, yang pertama.

Yang kedua, kita berharap kita dapat memikirkan semula bagaimanakah seharusnya walaupun kita telah fikir begitu lama, telah membuat kajian-kajian yang begitu lama dan setengah-setengahnya barangkali berpendapat sudah tidak ada apa lagi yang boleh difikirkan, yang boleh dikaji tapi kajilah, fikirkanlah bagaimanakah perusahaan getah asli ini di negara Malaysia ini barangkali negara yang paling penting, paling utama dalam perusahaan ini untuk kita lebih maju. Saya sangat-sangat bergembira bila kerajaan menggunakan tanah yang mungkin barangkali tidak pernah kita terfikir sesuai untuk satu-satu pertanian tertentu seperti di Sabah yang telah ditanam dengan getah beratus-ratus ekar luasnya.

Barangkali mungkin tempat itu difikirkan selama ini tidak sesuai dengan tanaman-tanaman termasuklah getah tetapi apa yang kita perhatian sekarang, bila getah ditanam kita dapati alhamdulillah tanah yang seumpama itu sesuai dan kita mengharapkan boleh mengeluarkan hasil yang memuaskan, yang boleh menjaga kepentingan ekonomi pekebun-pekebun kecil itu dan mungkin tempat-tempat yang seumpama itu boleh dicari lagi termasuklah tanah-tanah terbiar apa yang disebutkan oleh salah seorang daripada pembicara kita tadi bahawa ada tempat-tempat yang tertentu barangkali mungkin tanaman-tanaman lain tidak sesuai. Tanaman getah barangkali mungkin boleh dicuba di situ tetapi tidak pernah dicuba orang. Akan tetapi, dengan peruntukan-peruntukan yang ada dan dengan kuasa-kuasa yang ada, dengan kemajuan teknologi yang ada maka boleh kita manfaatkan tanah yang seumpama itu sebaik-baiknya.

Ini saya rasa adalah satu bidang baru yang seharusnya diterokai oleh pihak berkuasa RISDA. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah dua tiga perkara yang saya cuba hendak menambah kepada apa yang telah disuarakan...

**Dato' Hajah Samsiah Samsudin:** Mohon laluan.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ya.

**Dato' Hajah Samsiah Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengajukan soalan. Rasanya kita kurang adil kalau kita membincangkan berkenaan dengan pekebun kecil, perusahaan getah di waktu zaman keadaan harga getah yang meleset sedangkan dalam tempoh dua tahun yang lepas, harga getah yang begitu tinggi iaitu lebih kurang RM3 lebih sekilo iaitu getah cair, bagaimana keadaan kehidupan pekebun-pekebun kecil ini?

Jadi saya rasa dalam keadaan yang begini, bukan masalah getah itu sangat tetapi adalah masalah harga pasaran. Ketika itu kalau dibandingkan, FELDA tujuh ekar tanah yang mereka miliki. Mereka tidak perlu pergi menoreh Tuan Yang di-Pertua. Mereka hanya duduk di rumah. Menoreh diberi kepada orang luar iaitu pendatang, orang Indonesia. Pendapatan mereka secara purata ialah RM8,000 sebulan. RM4,000 untuk penoreh, RM4,000 untuk tuan punya tanah. Ini mereka yang mengatakan kepada saya sendiri dan itu RM4,000 yang diberitahu oleh penoreh. Mungkin penoreh lebih banyak pendapatannya daripada tuan punya tanah. Jadi, apa kata Datuk dalam hal ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kata saya, baguslah, *alhamdulillah*. Bertuahlah orang yang berkenaan tetapi kalau masa harga begini naik seperti Yang Berhormat katakan tadi, kita membincangkan apa cadangan saya tadi untuk memperbaiki, untuk menambah hasil, orang tidak hendak dengar. Orang kata cukuplah apa yang ada sekarang, *alhamdulillah* harganya bagus. Duduk sahaja di rumah pun goyang kaki dapat hasil daripada yang diusahakan oleh orang lain berkat kita menjadi tuan punya atau tuan milik tanah itu sahaja. Jadi tidak begitu banyak motivasinya untuk membaiki kedudukan. Jadi, saya rasa masa harga getah turun inilah kita seharusnya mencari jalan bagaimana menambah hasil barangkali dengan menanam, menggunakan klon yang lebih baik, dengan menambahkan hari penorehan dengan teknik penorehan yang lebih baik supaya hasil pada harga yang rendah ini dapat ditambah.

Jangan harga yang rendah ini menyebabkan kita undur ke belakang, tidak mahu menambahkan hasilnya kerana kita rasa sudahlah, sudah ditentukan begitu. Cuma kita berdoa mudah-mudahan tidak berapa lama lagi akan naiklah pula harga dan kita mendapat kemewahan seperti yang pernah kita nikmati pada satu masa dahulu.

Sedangkan kita tahu harga ini dalam banyak hal, dalam banyak hal saya rasa kalau tidak dalam semua hal pun ditentukan lebih banyak oleh keadaan ekonomi luar, oleh masyarakat di luar negara kita. Jadi, apa yang boleh kita tentukan saya rasa ialah perkara-perkara yang boleh kita buat, yang ada dalam kemampuan kita termasuklah mengharap sesuatu yang baik, yang konkrit daripada pihak berkuasa RISDA ini supaya dia dapat menolong kita dalam suasana ini.

Setidak-tidaknya memberi harapan kepada pekebun-pekebun kecil, jangan berputus asa, jangan menyerah sahaja kepada keadaan-keadaan yang boleh disifatkan sebagai takdir. Akan tetapi, marilah kita berusaha supaya kita dapat kekal kecuailah kalau tuan punya atau pemilik tanah itu telah mengambil keputusan kita bolehlah menukarkan tanah kita barangkali kepada tanaman lain. Itu mungkin satu soal yang lain tetapi kalau kita mahu terus menerus memanfaatkan tanah kita itu, tanah bertuah itu dengan tanaman getah juga, maka kita haruslah memperbaiki tanaman kita, cara penorehan kita dan sebagainya supaya keadaan harga yang tidak menyebelahi kita itu tidak sangat memberi penekanan masa kehidupan kita.

#### ■1600

Jadi, kadang-kadang nasib kita tidak baik. Masa kita muda harga getah bagus. Masa kita tua, masa kita selalu diserang penyakit itu ini, harga getah jatuh. Jadi, keadaan-keadaan ini memerlukan tindakan yang barangkali mestilah diberikan perhatian yang sungguh-sungguh oleh kerajaan, oleh badan-badan lain. Itu maksud saya Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya amat tertarik dengan apa Yang Berhormat kata bahawa pekebun-pekebun kecil kita akan dibekalkan dengan benih klon-klon yang baik. Akan tetapi, kalau tidak silap saya, saya terbaca bahawa klon-klon, *nursery* yang membekalkan benih-benih ini telah diswastakan. Bagaimanakah caranya pada pandangan Yang Berhormat untuk memastikan bahawa klon-klon yang dibekalkan itu adalah klon benih-benih yang baik? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa ini satu perkara yang boleh kita buat. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah boleh berbuat sesuatu dengan kuasa-kuasa yang ada pada dia, bagaimana hendak memastikan beberapa klon yang baik, boleh kita kuasai walaupun klon-klon yang baik itu telah dihasilkan oleh swasta.

Jadi, bila kita sebut telah dihasilkan oleh swasta, ertinya pihak swasta mempunyai kuasa dan kebebasan untuk menjual kepada orang, kepada yang lain ataupun mungkin dengan harga yang tidak berpatutan, mengambil sempena satu penemuan yang sangat menguntungkan.

Walau bagaimanapun, saya rasa kita masih boleh berusaha menggunakan peruntukan-peruntukan yang ada ini untuk memastikan bahawa klon-klon yang baik itu boleh digunakan oleh pekebun-pekebun kecil dan patut sangat kita menggalakkan supaya pekebun-pekebun kecil itu boleh menggunakan klon-klon yang baik. Akan tetapi, ada juga sesetengahnya, oleh kerana pandangan *conservativenya* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua tidak mahu menerima sesuatu yang baru, tidak mudah menerima sesuatu yang baru. Jadi, kalau dia biasa dengan sesuatu jenis tanaman atau satu klon yang tertentu, dia mahu terus-menerus kerana dia percaya bahawa ini boleh memberi, boleh menjamin hasil yang baik bagi dia, untuk mengajak dia ataupun menggalakkan dia untuk menceburi sesesuatu yang baru mungkin satu hal yang sangat payah.

Jadi, memerlukan insentif berbentuk wang atau sebarangnya yang boleh menggalakkan dia menukarkan daripada klon yang selama ini digunakan yang hasilnya tidak begitu lumayan kepada satu klon baru yang telah diuji, yang telah dijamin boleh memberikan hasil yang lumayan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng.

**4.04 ptg.**

**Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tambah sedikit. Minta izin daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak cakap tentang persepsi pekebun kecil ini. Kalau kita dengar pekebun kecil ini persepsinya adalah orang yang miskin. Di mana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kebanyakan pekebun kecil ini adalah pendapatannya kurang daripada RM650 sebulan.

Maknanya mereka di bawah tahap kemiskinan yang ditentukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Maknanya, semua pekebun kecil ini layak menerima bantuan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, iaitu RM300 sebulan. Saya rasa, itu persepsi sahaja. Kalau saya salah, minta maaf. Saya rasa RISDA sudah gagal dalam hal ini. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan lebih daripada 90% pekebun kecil ini, tanahnya kurang daripada empat hektar. Kurang daripada empat hektar, mungkin satu hektar, mungkin dua hektar ataupun satu, dua ekar sahaja.

RISDA ini sudah wujud sejak tahun 1973 untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil. Maknanya, sehingga hari ini sudah 36 tahun. Kita sebut sahaja pekebun kecil ini, semuanya orang miskin, yang tua-tua tinggal di estet, yang mudanya tidak mahu kerja kerana tidak dapat mengenyangkan perut. Mereka terpaksa berhijrah ke bandar seperti Kuala Lumpur, bandar-bandar besar untuk mencari rezeki. Bila mereka gagal di bandar, maka masalah sosial timbul daripada golongan penghijrahan ini.

Sepatutnya, kalau kita dengar perkataan "FELDA" - saya rasa FELDA berjaya, kelapa sawit berjaya tetapi RISDA tidak berapa yang boleh kita banggakan. Kalau 36 tahun yang lalu, pemilik, pekebun ini ada satu hektar, mungkin 36 tahun kemudian, mereka mungkin ada 30 hektar. Maknanya, RISDA sepatutnya berusaha mencari tanah, menambahkan tempat untuk mereka tanam pokok. Ini kerana, susu getah ini datang dari pokok. Tidak ada pokok, mana ada susu. Hendak tambah susu, mesti tambah pokok. *Simple* logiknya, ataupun adakan penyelidikan sebab pemahaman saya, saya dahulu pun daripada estet juga. Estet yang paling miskin di negeri Pahang.

Setahu saya pokok getah ini kena ditoreh awal-awal pagi. Lagi pagi, lagi awal ia lagi banyak susu. Maknanya pukul empatkah, pukul lima. Jadi, orang-orang muda sekarang tidak hendak bekerja macam ini. Susah! Sebab itu, saya dengar ada orang mengupah bekerja untuk menoreh getah. Jadi, adakah RISDA bekerjasama dengan penyelidikan yang lain, R&D nya, bahawa pokok getah ini semestinya ditoreh pada awal pagi, mungkin boleh dilewatkan. 7 pagikah, 10 pagikah, petang kah. Ini adalah satu soalan.

Kemudian mengenai pekebun kecil ini, adakah RISDA menjalankan diversifikasi. *Diversification*, maknanya melaburkan kepada penternakan dan sebagainya seperti lembu, ayam, kambing. Mungkin sekarang burung walit untuk menaikkan taraf pekebun-pekebun kecil ini.

Kalau saya pekebun kecil ini, saya tidak hendak anak saya ikut jejak langkah saya jadi pekebun kecil, generasi muda yang menyambung di estet. Kita tengok di estet, mana-mana estet pun memang miskin. Yang nampak ada motor sahaja. Yang mana setiap rumah yang didiami itu, yang ada kereta di hadapan itu, itu adalah anak muda yang keluar daripada estet itu, kerja di tempat lain dan dapat duit yang lebih. Kalau mereka tinggal di estet, seumur hidup mereka tidak boleh dapat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya mohon mencelah boleh? Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mungkin pengalaman Yang Berhormat bertugas di estet. Saya ingin tahu, apakah yang menyebabkan bahawa warga estet ini nampak dengan jelas mereka ini ialah seorang yang tidak berapa senang, bukan tidak berapa senang, memang segala-galanya dari segi kemudahan hidup mereka, dari segi pendapatan mereka dan sebagainya. Sedangkan kita tahu bila kita dengar orang kata, kalau kita ada tanah ladang atau tanah tanaman sawit ataupun getah, dia ini orang kaya. Ada 20 ekar, 30 ekar sudah kaya, duit cukup tiap-tiap bulan. Akan tetapi, kenapa estet yang mempunyai ladang beratus-ratus, beribu-ribu ekar itu, tetapi pendapatan pekerja-pekerja mereka itu masih lagi jauh ketinggalan daripada mereka yang duduk di bandar? Terima kasih.

#### ■ 1610

**Tuan Ng Fook Heng:** Saya rasa soalan ini patut dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tetapi saya rasa soalan ini senang saja, "eksploitasi". Satu perkataan saja. Eksploitasi *of the workforce*, dengan izin. Mana saya tadi? Sudah hilang.

Saya tahu ada segelintir pekebun kecil yang menjadi kaya raya. Ini adalah mereka di mana tanahnya hampir-hampir dengan bandar di mana perkembangan kemajuan sampai ke tempat mereka dan pengusaha-pengusaha perumahan mengambil, membeli tanah mereka ataupun membina, mengusahakan tanah mereka menjadikan kawasan perumahan dan mereka diberikan peratus-peratus rumah. Itulah pekebun kecil yang berjaya. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

#### 4.11 ptg.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengambil sedikit bahagian dalam pindaan akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perbincangan rakan-rakan sebelum ini, jelas menunjukkan kepada kita semua bahawa golongan pekebun kecil adalah merupakan golongan yang kurang mampu dan berpendapatan tidak menentu lebih-lebih lagi mereka yang bergantung pendapatan daripada hasil torehan getah. Saya ingin mengambil bahagian yang berkaitan dengan isu-isu yang melanda pekebun kecil dan sebelum itu saya amat mengalu-alukan usaha kerajaan untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 ini bagi tujuan menambah baik segala usaha untuk meningkatkan industri getah di negara kita khususnya yang berkaitan dengan pekebun-pekebun kecil.

Seperti mana yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan, isu yang hendak saya timbulkan di sini, pertama ialah harga getah itu sendiri. Siapakah yang menetapkan harga getah pasaran dari semasa ke semasa. Secara umum, memang kita tahu orang akan menjawab ini adalah *market forces* ataupun pasaran. Namun, kita juga difahamkan bahawa ada panel penasihat yang akan membantu untuk mengusahakan dalam penentuan harga getah dari semasa ke semasa. Soalan saya ialah apakah golongan pekebun-pekebun kecil ini diwakili dalam usaha panel penasihat ini untuk diberi peluang menyuarakan ketentuan harga getah?

Kedua ialah dari segi pelaksanaan apabila seseorang pekebun kecil ingin mendapatkan bantuan menanam semula. Sering dibangkitkan *even* dalam Dewan Rakyat pun baru-baru ini dan di tempat saya sendiri pun di Johor, pekebun-pekebun kecil mengalami masalah dengan RISDA kerana RISDA dikatakan tidak cukup peruntukkan. Ini isu lama. Perlu tunggu tahun hadapan, perlu tunggu dua tahun dan sebagainya. Jadi, kalau inilah jawapan yang diberi oleh pegawai-pegawai RISDA di peringkat yang paling asas sekali untuk mendapatkan bantuan tanaman semula dan bantuan itu tidak ada disebabkan oleh kurang peruntukan, maka saya berharap benarlah kementerian akan memeriksa perkara dengan lebih telus lagi.

Perkara yang ketiga ialah berkaitan dengan hasil torehan getah. Kajian yang dibuat oleh ramai pakar-pakar kajian masyarakat kita lebih-lebih lagi yang ada kaitan dengan masyarakat luar bandar, ekonomi desa amat rapat berkaitnya dengan pemilikan tanah. Seorang pekebun lebih-lebih lagi pekebun kecil, kalau mereka tidak memiliki tanah, maka akan berterusanlah kemiskinan yang dilanda oleh keluarga tersebut. RISDA nampaknya dalam hal ini tidak memberi tumpuan kepada menambah sama ada pemilikan tanah secara disewakan kepada pekebun kecil ataupun peneroka tanah-tanah terbiar seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi untuk diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil tadi bagi menambah hasil pendapatan mereka melalui tanaman getah.

Keempat, ini isu lama. Isu orang tengah dalam membeli hasil getah. Masih berleluasa di luar bandar. Bayangkan seorang penoreh getah yang torehannya cuma satu atau dua ekar, dia tidak akan menghantar hasilnya ke kilang. Kilang pun tidak ada. Bukan ada kilang MARDEC di semua tempat. Maka dia akan menjual kepada orang tengah. Seperti sahabat saya katakan tadi, berlaku eksploitasi dari segi harga, dari segi timbangan dan sebagainya. Ini tidak nampak usaha dilakukan oleh pihak RISDA untuk membantu pekebun-pekebun kecil itu tadi. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya sumbangkan dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

#### 4.18 ptg.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya di samping menyokong rang undang-undang ini, saya ingin juga mengemukakan sedikit pandangan khususnya yang merujuk kepada halaman enam dalam rang undang-undang ini iaitu fungsi pihak berkuasa pecahan (e) dan (j). Apa yang hendak saya suarakan ini secara tidak langsung adalah juga merupakan respons atau maklum balas kepada apa yang ditimbulkan oleh sahabat Yang Berhormat Senator Sharifah Azizah dan Senator Tuan Haji Ahamat Yusop tadi. Perkara yang ditimbulkan oleh dua rakan ini ialah pertama, kenapa soal kemiskinan masih lagi merupakan masalah kepada pekebun-pekebun kecil dan juga masalah eksploitasi orang-orang tengah. Secara khusus Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk perkara ini.

Saya ingin menimbulkan isu perubahan *mindset* dalam perkara ini. Ini barangkali yang tidak atau yang kurang mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak RISDA selama ini tanpa menafikan kejayaan-kejayaan RISDA di bidang-bidang lain.

Namun, di bidang perubahan *mindset*, perubahan *mindset* di kalangan kakitangan dan pegawai-pegawai RISDA sendiri dan juga perubahan *mindset* di kalangan pekebun-pekebun kecil yang pada hemat saya kurang diberi perhatian. Saya sendiri, minta maaf, contoh yang agak peribadi sifatnya, pernah terlibat dalam memberikan seminar satu hari kepada pegawai-pegawai RISDA yang memegang ijazah dan diploma mengenai masalah kesedaran berkhidmat dalam bidang masing-masing, berkhidmat kepada *stakeholders* mereka dan juga kesedaran bermasyarakat dan bernegara.

#### ■1620

Saya dapati dalam seminar satu hari itu ternyata pegawai-pegawai RISDA yang berpangkat N41 ke atas kalau tidak salah saya, mempunyai pengetahuan kewarganegaraan dan pengetahuan sivik yang terlalu mendukacitakan. Kalau pun tidak terlalu, yang mendukacitakan kalau pun tidak terlalu. Ertinya ada yang tidak tahu sejarah negeri ini, ada yang tidak tahu masalah-masalah punca kemiskinan dan seumpamanya.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua saya minta supaya cerai 'E' dan 'J' dalam rang undang-undang di halaman enam itu, sama ada mengambil kira bila menterjemahkan cerai 'E' dan 'J' dalam rang undang-undang ini nanti. Ini kerana apabila sudah menjadi akta untuk memastikan perkhidmatan teknikal nasihat perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan kepada sektor pekebun kecil seperti yang dicatatkan pada cerai 'E' itu mengambil kira perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan perubahan *mindset*. Tidak semata-mata perkhidmatan ataupun khidmat nasihat yang bersifat teknikal sahaja tetapi juga perkhidmatan yang ada kena-mengena dengan sikap dan *mindset*.

Tadi disebut tentang eksploitasi orang-orang tengah terhadap pekebun-pekebun kecil ini. Adakah RISDA memberikan latihan yang terancang, latihan yang sistematik dan sungguh-sungguh bagaimana untuk menghadapi eksploitasi dan penindasan daripada orang tengah ini yang saya ingat semenjak saya sekolah rendah kira-kira 50 tahun lalu hal ini sudah pun diperkatakan tetapi sehingga sekarang sudah 50 tahun kita merdeka perkara ini masih lagi kita sebut tentang eksploitasi dan penindasan orang tengah.

Antara cara-cara untuk mengatasi masalah ini saya rasa ialah untuk mempersiapkan pekebun-pekebun kecil itu untuk tidak membenarkan diri mereka dieksploitasi. Perkara ini mungkin kedengaran agak mudah apabila disebut begitu sahaja tetapi saya sedar perkara ini memerlukan perancangan yang lebih sistematik. Begitu juga umpamanya perubahan *mindset* itu harus juga, saya merujuk kepada cerai J untuk merancang dan melaksanakan program latihan dan pendidikan bagi faedah pekebun kecil.

Saya minta supaya apabila merancang dan melaksana program latihan itu sekali lagi jangan tertumpu kepada aspek-aspek teknikal sahaja. Sebaliknya hendaklah juga diberi perhatian aspek-aspek yang ada kaitannya dengan perubahan *mindset*, kaitannya dengan bagaimana cara menghadapi zaman yang bertukar, bagaimana untuk mempersiapkan anak mereka pada satu zaman yang lebih mencabar. Seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi, beliau tidak mahu anak beliau menjadi pekebun kecil.

Jadi, untuk itu kita perlu mempersiapkan pekebun-pekebun kecil ini mempunyai pandangan dan fikiran yang lebih maju untuk menjamin masa depan anak-anak mereka. Saya rasa itu adalah satu *input* atau sumbangan kecil dari saya mengenai perkara ini dan dengan mengemukakan cadangan dan saranan-saranan mengenai perubahan *mindset*, program-program perubahan *mindset* yang patut diambil kira dengan serius oleh RISDA ini saya dengan sukacita menyokong pindaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**4.24 ptg.**

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang iaitu satu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu pindaan ini dibuat sudah ketinggalan zaman ataupun yang mana saya katakan ketinggalan zaman adalah kerana kalau dua tahun harga getah begitu mendadak maka sepatutnya pindaan ini dibuat ataupun akta ini dibentangkan dua tahun dahulu. Akan tetapi, hari ini baru dibentangkan akta ini ataupun adakah akta ini dipinda untuk memberi semangat dan perangsang dan memberi satu garis panduan untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat RISDA ada di tiap-tiap daerah. Ia ada negeri dan ada daerah tetapi kita lihat kenapa pekebun-pekebun kecil masih gagal kalau dibandingkan dengan agensi-agensi lain dan kita lihat juga kuasa yang diberi kepada Menteri begitu meluas sekali. Saya takut Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita luluskan akta ini, pelaksanaannya mengecewakan kita. Ini kerana kita lihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ialah kementerian yang begitu besar dan kalau kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri begitu besar sekali, adakah Menteri juga mempunyai kuasa untuk melihat setiap pindaan ataupun setiap kuasa yang ada padanya. Saya takut Menteri pun tiada masa untuk mengkaji ataupun melihat. Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua apabila akta ini diluluskan dan kalau kuasa kepada Menteri gunalah kuasa sebijak-bijaknya.

Kita lihat juga hari ini kalau kita lihat penoreh getah yang mana telah pun dibahaskan oleh rakan-rakan saya tadi bahawa parasnya pada hari ini pendapatan penoreh-penoreh getah di bawah daripada RM400. Ini sudah menjadi miskin tegar. Kalau kita melihat persatuan nelayan dan agensi yang lain boleh memberi subsidi kepada nelayan, tiap-tiap bulan mendapat bantuan daripada kerajaan bagi menggalakkan penoreh-penoreh getah ini, apakah kerajaan tidak boleh memberi bantuan kepada penoreh-penoreh getah ini supaya mereka juga dapat galakan dan dapat hidup seperti orang lain.

Maka ini adalah sebagai satu cara bagaimana kita hendak menggalakkan penoreh getah dan sudah tentu akan mendapat kejayaan. Jadi saya percaya Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini kalau dapat dilaksanakan *insya-Allah* maka hari ini kita lihat getah adalah salah satu daripada hasil ataupun ekonomi negara kita. Sudah tentu kerajaan tidak akan tinggal untuk membantu ataupun mencari jalan bagaimana untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil ini untuk berdikari atas diri mereka sendiri. Jadi terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**4.28 ptg.**

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana memberikan saya kesempatan untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk kita membahaskan satu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya lihat kepada akta ini saya pun terpanggil untuk bersama-sama bercakap ataupun membahaskan walaupun kawasan saya sebenarnya bukan kawasan yang saya wakili tetapi kawasan yang saya duduk hari ini ialah sepenuhnya kawasan bandar. Akan tetapi atas dasar kemanusiaan saya juga terpanggil untuk bersama-sama rakan-rakan yang lain untuk kita sedikit-sebanyak memberikan pendapat dan memberikan ruang kepada pihak kementerian memikirkan cara yang terbaik bagi menyelesaikan apa jua masalah yang berkaitan dengan rakyat di mana konsep hari ini yang mengatakan bahawa konsep 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Tuan Yang di-Pertua, membahaskan akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 ini sebentar tadi yang telah pun dibawakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, falsafah dan matlamat daripada pindaan ini ialah ke arah untuk memajukan sektor pekebun kecil dan penanam-penanam getah ini supaya mampu untuk lebih berdaya saing dalam menempatkan diri mereka dalam arus pembangunan ekonomi negara kita.

■1630

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga membentangkan dengan panjang lebar dan telah menyatakan bahawa Akta 85 itu perlu dipinda kerana hujahnya, sebab terlalu banyak halangan yang dikenal pasti menjadi penghalang atau menjadi halangan kepada usaha memajukan sektor pekebun kecil yang menanam getah. Sebagaimana yang kita tahu bahawa RISDA telah berjaya menunjukkan satu kumpulan atau kelompok petani yang tanah mereka diurus tadbir oleh pihak RISDA. Mereka mendapat habuan walaupun tidaklah menjadikan mereka golongan yang kaya raya tetapi setidaknya modal *mini estate* itu telah berjaya menyelesaikan sebahagian daripada pengusaha tanah-tanah yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil ini.

Dalam konteks ini adakah nanti dengan benar-benar Akta 85 ini dipinda dan semua halangan itu tidak ada lagi? Maka saya ingin mendapat satu kepastian bahawa adakah kerajaan akan lebih serius dan fokus dalam melihat secara terperinci elemen-elemen terpenting yang mesti diberikan perhatian dan bantuan oleh pihak kerajaan kepada industri pekebun kecil getah ini? Saya juga ingin menyatakan bahawa apa pun rang undang-undang yang kita buat, yang kita bawa di dalam Dewan yang mulia atau pun dasar yang diolah.

Matlamat akhirnya ialah hendak meningkatkan pendapatan kumpulan sasar baik pekebun kecil, petani yang menanam padi atau pun nelayan seumpamanya. Jadi, dalam soal pekebun kecil getah ini saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri sebagai rujukan yang mana kita tahu bahawa hari ini berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Ada pekebun kecil yang mengambil wang pendahuluan dengan tauke-tauke atau pun peraih-peraih atau pun mereka yang boleh juga dipanggil seperti *Ah long*, kerana mereka ini membeli hasil tanaman atau pun torehan getah itu dengan harga yang tidak munasabah. Maknanya ada orang tengah yang mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan dengan pihak yang sangat-sangat memerlukan, kerana pekebun kecil ini diumpamakan seperti orang yang mendapatkan pendapatannya, kais pagi makan pagi.

Seandainya ada permasalahan yang berlaku dalam keluarga mereka misalnya ada yang sakit, ada yang bersalin dan sebagainya, maka pada ketika itu mereka amat memerlukan kewangan. Dengan secara tidak langsung, kewangan yang diperlukan dalam keadaan yang sedemikian maka mereka menggunakan orang tengah untuk membeli hasil mereka, supaya mereka dapat wang pendahuluan untuk digunakan dalam pelbagai kehidupan mereka. Apabila mereka menjual getah mereka, walaupun getah mereka naik mereka tetapi sudah ditetapkan supaya, sudah awal sekian lama harganya ditetapkan oleh orang tengah tadi.

Ini kedudukan masalah pekebun kecil memiliki kebun-kebun getah. Belum lagi kita menceritakan tentang bagaimana kedudukan penoreh-penoreh getah! Penoreh getah ini maknanya mereka yang mengambil upah menoreh pokok getah daripada pekebun-pekebun kecil. Inilah persoalan yang menghantui mereka ini. Mahu tidak mahu saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, kalau boleh RISDA menentukan harga siling getah ini. Ini kerana ada kalanya harga getah naik melambung mengikut permintaan di peringkat global. Namun begitu kita tahu getah ini bukannya barang yang mudah rosak. Apabila getah yang ditoreh dibekukan ia boleh disimpan bertahun-tahun lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui bahawa RISDA telah ditubuhkan sejak 1 Januari 1973. Sejak ditubuhkan setakat ini berapa ramai di kalangan pekebun kecil telah berjaya menjadi usahawan contoh? Berapakah dana diperuntukkan setahun? Bagaimanakah sambutan pekebun kecil tentang dana ini dan apakah bentuk dana yang diberi sama ada wang tunai, benih, baja, khidmat nasihat dan berapa jumlah dana diberikan untuk seekar tanah? Jika harga turun naik, apakah bentuk subsidi diberikan oleh kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta penjelasan kenapakah negeri Sabah dan Sarawak sahaja yang dibenarkan mendapat levi daripada saiz getah? Kenapa tidak di negeri-negeri lain dan apakah perkara ini akan diubah supaya disamaratakan di seluruh negara dari segi standardnya? Saya juga ingin bertanya bahawa RISDA sekarang ini sudah mendapat dengan keizinan atau *green light* untuk masuk ke Sabah dengan persetujuan daripada kerajaan negeri. Jadi, adakah pekebun kecil ini sedia menerima kehadiran RISDA ke Sabah? Ini kerana kita tahu tujuan kerajaan hari ini hendak masukkan RISDA ke Sabah adalah kerana tanah-tanah yang belum dapat dibangunkan itu supaya dapat dibangunkan. Akan tetapi, adakah dengan kemasukan ini benar-benar mendapat manfaat kepada pekebun-pekebun kecil kita? Bilakah RISDA bersedia sebenarnya untuk masuk ke Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta kementerian memberikan keterangan sama ada sebelum RISDA masuk ke Sabah ini, adakah kementerian telah membuat perjumpaan dengan pekebun-pekebun kecil ini atau pun memberikan mereka latihan serta input yang baik? Dengan adanya kemasukan ini, apakah keberhasilannya yang akan mereka nikmati? Ini supaya apabila dengan kedatangan RISDA tidak menjadi trauma kepada mereka. Kadang-kadang mereka merasakan bahawa kerajaan hendak mengambil semua hak mereka, sedangkan sebenarnya kerajaan menjaga kepentingan mereka untuk mereka ini mendapat pendapatan yang lebih baik lagi pada masa yang akan datang.



Saya juga ingin menekankan supaya kementerian memperkenalkan kepada mereka terutamanya tentang teknologi *transfer* atau kursus-kursus yang boleh meningkatkan lagi kefahaman mereka, supaya mereka tidak merasa bahawa mereka tertekan. Adakah kementerian yakin bahawa kemasukan RISDA ke negeri Sabah akan membawa lebih kebaikan dan kemajuan kepada pekebun-pekebun kecil? Adalah diharapkan semua jenis bantuan yang akan dicurahkan kepada mereka ini mestilah sampai kepada sasarannya. Maknanya ia tidak tertinggal di tengah jalan dan sebagainya.

Kita juga mahu dengan keadaan RISDA itu sendiri membawa satu rahmat dan ruang lingkup yang luas kepada pengusaha pekebun kecil getah ini khususnya yang mempunyai lima ekar atau sepuluh ekar, di mana hati mereka hendak membuka kebun getah itu tetapi apabila mereka pergi ke bank sukar untuk mereka mendapatkan bantuan. Saya mengharapkan juga kepada kementerian selain daripada bantuan atau pun dana-dana yang diberikan oleh kementerian.

Kita juga berharap supaya kementerian melihat agar dana-dana yang ada pada pekebun kecil ini, yang telah diberikan kepada pihak swasta hendaklah dilihat sebenarnya, sama ada adakah benar dana ini wujud atau hanya diuar-uarkan oleh kerajaan, tetapi akhirnya pekebun kecil ini merasa dukacita, apabila pergi ke Bank Pertanian tiada apa yang mereka dapat. Pergi sana pun tidak ada apa dapat. Jadi saya mengharapkan supaya apa jua akta yang hendak kita buat paling penting bagi kita ialah supaya ianya betul-betul mencapai matlamat yang hendak disasarkan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah.

**4.39 ptg**

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hendak memberitahu dan ingin tahu juga bahawa orang India ramai mengorbankan hidup mereka untuk membangunkan industri getah di negara ini. Ramai orang juga merosot dan susah payah selepas ladang-ladang dibangunkan sebagai kawasan perumahan. Ramai orang keluar dari ladang pergi ke bandar dan tempat-tempat lain. Soalan saya ialah, apakah sumbangan RISDA kepada golongan ini dan berapakah orang-orang India yang mendapat faedah dan mengambil bahagian daripada program-program RISDA? Terima kasih.

■1640

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

**4.40 ptg.**

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih dan saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan rang undang-undang yang melibatkan pekebun kecil ataupun RISDA sebagai satu agensi di bawah kerajaan yang matlamat dan tujuan penubuhannya adalah untuk membantu rakyat khususnya pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1953 apabila kita melihat di dalam perangkaan, di dalam laman web RISDA sendiri sehingga tahun 1999 terdapat 1,568,786 hektar tanah ataupun ladang ataupun pekebun-pekebun kecil, keluasan tanah untuk pekebun kecil. Daripada keluasan tersebut, seramai 742,412 orang pekebun kecil yang terlibat untuk mengusahakan kebun-kebun getah mereka.

Maklumat di dalam perangkaan ini juga menunjukkan tanam semula kali pertama terdapat daripada 1,568,786 hektar tadi, hanya 1.76 ataupun 1,075,750 hektar tanah dan melibatkan 584,460 orang pekebun kecil yang terlibat dalam tanaman semula kali pertama ia dijalankan sejak tahun 90-an.

Sehinggalah tanaman semula kali kedua di mana tanaman semula kali kedua yang bermula lebih kurang tahun 70-an sehinggalah 1999 hanya terdapat 215,318 hektar yang masih melibatkan 126,442 pekebun kecil. Ini perangkaan yang ada di dalam laman web RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan daripada 1.5 juta hektar tanah pekebun kecil sehinggalah sekarang tinggal 126 ribu hektar yang apabila kerajaan kita telah menubuhkan RISDA yang diberikan fungsi yang khusus untuk mereka membina dan membangunkan pekebun-pekebun kecil. Sekarang kita berada di tahap ini. Suka atau tidak suka, malu ataupun tidak malu, kita terpaksa mengakui bahawa sehingga kini RISDA telah gagal memainkan peranan untuk memajukan, menaik tarafkan pekebun-pekebun kecil kita di dalam negara Malaysia yang kita cintai.

Sedangkan dalam FELCRA, dalam kelapa sawit misalnya, dalam agensi-agensi yang lain termasuklah kawasan MADA, pertanian padi dan sebagainya, keadaan telah meningkat. Rang undang-undang yang dipinda ini, yang meletakkan fungsi pihak berkuasa dalam seksyen 3A dan 3B yang begitu jelas kepada kita, saya baca yang 3A, "*... 3A. Fungsi Pihak Berkuasa adalah –*

- (a) *untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan pertumbuhan dan daya maju perusahaan getah dalam sektor pekebun kecil."*

Ini tugas lembaga ataupun pengarah, daripada pengarahnya, pengerusinya. jawatankuasanya yang dilantik. Ini tugas ataupun fungsi yang utama yang patut mereka mainkan. Tadi sahabat-sahabat, Ahli Yang Berhormat telah menyebut bahawa kalau kita lihat dalam peraturan ataupun pindaan ini, mereka yang hendak dilantik untuk menduduki jawatankuasa ini ataupun badan ini adalah mereka yang kita nampak tidak mampu dengan kesibukan yang mereka ada untuk memberi perhatian supaya pekebun-pekebun kecil ini dapat dimajukan.

Kita tidak usah ambil contoh yang jauh, kita lihat bagaimana pertanian di Thailand termasuk pekebun-pekebun kecil di Thailand di mana bukan sahaja dalam bidang getah dan sebagainya tetapi pertanian mereka sama ada dalam padi, buah-buahan, mereka mendahului kita. Mereka dapat menyaingi pasaran bukan sahaja di Asia malah di seluruh dunia. Jadi agensi yang diberi kebertanggungjawaban, yang mana fungsi dan tugasnya diletakkan di sini begitu banyak sehingga ke (p), (d) misalnya dalam rang undang-undang ini, "*... 3A. Fungsi Pihak Berkuasa adalah –*

- (d) *untuk menggalakkan, mengawal dan mengawasi langkah-langkah bagi mendapatkan getah yang berkualiti tinggi;"*.

Kita lihat setakat ini, sejauh ini, sehingga kini, apakah yang dilakukan oleh RISDA untuk menambah, menaikkan mutu getah kita, untuk melebihi hasil ataupun pengeluaran susu yang banyak daripada klon-klon tanaman getah kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah satu pindaan yang bagus. Soalnya yang ingin kita persoalkan sekarang ini mampukah kuasa pihak berkuasa yang ada hari ini daripada pengerusinya dan ahlinya melaksanakan tugas yang kita berikan amanah kepada mereka di mana dalam pindaan ini juga menyebut bahawa sejumlah wang yang akan dibelanjakan bukan sahaja wang itu untuk kegunaan, untuk pembiayaan pekebun-pekebun kecil. Wang itu ialah gaji mereka, untuk elaun mereka, untuk kemudahan mereka yakni pegawai-pegawai yang ditugaskan ini.

Jadi, sudah tentulah pindaan ini tidak akan memberi makna sekiranya mereka yang dipertanggungjawabkan ini, yang ditugaskan ini tidak memahami tugas mereka. Apatah lagi tidak melaksanakan tugas mereka, apatah lagi sekiranya tidak melakukan ketelusan dalam menanggung amanah yang diberikan oleh rakyat melalui kelulusan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berat hati saya turut menyokong dan meletakkan satu harapan supaya *insya-Allah* pihak-pihak yang bertanggungjawab ini memikul amanah ini dengan baik dan sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**4.59 ptg.**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. *Alhamdulillah*, saya mengucapkan terima kasih di atas ruang untuk turut terlibat membincangkan satu pindaan rang undang-undang untuk kita meminda agar diwujudkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membincangkan pindaan rang undang-undang ini, saya begitu terharu kerana kita membincangkan satu rang undang-undang yang melibatkan kelompok yang selama ini dianggap kecil dalam mata umum. Sebab itu pada hari ini saya rasa apabila kita membincangkan tentang pindaan rang undang-undang untuk kita menubuhkan satu pihak berkuasa yang besar dengan belanja yang besar ini, sama-samalah kita perlu menginsafi diri kita melihat siapa pekebun kecil getah ini. Apakah nilai pekebun kecil getah ini pada mata umum, dan apakah nilai pekebun getah kecil ini pada mata Ahli Dewan Negara yang bersidang dan cuba untuk meluluskan pindaan undang-undang hari ini?

**■1650**

Bagi saya, jika kita gagal menghargai sumbangan pekebun kecil getah, bahawa mereka selama ini merupakan penyumbang utama kepada produktiviti utama negara, sehingga menjadikan Malaysia sebagai pengeluar getah utama Malaysia, maka kita gagal untuk membincangkan secara adil penubuhan rang undang-undang ini untuk memberikan kebaikan secara umum kepada pekebun kecil getah.

Jadi, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua tentang pindaan rang undang-undang ini. Pertama, untuk sama-sama kita melihat objektif utama. Apabila kita membincangkan tentang objektif utama dalam pindaan ini, tentulah ia berkait kepada paling kurang tiga perkara. Pertama, untuk kita peringkat pendapatan secara umumnya, hasrat murni kita ialah kita hendak tingkatkan pendapatan pekebun kecil. Ini telah dibangkitkan hampir semua hasrat murni Ahli Dewan Negara pada hari ini dan saya harap pihak kementerian, Menteri dan pihak berkuasa dan semua yang terlibat mengambil maklum apa yang disebutkan oleh Ahli Dewan Negara pada hari ini.

Objektif kita dengan tujuan dan niat kita ialah kita hendak meningkatkan pendapatan pihak pekebun kecil getah di Malaysia. Oleh sebab rata-ratanya apabila kita melihat pekebun kecil getah, merekalah yang mendiami dalam tiga kelompok yang utama dalam sosioekonomi Malaysia sama ada dalam kelompok miskin tegar, dalam kelompok miskin ataupun dalam kelompok mudah miskin. Satu kategori terbaru yang telah diperkenalkan baru-baru ini, maka kelompok tiga inilah yang utama yang didiami oleh pekebun kecil getah. Sedangkan mereka yang telah menyumbang pendapatan utama negara khususnya pada peringkat-peringkat awal kemerdekaan. Jadi, apa yang kita hendak bincangkan untuk meningkatkan pendapatan mereka ini dengan melalui tiga perkara sekurang-kurangnya:

- (i) usaha tenaga yang efisien. Kita hendak menjadikan mereka pekebun kecil yang efisien. Menggabungkan mereka menjadi pekebun kecil yang boleh meningkatkan produktiviti mereka sendiri;
- (ii) mengadakan sistem sokongan yang sesuai dan sepatutnya oleh pihak kerajaan sama ada dengan dana sokongan ataupun dengan cara pengembangan teknologi modennya; dan
- (iii) menghasilkan pendapatan yang maksimum. Setelah kita dapat mengeluarkan pendapatan yang maksimum, kita hendak juga pendapatan yang maksimum di mana berkait secara langsung dengan kadar harga getah di pasaran terbuka ini.

Oleh itu, *insya-Allah* dengan secara langsungnya usaha kita ini akan menyumbang produktiviti negara menjadikan satu lagi pendapatan yang utama pada ketika negara dan dunia dilanda ekonomi yang sedang meleset ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang penubuhan pihak berkuasa kemajuan pekebun kecil perusahaan getah ini atau PBKPKPG dengan harapan supaya ia menjadi satu sistem sokongan daripada pihak kerajaan. Sesuai dengan objektif yang telah kita letakkan di sini di muka surat lima di mana kita meletakkan objektif utama adalah untuk menggalakkan penanaman semula dan penanaman baru tumbuhan getah dalam sektor pekebun kecil.

Ertinya, pihak yang terlibat, RISDA mahu pun pihak berkuasa yang lain yang akan terlibat selepas ini janganlah lagi berbolak-balik dalam seperti yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Dewan tadi, apabila permohonan dibuat, disebut bajetnya sudah habis, peruntukkan sudah tiada, tunggu awal tahun dan sebagainya. Ini kerana produktiviti tidak boleh tunggu. Kebun getah selepas tempoh sesuai untuk kita mula *start* menoreh mulai lima tahun atau enam tahun sebahagian klonnya. Apabila sudah sampai 20 hingga 25 tahun tidak boleh tunggu lagi, kalau diusahakan juga tidak memberikan produktiviti yang baik.

Objektif yang kedua ialah kita untuk membangunkan dan menggalakkan industri getah di kalangan sektor pekebun kecil juga sebahagian daripada usaha kita untuk meningkatkan pendapatan.

Ketiga, untuk mengawal selia industri getah dalam sektor pekebun kecil kecuali penyelidikan ke atas getah. Ini adalah objektif-objektif yang cukup murni di mana saya lihat ia sesuai untuk kita membantu dan menyokong usaha yang baik ini kerana kita yakin jika usaha yang murni ini jika dibawa dengan satu garis yang awal tadi, kita meletakkan harapan dan sokongan bahawa sebenarnya kita hendak meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah yang seterusnya menunjukkan bagaimana kita menghargai usaha dan titik peluh mereka memperjuangkan, mengeluarkan produktiviti yang menjadi pendapatan utama negara.

Oleh sebab itu pada hari ini, kita menyokong penubuhan pihak berkuasa kemajuan pekebun kecil getah ini dengan lantikan-lantikan yang kita lihat tadi disebut dalam fasal-fasal yang diberikan dalam rang undang-undang ini, penubuhan dan pelantikan ketua pengarah, pegawai, perkhidmatan, pihak berkuasa dan sebagainya. Kepada semua mereka ini diharapkan apabila mereka menganggotai pihak berkuasa ini yang kita harapkan mereka membawa nilai murni untuk melihat dengan mata yang sebenar bagi membantu pekebun kecil.

Bagi kita, apabila kita meluluskan undang-undang ini kita harus melihat siapakah yang mendapat manfaat yang sebenar. Pelantikan tadi, *alhamdulillah* dilantik dan diberikan amanah tanggungjawab tetapi perlu diingatkan bahawa pekebun kecil ini walaupun dengan perkataan kecil, mereka tetap berhak untuk diurus tadbir secara adil oleh mereka yang diamanahkan kuasa dan juga hak pengurusan. Dengan itu saya ingin mengingatkan kepada semua pemegang-pemegang jawatan daripada Menteri yang terlibat dan juga pihak urusan yang terlibat dengan pekebun kecil ini mestilah memikul amanah yang berat ini dengan adil, telus dan kebertanggungjawaban...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon beri laluan. Boleh mohon laluan?

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Boleh.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang Berhormat datang daripada negeri Kedah - Yang Berhormat? Saya ingin tanya Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebutkan keadilan dan sebagainya. Saya ingin tanya, pendekatan yang bagaimana yang diambil oleh kerajaan negeri Kedah untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini? Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih dengan *point* yang disebutkan tadi untuk supaya tidak terlepas daripada ulasan kita hari ini. Itulah yang kita maksudkan. Kita harus menghargai mereka dan usaha yang kita jalankan memang kita memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak agensi khususnya RISDA yang terlibat membantu pekebun kecil ini. Kita memberikan kuasa dan kita bekerjasama sebaik mungkin.

Oleh sebab itu, kita mengingatkan tadi tentang bagaimana tugas yang dipegang ini haruslah dipegang dengan amanah. Kerjasama dengan pihak kerajaan negeri di mana yang sesuai khususnya yang melibatkan tanah, proses-proses tanah...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Boleh mencelah, sedikit lagi?

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Saya cuba perelaskan tentang - Urusan ini secara langsung yang terlibat adalah agensi daripada Kerajaan Pusat, RISDA tetapi kerajaan negeri harus membantu dari segi urusan tanah kerana memang di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh sebab itu yang saya lihat melalui penilaian kita kepada pengurusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kedah ialah mereka memberikan kerjasama sebaik mungkin dalam urusan memasarkan hasil getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil ini.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Silakan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Selain daripada tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri, apakah dana-dana yang telah pun diperkenalkan oleh kerajaan negeri selaras dengan manifesto yang diuar-uarkan semasa pilihan raya umum yang dahulu? Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih. Tentang pengurusan khususnya apa yang kita bicarakan hari ini berkaitan dengan pengurusan pekebun kecil ia tentulah di bawah agensi RISDA dan sebagainya.

Akan tetapi, tentang hal-hal yang lain berkait dengan pengusaha-pengusaha kecil iaitu petani-petani khususnya tentang penternak ikan dan sebagainya memang diadakan sekadar yang termampu berdasarkan dana yang terhad yang ada pada Kerajaan Negeri Kedah, khususnya apabila kita dinafikan oleh Kerajaan Pusat untuk mendapat dana yang telah dijanjikan seperti mana sebelum ini kita pernah bertanya dalam Dewan dalam Akta Alam Sekitar apabila kita dilarang daripada mengeluarkan hasil balak daripada kawasan Ulu Muda itu dijanjikan RM100 juta tetapi tidak sampai sehingga ke hari ini. Jadi, walau bagaimanapun dengan apa yang ada, kita telah uruskan dengan sebaik mungkin dengan membantu petani-petani dan pekebun kecil untuk melihat kemampuan dan kemajuan mereka.

#### ■1700

Sebab itulah paling tidaknya pada tahun 2009, kita telah berjaya sepanjang setahun setengah mulai pertengahan 2008 sehingga akhir 2009 ini, statistik terbaru menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Kedah juga telah berjaya diturunkan. Walaupun tidak banyak dengan usaha yang cukup terhad tadi, tetapi jumlah kemiskinan pada Oktober 2009 telah pun dapat diturunkan kepada 1.3%. Jadi, usaha ini...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan, Yang Berhormat.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa hairanlah juga dengan pihak negeri-negeri yang telah dikuasai oleh pihak pembangkang. Apabila menghadapi masalah, Kerajaan Pusat dipersalahkan. Akan tetapi, apabila dapat menurunkan kadar kemiskinan, negeri ambil sebagai satu *champion*.

Walhal, menurunkan kadar kemiskinan di beberapa kawasan adalah juga hasil usaha kementerian-kementerian di bawah Kerajaan Pusat. Malah, wang-wang yang diturunkan daripada Kerajaan Pusat. Kalaulah hendak *champion* sangat, jangan salahkan Kerajaan Pusat, cari kewangan sendiri untuk menjalankan dan menaikkan taraf negeri-negeri yang dikuasai oleh kamu semua.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof:** Okey, terima kasih kepada soalan yang dikeluarkan tadi. Namun begitu, sayangnya mungkin cara kita menyalahkan pihak lain, mungkin kita memperkecilkan kelompok yang lain, saya bimbang sampai memberi kesan kepada pekebun kecil, tetapi saya tidak mahu bawa sampai ke sana.

Jadi *alhamdulillah* kerjasama yang kita bawa sepanjang masa, sepanjang 20 bulan dan kerjasama kami terlibat bersama dalam Dewan Negara, dari awal lagi kita sebut kita hadir ke sini juga sebagai mewakili kerajaan negeri dan tidak sebagai pembangkang. Malah, Dewan Negara juga telah digunakan sebagai dewan untuk kita sama-sama bersidang mencari jalan penyelesaian. Akan tetapi, hari ini memang saya tidak menyalahkan persepsi Ahli-ahli Dewan melihat sudut ini kerana mungkin *arrangement* yang dibuat akhir-akhir ini menyebabkan wujudnya satu persepsi seolah-olah ada Ketua Pembangkang, ada kelompok pembangkang dalam Dewan Negara. Kalau begitu, kita harus sediakan satu peruntukan baru kepada Ketua Pembangkang. Kita kalau hendak lantik Ketua Pembangkang yang belum hadir hari ini, ketua kerajaan pula bermula dari negeri Perlis... [Ketawa]

Jadi, itulah sebab saya mulakan mukadimah tadi dengan satu persepsi yang lebih baik kerana kita hendak bekerjasama. Ini kerana kita mahu yang akhirnya yang kita hendak bawa manfaat ini ialah kepada rakyat agar rakyat menerima manfaat sebenar daripada peruntukan yang diberi. Malah, peruntukan berebut-rebut di peringkat kawasan luar bandar ini iaitu apabila kerajaan negeri dengan bantuan terhadap tadi, kita melalui Jabatan Kebajikan dan sebagainya memberikan sumbangan, JKKP juga sibuk mengambil bahagian mengeluarkan peruntukan melalui pembangunan luar bandar.

Kami juga cukup bernasib baik dan bertuah di negeri Kedah kerana pihak Kerajaan Pusat juga telah menghantar satu wakil daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah menjadi orang kanan dalam Barisan Nasional di negeri Kedah. Itu menyebabkan kami mendapat bantuan luar bandar yang lebih baik saya rasa sejak akhir-akhir ini. Jadi, kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Sempornalah.

Jadi, kembali kepada perbincangan kita tentang penubuhan ataupun untuk membicarakan tentang meminda akta bagi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil ini, kita hendak ingatkan tadi tentang bagaimana usaha-usaha yang diwujudkan pihak berkuasa tadi. Dalam pindaan ini juga melibatkan satu sistem kewangan yang kita wujudkan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah. Satu lagi kumpulan wang yang tujuan murninya untuk menghimpun, mengumpul, mengendalikan pinjaman dan sebagainya demi untuk kemajuan dan pembangunan pekebun kecil getah.

Apa yang kita hendak ingatkan ialah supaya berlaku ketelusan dan kebertanggungjawaban yang sebaiknya. Ini kerana melihatkan kepada pindaan yang dibuat pada hari ini, khususnya yang melibatkan di muka surat 28 dan 29 itu, meletakkan satu kuasa yang cukup besar yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Dewan tadi, kuasa yang besar diletakkan kepada mereka yang sangat sempit masa untuk melihat kemajuan pekebun kecil ini, kita bimbang akhirnya kuasa-kuasa ini diadakan kemudian dilepaskan, lalu diwariskan kepada mereka yang tidak memahami objektif sebenar penubuhan kumpulan wang dan penubuhan pihak berkuasa ini untuk tujuan yang asalnya iaitu bagi kemajuan pembangunan dan penambahbaikan kepada pekebun kecil.

Dalam kita membincangkan tentang pekebun kecil ini, aspek berikutnya yang ingin saya sentuh ialah tentang meningkatkan produktiviti. Disebut tadi bagaimana ketika harga getah melambung sekitar RM6 sekilo, ramai pekebun kecil kita yang telah menswastakan usaha menoreh getah ini. Namun, apabila getah kembali kepada harga RM2, penoreh-penoreh getah sambilan (*part-time*) sama ada dari dalam negara atau luar negara mula meninggalkan kebun-kebun ini kerana hasil RM2 sekilo itu sudah tidak memadai untuk pekerja yang datang daripada luar kawasan terlibat.

Maka pekebun-pekebun kecil kita sudah mula mendapat masalah untuk meneruskan usaha di kebun mereka, khususnya termasuklah kawasan besar yang melibatkan kawasan FELDA sendiri yang ketika harga tinggi, seperti disebut oleh teman-teman kita tadi yang saya boleh mengakuinya kerana pada ketika harga RM6 menggunakan tenaga luar pun mereka masih mampu untuk membahagikan pendapatan sekitar RM4,000 hingga RM6,000 sebulan.

Akan tetapi ketika harga turun RM2, jika penoreh getah sambilan tadi masih meneruskan, sekurang-kurangnya mereka masih mampu untuk mendapat agihan sekitar RM1,500 hingga RM2,000. Namun, apabila ditinggalkan oleh penoreh getah sambilan tadi, mereka terkapai-kepahi kerana sudah lama tinggalkan bidang ini dan seterusnya mereka sudah pun meningkat usia. Oleh itu, kita hendak mengingatkan dalam meningkatkan produktiviti ini, kita mengharapkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah ini supaya mengambil iktibar dengan membelanjakan sumber dana mengikut prioriti iaitu dengan memberikan keutamaan kepada pendidikan dan latihan.

Ia juga disebut oleh rakan kita tadi tentang betapa pentingnya pendidikan dan latihan sebagai satu daripada cabang untuk meningkatkan produktiviti pekebun kecil getah ini. Antara caranya ialah mungkin teknik penorehannya dimodenkan dengan tujuan untuk memaksimumkan hasil pendapatan. Keduanya, teknik baru juga ini boleh menarik minat generasi kedua pekebun kecil agar mereka boleh menerima ia sebagai satu profesion tersendiri yang mampu menyumbang pendapatan kepada mereka, tidak kurang daripada RM1,500 sebulan. Ini penting untuk kita tanamkan satu persepsi ini kepada generasi kedua agar tidak ada generasi seperti yang disebut tadi, iaitu generasi pertama yang sudah meningkat tua, tetapi generasi kedua telah tidak mahu lagi menerima dan mewariskan profesion penoreh getah ini kerana mereka merasakan satu pekerjaan yang tidak mendatangkan hasil yang sesuai.

Sedangkan sekiranya tekniknya kena, caranya betul, jumlahnya tidak kurang daripada sekitar empat hektar atau kurang sedikit dari empat hektar disebut tadi, pendapatan jika menoreh sendiri walaupun dengan harga sekarang sekitar RM3.90 sekilo sehingga RM4.10 di kawasan saya sekarang ini, pendapatannya tidak kurang daripada RM1,500 hingga RM2,000 bagi empat hektar sebulan, tetapi bergantung kepada cuaca. Ini pendapatan yang memerlukan penorehan sekitar 20 hari ataupun 20 kali sebulan sepertimana yang dilakukan di estet-estet getah.

Kita juga perlu meningkatkan pendidikan dan latihan kepada pekebun-pekebun kecil ini kerana generasi pertama yang sebahagiannya tidak punya waris yang komited untuk mampu menguruskan pekebun getah ini. Sama ada menguruskan ataupun untuk menjadi penoreh getah secara profesional, kita perlukan pendidikan dan latihan supaya mereka mampu menjadi pengurus ketika usia mereka telah meningkat kepada satu tahap yang tidak mampu mengerahkan tulang empat kerat mereka untuk menoreh getah.

Oleh itu, mereka mampu untuk menguruskan ladang getah mereka yang ada untuk menghasilkan pendapatan yang sesuai yang saya sebutkan tadi walaupun sekitar RM1,500, tetapi sebagai pengurus, mereka masih mampu mendapat separuh daripada itu, sekitar RM750. Pada usia yang lanjut itu, mungkin sudah agak memadai untuk mereka menanggung kehidupan mereka.

#### ■1720

Aspek yang seterusnya daripada peningkatan produktiviti ini Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan agar pihak kerajaan khususnya mereka yang akan dilantik di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah ini membantu menyokong pihak pekebun kecil ini dengan menstabilkan harga getah ini. Harga getah pernah meningkat sampai RM6 lebih, pernah turun sampai sekitar 70 sen dan ini satu gerakan yang sangat memudaratkan keadaan pendapatan yang sangat tidak stabil. Ini telah berlaku kita tidak mahu pekebun getah juga turut merasai masalah seperti mana yang sedang dihadapi oleh pihak nelayan. Rakan-rakan kita dari kawasan tepi pantai boleh merasai bagaimana peritnya pihak nelayan yang usaha mereka kalau pun mereka keluar ke laut pagi, pulang tengah hari dengan 200kg ikan kembung.

Harga ikan kembung mereka dapat jualkan dengan sekitar harga RM4 sekilo. Akan tetapi pada hari yang mereka mendapat pendapatan yang lebih lumayan, mereka berjaya membawa pulang hasil nelayan hampir 400 kilo sekali ganda, tetapi harga yang ditawarkan pada hari tersebut jatuh pada RM2 sekilo. Walhal, hasil balik asal bermakna mereka tidak menambahkan pendapatan, bekerja keras, bekerja kuat, tetapi akhirnya pulangan yang mereka dapat masih lagi sama dan inilah menyebabkan mereka tidak mendapat daya saing, daya bekerja yang kuat untuk meneruskan produktiviti mereka apatah lagi semakin hari semakin dimakan usia, menyebabkan mereka tidak semakin bertenaga untuk meneruskan usaha sebagai pekebun kecil getah ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan beberapa noktah yang saya sebutkan tadi dengan harapan saya ialah sekali lagi ingin saya tutup dengan mengingatkan biarlah apabila kita membincangkan tentang urusan pekebun kecil getah ini walaupun kita gunakan perkataan nama kecil, tetapi kita tidak memperkecilkan usaha mereka. Apa yang pentingnya niat kita kerja kita, ketelusan dan dapat dilihat oleh rakyat. Kita bekerja untuk memastikan pekebun kecil getah Malaysia dihargai dan mendapat tempat yang sebaiknya dalam pembangunan negara di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

### 5.13 ptg.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut membahaskan akta untuk Meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

Saya mempunyai beberapa perkara untuk dibahaskan. Pertama berkaitan dengan jaminan dari pihak-pihak kerajaan agar harga kayu getah yang dijadikan perabot di Malaysia boleh dikawal dan dipastikan mempunyai harga yang lebih rendah berbanding dengan perabot yang sama yang dieksport ke luar negara. Ini memandangkan kita melihat ke negara Asian yang lain. Negara yang mengeluarkan kayu jati. Kalau kita pergi ke Indonesia ataupun kita pergi ke Thailand, harga yang kita dapati untuk perabot yang dihasilkan daripada kayu jati lebih murah berbanding dengan harga terhadap perabot yang sama yang didapati di Malaysia.

Jadi, kita ingin mendapatkan satu jaminan dari pihak kerajaan bila mana yang diluluskan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah ini boleh menjamin agar semua rakyat Malaysia berhak untuk mendapat harga perabot yang dihasilkan daripada kayu getah yang jauh lebih murah berbanding dengan eksport ke luar negara. Ini kerana kita tidak ingin lagi melihat sebagaimana produk-produk kita yang lain dalam negara barang yang ditawarkan lebih rendah kualitinya harga lebih mahal berbanding dengan benda yang kita di eksport ke luar negara dari segi kualitinya lebih elok dan harganya lebih murah. Jadi, perkara ini sebenarnya mengurangkan semangat kecintaan rakyat kepada negara kerana barang yang kita keluarkan sendiri pun kita tidak *control* harga. Jadi, saya minta sangatlah agar perkara ini dapat diberi perhatian oleh pihak yang akan menjadi pihak berkuasa dalam akta ini.

Seterusnya tentang Lembaga Getah Negeri-negeri. Daripada akta ini kita melihat sebenarnya di semua negeri terdapat Lembaga Getah Negeri, tetapi promosi ataupun pengetahuan kita tentang apakah laporan serta aktiviti Lembaga Getah Negeri-negeri termasuk semua negeri di Malaysia tidak mendapat liputan meluas daripada pihak media mahupun pihak kerajaan. Lantaran itu mungkin ramai dari kalangan kita menganggapkan bahawa tidak wujud Lembaga Getah Negeri yang sebenarnya telah pun sepatutnya menjaga semua kebajikan terutamanya pekebun kecil yang telah pun menjadi pengeluar utama ataupun orang-orang yang telah pun memberikan sumbangan besar kepada pengeluaran getah negara. Saya juga ingin mengetahui apakah langkah pihak kerajaan untuk mempromosikan Muzium Getah Asli yang terdapat di Sungai Buloh.

Ini adalah tempat yang sepatutnya dijadikan tempat wajib lawat oleh pelancong-pelancong luar negara mahupun pelancong dalam negara untuk mengetahui tentang sejarah negara kita. Akan tetapi, saya nampak perkara ini promosi kepada perkara yang menjadi asas kepada kemajuan negara, asas kepada ekonomi negara tidak diberikan perhatian langsung. Jadi sekiranya perkara ini tidak dibuat secara intensif kita mohon agar promosi kepada Muzium Getah Asli ini diberikan secara meluas agar kita boleh meningkatkan lagi pengetahuan orang-orang muda untuk lebih mereka ini menyumbang dari segi pendidikan dan seterusnya menyumbang kepada pendapatan ekonomi negara yang berkaitan dengan getah kerana kita merupakan antara negara yang menjadi pengeluar getah asli yang terbaik di dunia.

Saya juga ingin bertanya, berapakah koperasi yang telah menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan perladangan getah? Kita lihat di bawah seksyen, kalau tidak silap saya seksyen 7, yang menyebut tentang keanggotaan ahli-ahli pihak berkuasa.



Jadi dia sebut bahawa tujuh daripada wakil di bawah seksyen 7(i), tujuh orang wakil sektor pekebun kecil, seorang daripadanya dari Sabah dan seorang dari Sarawak. Saya ingin tahu siapakah mereka ini? Tujuh orang yang dilantik itu daripada badan atau persatuan apa? Ini kerana kalau untuk akta-akta lain, kita jelas, kalau untuk peguam kita ada *Bar Council*, jadi disebut secara akta jadi untuk pihak berkuasa pekebun kecil ini siapakah wakil-wakil yang akan menjadi wakil kepada pihak pekebun kecil yang akan menjamin kebajikan pekebun kecil ini.

Kalau ada koperasi-koperasi kita ingin tahu berapakah koperasi yang membuat aktiviti berkaitan dengan pekebun kecil atau peladang getah. Sekiranya ada, berapakah pendapatan yang telah dijanakan daripada koperasi ini? Berkaitan dengan pengetahuan pekebun-pekebun kecil kita berkaitan dengan kesihatan. Setakat ini kita banyak membincangkan tentang apakah yang telah dihasilkan daripada pekebun kecil getah khususnya daripada getah yang mereka hasilkan. Akan tetapi, jarang dikalangan kita membincangkan secara serius apakah komplikasi-komplikasi serta masalah-masalah kesihatan khususnya membabitkan kebajikan pekebun kecil. Dalam *research* yang dibuat, didapati 60.3% pekebun kecil getah berkemungkinan akan mengalami sakit belakang iaitu enam kali ganda berbanding orang biasa kerana faktor darjah kebongkokkan, ketinggian subjek serta tinggi torehan dan jangka masa torehan semasa mereka ini menanam ataupun menoreh getah.

Jadi, perkara kebajikan seperti ini harus juga dimasukkan secara terperinci untuk dibincangkan daripada kita sebut secara umum tentang apa benda yang kita hendak buat tentang kebajikan dan kesejahteraan pekebun kecil. Kalau boleh dibuatkan satu polisi khas untuk memastikan pekebun kecil getah yang menghasilkan getah kepada negara ini diberikan perlindungan ataupun pendidikan secara menyeluruh ke atas kesihatan mereka.

Daripada pengalaman sebagai peguam yang mengendalikan kes-kes, kalau melibatkan kes pekebun getah, kalau mereka terlibat dalam kemalangan sebenarnya adalah sukar untuk mana-mana peguam mendapatkan dokumentasi untuk membuktikan pendapatan mana-mana pekebun kecil getah. Tidak cakaplah soal yang 40 hektar, yang dua hektar, tiga hektar langsung tidak mempunyai sebarang data untuk membuktikan pendapatan mereka. Ini hanya boleh dibuktikan kadang-kadang oleh penghulu. Jadi dalam akta ini dibutirkan secara terperinci bagaimana penyitaan bagaimana dokumen yang diakses. Jadi kalau perkara hendak dirujuk, hendak dikaji, saya rasa sebenarnya dari segi realiti, kalau kita ke kebun jumpa dengan pekebun kecil ataupun melibatkan kes-kes pekebun kecil, satu dokumen pun mungkin sukar untuk kita dapati.

Mungkin yang kita dapat cuma dari segi geran sahaja. Dokumen-dokumen lain tidak ada langsung dari sudut kita memberikan pendidikan bagaimana orang ini yang menjadi pekebun kecil getah ini mesti mendokumentasikan pendapatan mereka penghasilan mereka. Ini mesti harus dibuat secara terperinci. Jika wujud pihak berkuasa pekebun kecil ini mesti dibuat secara tersusun. Satu latihan yang begitu intensif mestilah diberikan kepada seluruh pekebun kecil. Sekurang-kurangnya peringkat negeri dan diturunkan kepada peringkat daerah dan juga peringkat kampung bagi memastikan apa yang kita tulis dalam akta ini boleh kita jamin untuk kita dapat.

#### ■1720

Sebab kalau kita hendak sita, tidak ada dokumen yang boleh disita, hanya boleh sita getah, apakah yang akan boleh dibawa ke mahkamah? Melainkan bahan bukti yang berbentuk getah sahaja, tanpa bahan bukti yang berbentuk dokumentasi. Ini juga akan menyukarkan pekebun-pekebun kecil ini mendapatkan sebarang pembiayaan daripada institusi kewangan. Jadi, ini menyebabkan yang miskin lagi miskin dan mereka tidak lagi berpotensi untuk menjadi lebih kaya ataupun lebih maju kerana mereka gagal untuk mendokumentasikan perkara ini.

Begitu juga dengan hak pemunyaan. Sebelum ini kita mendengar bagaimana kejayaan wanita untuk mendapatkan hak pemunyaan dalam kes FELDA. Kalau suami pembuka tanah, isteri juga dijamin untuk mendapat sebahagian daripada tanah sebagai pemunyaan. Jadi saya ingin tahu, adakah untuk di bawah Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (Pindaan) 2009 ini wanita akan diberikan perlindungan.

Maknanya kalau suaminya membuka satu kebun ataupun kebun-kebun getah, wanita tersebut secara automatik akan mendapat sebahagian daripada *ownership* ataupun pemilikan tanah tersebut, sebagaimana yang dinikmati oleh wanita-wanita dalam sektor ladang kelapa sawit. Jadi kita mahu perkara yang sama dijamin oleh pihak kerajaan bagi melindungi wanita yang kebanyakannya juga terlibat sebagai penoreh getah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, selain daripada pekebun kecil pihak FELDA yang mana tanah dibagikan kepada suami dan isteri, kita juga perlu kaji bidang-bidang lain seperti penanam padi dan juga semualah dari segi yang melibatkan pekebun kecil dan juga peruncitan yang lain, yang kita tidak mendapat dokumentasi seperti mana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi dari segi bila ada kemalangan dan lain-lain itu. Mungkin kita boleh dapat asingkan satu akta yang menyeluruh berkenaan dengan mereka ini, daripada kita jadikan satu untuk pekebun kecil, satu untuk penanam padi dan lain-lain, bagaimana pendapat Yang Berhormat?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini merupakan satu cadangan yang baik, yang saya rasa perlu diambil tindakan segera oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Perdana Menteri bagi melindungi semua wanita dan orang-orang yang terlibat dalam sektor-sektor seperti ini, sektor yang tidak ada slip gaji. Jadi bagaimana kita hendak bela mereka ini perlu dibuat satu kajian yang khas, kerana ini merupakan sebahagian daripada pekerjaan utama rakyat kita di Malaysia.

Jadi kalau kita boleh ada akta yang sedemikian khusus untuk melindungi ataupun untuk membuat dokumentasi bagi membuktikan pendapatan orang-orang seperti ini, saya rasa satu cadangan yang baik dan perlu disegerakan. Ini kerana ini akan melibatkan terutamanya masalah yang paling besar sekiranya mereka menjadi ibu tunggal. Lebih teruk lagi mereka hendak buktikan pendapatan bekas suami ataupun suami meninggal dunia dari segi membuktikan faraid. Jadi ini merupakan isu-isu yang sebenarnya berlaku di peringkat bawah. Saya juga...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon mencelah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Apa pendapat Yang Berhormat kalau saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya pekebun-pekebun kecil ini sendiri diinsuranskan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum itu saya ingin tahu berapa ramai lagikah Yang Berhormat yang ingin berbahas? Tolong angkat tangan. Okey, silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Itu merupakan hujahan saya selepas ini, iaitu untuk mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk membeli insurans ataupun memberikan insurans kepada semua pekebun kecil sebagaimana sebelum ini diisytiharkan untuk diberikan insurans kepada nelayan-nelayan. Jadi saya rasa perkara ini bukan hanya terlibat kepada nelayan, tetapi juga pihak pekebun kecil dan juga mereka ini perlu diberikan peluang untuk mendapatkan caruman KWSP, yang telah pun dicadangkan kepada sektor-sektor lain. Jadi, perkara yang sama seharusnya dilebarkan kepada pekebun kecil untuk perusahaan getah.

Di bawah seksyen 3(b) menyebut tentang pekebun kecil, pemunya ataupun penduduk sah mana-mana tanah yang jumlah kawasannya kurang daripada 40 hektar. Jadi, bagaimana pula dengan orang yang menjadi penyewa ataupun yang memajak tanah-tanah yang kurang daripada 40 hektar? Bagaimanakah orang-orang seperti ini akan dibela di bawah Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah? Bagaimanakah pihak berkuasa tempatan boleh membuat sebarang kontrak disebut di bawah 3(a), 3(b), 3(c), menyebut memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati jenis harta alih atau harta tidak alih.

Bagaimanakah pihak-pihak pekebun kecil ini akan dipertimbangkan sewajarnya dalam kes pengambilalihan tanah? Dalam kes pengambilalihan tanah untuk kes projek-projek besar, kita melihat banyak isu yang timbul. Jadi bagaimana dari segi untuk pekebun kecil ini yang kita nampak jauh lebih terbelakang dari sudut mungkin pengetahuan mereka mengenai undang-undang? Bagaimanakah hak-hak pekebun kecil ini akan diberikan pertimbangan? Siapakah yang akan menjadi wakil mereka dalam kes bila berlaku masalah pengambilalihan?

Berkenaan dengan fi yang akan dikenakan di bawah seksyen 3B(h), yang menyebut, "mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkan patut." Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar sebarang fi yang akan dikenakan yang melibatkan pekebun kecil perusahaan getah ini, mestilah dibuat dalam bentuk yang telus dan terbuka dan dimaklumkan secara umum ke seluruh negara sebelum sebarang pengenalan fi dibuat. Ini kerana tanpa perkara ini jelas dibuat, kita bimbang akan berlaku kenaikan fi serta peletakan fi yang tidak munasabah ataupun yang mungkin tidak disedari oleh pekebun kecil yang terlibat dalam akta ini. Jadi, kita mahu supaya sebarang fi dikenakan ia hendaklah diwartakan dan diumumkan secara umum di seluruh negara agar kita melihat keadaan keseragaman yang sama ada mereka pekebun kecil getah di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak.

Seterusnya berkenaan dengan seksyen 44. Seksyen 44 dengan jelas menyebut sekiranya apa-apa getah yang disimpan dan orang itu didapati bersalah, maka ia akan jadi hutang yang kena bayar kepada pihak berkuasa atau kerajaan mengikut mana-mana yang berkenaan oleh orang itu dan hendaklah boleh mendapatkan dengan sewajarnya. Saya ingin bertanya, apakah jaminan kerajaan bahawa sekiranya berlaku kes-kes yang melibatkan getah dalam apa bentuk sekalipun dan getah ini disimpan, atau menjadi busuk atau menjadi tidak berkualiti serta menjadi liabiliti kepada pihak kerajaan. Bagaimanakah pihak kerajaan boleh menjamin kes-kes melibatkan perkara-perkara seperti ini boleh didengar dengan cepat di mahkamah? Ini bagi mengelakkan beban kepada kerajaan dan juga menjadi satu ketidakadilan kepada rakyat yang terpaksa mendapati dua kali hukum. Pertama dia kena bayar kerana dia bersalah dan kedua dia kena menanggung akibat daripada penyimpanan barang-barang seperti getah ini.

Jadi, kita memerlukan piagam daripada pihak kerajaan yang jelas tentang berapa lama kes yang melibatkan perkara ini akan disimpan supaya ia akan memberikan kesedaran dan juga akan boleh menyelamatkan harta kerajaan. Seterusnya lagi sekiranya pihak Lembaga Hasil Sawit boleh ada majlis promosinya sendiri, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan majlis promosi untuk bahan-bahan yang dihasilkan daripada getah? Sekiranya ada harapannya segala perkembangan yang didapati daripada akta ini boleh dibuat hebahan secara berleluasa kepada rakyat, agar rakyat di bawah khususnya pekebun kecil getah akan dapat menikmati hasil yang lebih baik daripada akta ini sebelum dan sehingga akta ini diluluskan, semoga ia boleh memberikan manfaat yang lebih baik kepada pekebun kecil getah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah.

**5.29 ptg.**

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri. RISDA sudah lama diwujudkan dan mereka ada banyak pengetahuan, pengalaman dan penyelidikan dari segi pengurusan pemilik getah kecil. Jadi, apakah sumbangan kepada bidang pengetahuan dan kemahiran yang diberikan oleh RISDA itu? Di manakah sumbangan-sumbangan ini, adakah ada di muzium, di internet ataupun di mana-mana? Di manakah sumbangan-sumbangan ini *distorekan*? Pertama.

Kedua ialah saya nampak Yang Berhormat Menteri bahawa pengurusan kakitangan RISDA...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih panjang lagikah?

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Sedikit lagi, satu minit. Saya nampak Yang Berhormat Menteri, iaitu kakitangan *senior, middle, junior level* RISDA, rakyat kaum Cina dan kaum India, berapakah bilangannya? Kalau kurang apakah rancangan RISDA untuk mengambil masuk golongan ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup. Nampaknya esok kita akan sambung perbincangan. Ada beberapa orang lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menangguhkan Dewan. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 10 Disember 2009.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***